

Jilid IV
Bil. 4



Hari Khamis
10hb April, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 469]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 536]

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 537]

MALAYSIA
PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK BENEDICT STEPHENS, P.S.M., S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan—Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN NG CHENG KIAT (Dilantik).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDDEEN (Sarawak).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik).
- „ Lt. Kol (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik).
- „ TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah).
- „ PUAN AINON BINTI ARIFFIN (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH AZIZAH BINTI HAJI MOHD. SAID (Dilantik).
- „ TUAN BEE YANG SEK (Kedah).
- „ TUAN CHAN CHONG TAK (Dilantik).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang).
- „ TUAN HARUN BIN HASSAN (Terengganu).
- „ PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM *alias* HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu).
- „ TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan).
- .. DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- .. TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- .. DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- .. PUAN SRI DATIN JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- .. DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik).
- .. TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- .. DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- .. TUAN KUAN PENG SOON *alias* KUAN PENG CHING (Perak).
- .. TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik).
- .. CIK LIM SEAN LEAN *alias* LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik).
- .. TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- .. PUAN MAZIDAH BINTI HAJI ZAKARIA (Dilantik).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I. A.M.N. (Johor).
- .. TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan).
- .. TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis).
- .. TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak).
- .. TUAN MOHD. YUSOFF *alias* YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan).
- .. TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka).
- .. TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka).
- .. DATO DR K. S. NIJHAR (Dilantik).
- .. TUAN M. G. PANDITHAN (Selangor).
- .. TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).
- .. DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- .. TUAN RAJOO A/L DESARI *alias* GOVINDASAMY (Dilantik).
- .. PUAN HAJJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).
- .. PUAN ROKIAH *alias* MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- .. TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik).
- .. TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- .. TUAN A. SHAIK DAWOOD ABU BAKAR *alias* A. S. DAWOOD, (Dilantik).
- .. TUAN HAJI SHUAIB BIN LAZIM (Dilantik).
- .. TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor).

„ TUAN TIONG HIEW KING (Dilantik).

„ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).

„ TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).

„ TUAN WONG YAU KET (Sabah).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pemberita-pemberita

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 10hb April, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mempe-
ngerusikan Mesyuarat*).

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**LEMBAGA LOTERI
KEBAJIKAN MASYARAKAT—
KEUNTUNGAN**

1. Tuan Bee Yang Sek minta Menteri
Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) berapakah jumlah keuntungan yang diperolehi oleh Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat; dan
- (b) adakah kesemua keuntungan itu dipergunakan untuk tujuan kebajikan masyarakat sahaja.

**Setiausaha Parlimen Kementerian
Kebajikan Masyarakat (Tuan Jawan
anak Empaling):** Tuan Yang di-
Pertua, jumlah keuntungan mengikut
penyata akaun tahunan yang telah
diauditkan bagi tahun-tahun 1981
hingga 1984 adalah seperti berikut:

1981	\$18,679,835
1982	\$21,621,320
1983	\$24,120,436
1984	\$24,702,851

Bagi tahun 1985, mengikut penyata akaun tahunan yang sedang diauditkan, jumlah keuntungan ialah sebanyak \$29,749,570

Keuntungan yang diperolehi dari Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat diletakkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Perkhidmatan Kemasyarakatan dan Kebajikan yang ditadbirkan oleh Unit Penyelarasan Jabatan Perdana Menteri. Kegunaan Kumpulan Wang ini termaktub dalam seksyen 5 (4) Akta Lembaga Loteri Kemasyarakatan dan Kebajikan 1982 seperti berikut:

“5 (4). Pembayaran-pembayaran di bawah seksyen kecil (2) boleh dibuat bagi maksud-maksud untuk memberi bantuan kepada mana-mana organisasi, institusi atau badan awam, kedermawan, kebajikan, keagamaan atau pelajaran atau untuk mengendalikan sesuatu rancangan atau projek kedermawaan, kebajikan, keagamaan atau pelajaran atau sesuatu kerja atau berfaedah kepada pihak awam, atau untuk memperbaiki keadaan kemasyarakatan atau memajukan kebajikan orang-orang awam atau mana-mana golongan dari pihak itu”.

Walau bagaimanapun, semua perbelanjaan yang dibuat melalui peruntukan ini perlu mendapat kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terlebih dahulu.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, tadi kita telah dengar panjang lebar daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan inilah satu perniagaan yang tidak rugi—bagus. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian atas wang atau duit yang telah dimenangi hadiah tetapi tidak dikutip oleh mereka kerana kehilangan tiket? Bolehkah Kementerian ini memberitahu umum bahawa hadiah untuk sesuatu tiket belum dikutip?

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, hadiah-hadiah kemenangan yang tidak dikutip oleh sebab-sebab tertentu, itu dipulangkan kepada satu Kumpulan Wang di bawah jagaan Treasury. Tidak sesiapa yang boleh mengambil wang itu, ertinya dipulangkan kepada Kerajaan.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya bukan begitu. Kalau sudah hilang tiket, bolehkah Kementerian ini beritahu melalui berita-berita atau suratkhbar bahawa tiket-tiket bernombor sekian-sekian belum dikutip hadiahnya. Itulah soalan saya.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar sedikit untuk kita memberi penjelasan umum atas tiket-tiket yang hilang, sebab kita tidak tahu siapa yang hilang tiket itu. Minta maaflah, Yang Berhormat, tidak boleh kita memberi pengumuman secara umum di seluruh negara, minta maaf yang itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang betul soalan itu tidak timbul, sebab kalau orang hilang, itu hal dia sendiri. Apa yang sudah dibeli, kira-kira wang itu akan masuk Kumpulan Wang. I don't think I should have allowed that question, but since I already have, so apa boleh buat? (*Ketawa*).

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya yang kedua. Setahu saya tidakkah biasanya wang-wang yang tidak dipungut ini dipermaklumkan kepada umum melalui Gazet?

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya minta maaf, Yang Berhormat, saya tak pastilah. Saya boleh jawab soalan Yang Berhormat dengan bertulis berkenaan perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan itu sudah luar dari pertanyaan asal, maaf. Jadi, harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu oleh beri jawapan cara bersurat.

TABUNG HAJI—PELABURAN

2. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan nilai pelaburan yang telah dijalankan oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) sehingga 31-3-1986 dan sama ada keuntungan daripada pelaburan ini digunakan untuk kemudahan jemaah-jemaah haji semasa menunaikan fardu haji di tanah suci. Jika ya, nyatakan jumlah yang telah digunakan pada tahun-tahun 1983, 1984 dan 1985.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, nilai kos (harga belian) pelaburan Tabung Haji pada 31-3-1986 ialah \$476.8 juta, manakala nilai pasarannya pula dianggarkan bernilai \$711.18 juta.

Keuntungan yang diperolehi dari pelaburan Tabung Haji telah digunakan secara langsung dan tidak langsung untuk membantu penyimpan-penyimpan menunaikan fardhu haji. Secara langsung, Tabung Haji telah menggunakan keuntungan tersebut bagi mengeluarkan bonus kepada penyimpan-penyimpannya untuk membantu menambah wang

simpanan mereka bagi perbelanjaan menunaikan fardhu haji. Jumlah dan kadar bonus yang telah dibayar kepada penyimpan-penyimpan bagi tahun 1983 sehingga 1985 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Bonus	Kadar Bonus
1983 ..	\$15.2 juta	8.5%
1984 ..	\$34.47 juta	8.5%
1985 ..	\$27.14 juta	8.0%

Secara tidak langsung, Tabung Haji telah menggunakan keuntungan untuk membantu membiayai perbelanjaan urusan haji dengan cara menampung perbelanjaan yang melebihi peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Pusat. Perbelanjaan yang ditanggung oleh Tabung Haji, selain daripada peruntukan Kerajaan Pusat ialah:

Tahun	Jumlah Perbelanjaan
1983	\$0.6 juta
1984	\$0.9 juta
1985	\$0.5 juta

Selain daripada itu, keuntungan dari pelaburan Tabung Haji juga telah digunakan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan tertentu kepada Jemaah Haji semasa menunaikan fardhu haji melalui penubuhan Tabung Kebajikan Jemaah Haji. Kemudahan-kemudahan tersebut termasuklah mengadakan tempat penginapan/tempat menguruskan pemeriksaan barang-barang dan passport jemaah haji sebelum mereka bertolak ke Tanah Suci, mengadakan kemudahan tambahan kebajikan di Tanah Suci seperti mengadakan pusat rawatan dan memberi bantuan dari segi pakaian, makan dan minum kepada Jemaah Haji yang sesat. Jumlah bantuan berkenaan yang telah diberikan pada tahun 1983 ialah \$0.6 juta dan jumlah itu telah meningkat kepada \$2 juta pada tahun yang lalu.

Tabung Haji akan terus memberi bantuan kepada Jemaah Haji daripada hasil keuntungan yang diperolehi daripada pelaburannya dari masa ke semasa.

Puan Ainon binti Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, ingin bertanya, adakah pihak Tabung Haji atau LUTH akan mengurangkan perbelanjaan ataupun pembayaran yang dikenakan kepada jemaah haji mengenangkan kemelesetan ekonomi yang ada pada hari ini dan mengenangkan harga minyak turun, mungkin kapal terbang murah tambangnya?

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sudah beberapa tahun kenaikan tidak dibuat dan seperti yang dikatakan, oleh kerana pada tahun ini juga tidak ada kenaikan, jadi dari segi bantuan sebenarnya terpaksa pihak Tabung Haji sendiri menambakkannya. Walaupun kita tahu harga minyak turun, tetapi harga-harga yang ditentukan untuk penginapan ataupun makanan di Tanah Suci, begitu juga bayaran-bayaran yang dikenakan, sebenarnya tidak turun.

Saya ingin menyatakan di sini, sudah beberapa tahun jumlah ini tak naik dan kita belum bercadang hendak mengurangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shuaib bin Lazim.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke-3.

CARUMAN PEKERJA DALAM KWSP

3. Tuan Haji Hussein bin Ahmad (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah caruman pekerja-pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

(KWSP) pada tahun 1985 dan sama ada beliau akan mengarahkan pihak KWSP untuk melaburkan caruman dari bumiputera ke dalam Skim Amanah Saham Nasional.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah caruman ahli-ahli KWSP yang diterima pada tahun 1985 ialah \$2.758 ribu juta. Oleh kerana kegiatan-kegiatan pelaburan yang dijalankan oleh KWSP adalah bertujuan untuk memberi keuntungan pada semua golongan pencarum-pencarum KWSP, adalah tidak wajar untuk melaksanakan cadangan Ahli Yang Berhormat ini, yakni mengeluarkan wang untuk melabur di dalam Skim Amanah Saham Nasional.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berkaitan dengan soalan pokok, iaitu daripada pengamatan saya hingga 3 atau 4 tahun kebelakangan ini, pihak KWSP adalah begitu berhati-hati sekali apabila menyalurkan simpanan pekerja selain daripada bon-bon Kerajaan. Sebabnya ialah simpanan pekerja untuk jangka masa yang panjang, bukan untuk disalurkan kepada pelaburan-pelaburan yang mungkin turun dan naik, tetapi kebelakangan ini walaupun tidak kepada Skim Amanah Saham, sebahagian daripadanya disalurkan untuk membeli rumah murah.

Selain daripada itu, saya ingin bertanya kepada pihak Timbalan Menteri, ura-ura untuk menyalurkan sebahagian daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ke arah pasaran saham terbuka dengan tujuan untuk memberi nafas baru kepada pasaran saham terbuka. Jika ura-ura ini benar, sejauh mana ia dilaksanakan? Bagaimana kita sanggup berkompromi ataupun "reconcile", dengan izin, prinsip simpanan jangka masa panjang

untuk pekerja dengan pelaburan yang mungkin turun dan naik di pasaran saham terbuka.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, wang KWSP dilaburkan di dalam saham-saham terbuka bukan ura-ura. Sebenarnya perkara ini sudah lama dijalankan, barangkali Yang Berhormat sahaja tidak mahu menyebutkan. Cuma bezanya, apabila saham turun, maka kelihatannya kerugian dari segi kertas dan tidak rugi sebenarnya selagi tidak dijual. Cuma yang berbezanya, apabila untung tak ada orang timbulkan, apabila rugi sahaja ditimbulkan.

BANTUAN KEWANGAN KEPADA ORANG MISKIN

4. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menaikkan bantuan kewangan kepada orang-orang miskin dari yang ada sekarang memandangkan taraf hidup sekarang tinggi.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada masa ini bantuan-bantuan kewangan untuk orang miskin adalah dibiayai daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan dan peruntukan Kerajaan-kerajaan Negeri. Kadar bantuan diberi adalah di antara \$30 hingga \$40 sebulan di peringkat minimum, sementara kadar di peringkat maksimum ialah \$50 hingga \$115.

Kementerian Kebajikan Masyarakat telah membuat satu kajian tentang kadar yang tersebut pada tahun 1984. Hasil dari kajian ini, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri telah bersetuju pada prinsipnya supaya kadar bantuan yang dibayar oleh negeri masing-masing diselaraskan. Keputusan ini sedang

dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mengikut kemampuan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat lebih maklum, keadaan kemelesetan ekonomi negara telah menjejaskan kedudukan kewangan Kerajaan pada masa ini. Oleh hal yang demikian, Kerajaan tidak mampu untuk menaikkan kadar bantuan yang diberi pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sedang berusaha untuk menurunkan harga barang-barang keperluan yang meringankan kesulitan orang ramai termasuk orang miskin.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan dengan bantuan daripada Kementerian Kebajikan Masyarakat kepada orang-orang miskin, berapa banyakkah yang dikeluarkan bantuan pada tahun 1983, 1984 dan 1985.

Tuan Jawan anak Empaling: Tuan Yang di-Pertua, yang minta notis, oleh sebab ini berkaitan dengan angka-angka sepanjang tahun.

DUTI EKSPORT/CUKAI PENDAPATAN

5. **Puan Mazidah binti Haji Zakaria** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah duti eksport dan cukai pendapatan yang diberikan oleh industri bijih timah dalam masa 10 tahun yang sudah; dan
- (b) berapa jumlah wang (jika ada) yang diperuntukkan atau diasingkan secara khusus oleh Perbendaharaan bagi membantu industri bijih timah dalam menghadapi krisis yang berlaku sekarang ini.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kepada soalan (a), sukalah saya maklumkan iaitu jumlah duti eksport yang disumbang oleh industri bijih timah di antara tahun 1976 hingga 1985 ialah sebanyak \$2,938 juta, cukai pendapatan dan cukai keuntungan bijih timah pula ialah sebanyak \$613 juta bagi tahun taksiran 1979 hingga 1984.

Bagi jawapan kepada soalan (b), sukalah saya maklumkan iaitu buat masa ini, Perbendaharaan tidak membuat apa-apa peruntukan khusus untuk membantu industri bijih timah dalam menghadapi krisis yang berlaku sekarang ini.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi soalan saya yang kedua itu, mengapa?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh membuat bantuan hanya kepada satu-satu industri oleh sebab kita tidak berupaya memberi bantuan yang banyak, maka itu kita tidak buat.

ANGKATAN TENTERA— MENGURANGKAN TENAGA MANUSIA

6. **Tuan Abdul Hamid bin Ibrahim** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kementerian Pertahanan bercadang untuk mengurangkan tenaga manusia di dalam Angkatan Tentera Malaysia memandangkan kepada keadaan ekonomi yang meleset sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan sedia faham di atas kemampuan negara di dalam suasana

ekonomi meleset. Sungguhpun demikian "credibility" Angkatan Tentera untuk mempertahankan kedaulatan negara tidak boleh dikompromi.

Dengan hasrat mengekalkan "credibility" Angkatan Tentera dengan keupayaan tempur (combat capability) yang diinginkan, dan menimbangkan kemelesetan ekonomi negara, Kementerian Pertahanan sedang mengkaji bagaimana tenaga manusia yang optimum dalam Angkatan Tentera Malaysia keseluruhannya dapat diusahakan. Azam Angkatan Tentera ialah untuk mengukuhkan dan meningkatkan "combat capability" dalam segi professionalism dan peralatan-peralatan "State of the Art", dengan izin. Untuk mencapai matlamat ini, bidang latihan dan perlengkapan Angkatan Tentera diutamakan dan bukan penambahan anggota bagaimana yang disebutkan.

KOMPUTER MIKRO DI SEKOLAH-SEKOLAH

7. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pinjaman diberi kepada sekolah-sekolah dan kakitangan Kerajaan untuk membeli komputer mikro, memandangkan keperluan untuk menggalakkan penggunaan komputer di peringkat sekolah.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran buat masa ini belum ada merancang untuk memberi pinjaman kepada sekolah-sekolah dan kakitangan Kementerian Pelajaran untuk membeli mikro komputer. Sekolah-sekolah adalah digalakkan untuk mengambil inisiatif sendiri dalam perkara ini.

Tuan G. Rajoo: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu adakah Kementerian Pelajaran sedar pada

masa sekarang sekolah-sekolah telah menjadi satu tempat perniagaan untuk menarik murid-murid untuk belajar komputer kerana murid-murid ingin belajar komputer yang kena bayar \$20 sebulan, jika bayar 2 bulan sekali gus, potongan istimewa diberi \$2 kurang hanya kena bayar \$38 sahaja. Adakah Kementerian Pelajaran hendak membuat peraturan-peraturan untuk menyelaraskan pelajaran komputer di sekolah-sekolah.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, soalan asas mengenai pinjaman sahaja, jika Ahli Berhormat ingin tahu perkara yang dibangkitkan, saya memerlukan notis.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, mengenai komputer di sekolah-sekolah, kita dapati ada sekolah-sekolah yang mampu, tetapi sedarkah pihak Kementerian ada sindiket daripada Jabatan Pelajaran Daerah sendiri yang mempunyai company memaksa tetapi "paksa" di sini secara diplomasi, kerana orang cerdik dia pandai diplomasi, memaksa sekolah-sekolah itu hanya membeli komputer daripada company yang ada understanding dengan dia. Sedarkah perbuatan itu?

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, saya memerlukan notis juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Ainon binti Ariffin: Soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sudah benarkan dua soalan tambahan, maaf.

Yang Berhormat Toh Muda Dr Abdul Fadzil Che Wan

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke-8.

PEMBERITA BARAT MENGECEM DASAR MALAYSIA

8. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom (di bawah S.O. 23 (2)) minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapakah banyak pemberita-pemberita dan setengah badan-badan tertentu daripada Negara Barat suka mengecam Malaysia dan dasar-dasarnya. Namakan badan-badan atau kumpulan yang dimaksudkan dan nyatakan apa pula tindak balas Kerajaan.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada kritik-kritik terhadap Malaysia itu datangnye daripada media massa negara-negara barat dan juga badan seperti Amnesty International yang beribu pejabat di London dan mempunyai cawangannya di seluruh dunia.

Kritik dan kecaman mereka itu banyak berkisar kepada undang-undang yang wujud di Malaysia, khususnya Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 dan Peraturan-peraturan Perlu (Kes-kes Keselamatan) (Pindaan) 1975 ataupun nama ringkasnya ESCAR.

Mereka mendakwa bahawa undang-undang ini menyekat kebebasan dan mencabuli hak asasi manusia tanpa menyedari dan memahami bahawa keadaan di Malaysia dahulu dan sekarang mendesak Kerajaan supaya mempertahankan undang-undang ini.

Walau bagaimanapun, usaha mereka ini nampaknya tidak berjaya kerana pada bulan Mac, 1984 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Geneva, pada mesyuaratnya yang ke-36 (tertutup), telah bersetuju untuk menggugurkan Malaysia daripada senarai negara-negara yang dikatakan mencabuli hak asasi manusia.

Kerajaan ini adalah hasil usaha kita memberi penjelasan yang sebenarnya kepada masyarakat antarabangsa.

Kategori kedua, golongan yang sering mengecam dan mengkritik dasar-dasar Malaysia ialah wartawan-wartawan terutamanya dari negara-negara Barat.

Golongan ini mengkritik Malaysia kerana mereka menilai kita mengikut situasi dan keadaan yang wujud di negara-negara Barat. Mereka menilai kita dari kaca mata dan kayu pengukur mereka sendiri tanpa menyedari bahawa keadaan dan cara hidup di negara kita berbeza dengan di negara mereka. Pemikiran dan pandangan mereka berlawanan dengan pemikiran dan pandangan kita.

Beberapa langkah telah diambil untuk mengubah pandangan dan pemikiran golongan ini terhadap negara kita. Kedutaan-kedutaan kita di seberang laut sentiasa mengikut laporan-laporan seperti ini. Duta Besar dan pegawai-pegawai penerangan kita di luar negeri sering menulis kepada akhbar-akhbar yang menyiarkan laporan-laporan yang agak negatif ini untuk memberi penjelasan kepada mana-mana yang didapati tidak tepat.

Walau bagaimanapun, kritikan ini haruslah dilihat dalam konteks sebenarnya. Tiada sebuah negara pun dalam dunia ini yang boleh mengelakkan diri dari menghadapi kritikan dari masa ke semasa. Bagi kita, sungguhpun terdapat juga kritikan tetapi tulisan-tulisan yang memuji kita adalah berlipat kali ganda—khususnya di atas kejayaan kita mewujudkan sebuah negara berbilang kaum yang bersatupada, yang bertanggungjawab, stabil, aman dan di atas kejayaan kita membina asas-asas negara yang kukuh dan meletakkan pula landasan-landasan yang sudah tentu akan membawa kita ke arah kebahagiaan dan kemakmuran yang dicita-citakan.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak terima kasih kepada Timbalan Menteri yang berkenaan tadi jelas perkara ini. Tetapi soalan saya ialah adakah kritik-kritik ini dapat sokongan daripada Kerajaan masing-masing? Kalau ada, apakah tindakan Kerajaan Malaysia bercadang terhadap negara-negara itu?

Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi kebanyakan kritik-kritik ini datangnya dari negeri-negeri Barat di mana mass media adalah bebas dan boleh saya nyatakan dengan penuh yakin bahawa boleh kata semua kritik tersebut tidak ada sokongan ataupun hasutan dari negara-negara yang berkenaan.

GURU SEMENTARA—SYARAT PERKHIDMATAN

9. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kementerian mengenai syarat-syarat perkhidmatan bagi Guru-guru di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, khususnya mengenai perlantikan sementara selepas tamat latihan di maktab dan mendapat gaji sementara; syarat-syarat perlantikan kakitangan awam yang lain di mana mereka mendapat gaji penuh, walaupun dalam percubaan.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada sebarang perbezaan mengenai syarat-syarat perkhidmatan di antara guru-guru sementara di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dengan kakitangan Perkhidmatan Awam yang lain. Dari segi taraf gaji, selain dari kelayakan asas mereka, latihan intensif di Maktab-maktab Perguruan selama 3 tahun juga diambilkira.

Guru-guru sementara yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran ditawarkan gaji yang sama dengan gaji jawatan tetap.

RANCANGAN PERUMAHAN— PANDUAN MELALUI RISALAH

10. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai sebarang rancangan untuk mengeluarkan risalah-risalah yang akan menjelaskan dengan tepatnya rancangan-rancangan rumah awam kos rendah untuk panduan orang ramai khususnya dalam golongan berpendapatan rendah.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita saya nyatakan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menerbitkan dari masa ke semasa risalah-risalah mengenai dasar-dasar dan program-program perumahan secara umum termasuk rancangan perumahan awam kos rendah.

Untuk makluman, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan dua risalah sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Keempat untuk edaran kepada orang ramai termasuk golongan berpendapatan rendah.

Bagi Rancangan Malaysia Kelima yang bermula pada tahun ini, Kerajaan akan juga menerbitkan risalah-risalah yang sesuai untuk pengumuman dasar-dasar dan program-program mengenai perumahan yang terkandung dalam rancangan tersebut.

KENAIKAN PANGKAT BAGI GURU

11. Dato G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan masih berkekal dengan prinsip kekananan sewaktu menimbangkan kenaikan pangkat. Apakah syarat-syarat untuk kenaikan pangkat.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, dalam urusan kenaikan pangkat yang dilaksanakan di Kementerian Pelajaran, kriteria yang digunakan adalah berpandukan kepada Perintah Am, Bab "A" dan lain-lain Pekeliling yang berkaitan dengan tatacara kenaikan pangkat.

Pertimbangan untuk kenaikan pangkat seseorang guru itu berdasarkan kepada kebolehan, kecekapan, sifat-sifat peribadi, kelulusan akademik serta pengalaman yang sesuai dengan jawatan yang hendak diisi. Kekananan di dalam perkhidmatan hanya akan diambilkira bila dua atau lebih pegawai didapati mempunyai kebolehan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat untuk kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

- (a) ada kekosongan bagi jawatan naik pangkat;
- (b) pegawai didapati layak mengikut skim;
- (c) telah disahkan dalam jawatan;
- (d) disokong oleh Ketua Jabatan; dan
- (e) mempunyai rekod prestasi yang cemerlang.

LATIHAN TENAGA BURUH

12. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang dianggotai

oleh kedua-dua sektor awam dan swasta untuk mengkaji semula struktur buruh vis-a-vis keperluan-keperluan dan latihan tenaga buruh; dan

- (b) sama ada masa sudah tiba bagi Kerajaan merumuskan satu Dasar Buruh Nasional yang lebih sistematik.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang dari masa ke semasa mengawasi dan mengkaji struktur buruh selaras dengan keperluan-keperluan dan latihan tenaga buruh dengan tujuan mempertingkatkan lagi kemahiran dan daya pengeluaran tenaga buruh tempatan supaya barang-barang dapat dikeluarkan dengan cekap, bermutu dan dengan kos yang rendah. Kerajaan juga sekarang ini sedang giat mengkaji kemungkinan menubuhkan sebuah badan yang dinamakan Lembaga Latihan Vokasional Kebangsaan seperti yang dicadangkan dalam Pelan Induk Perindustrian. Lembaga ini akan diwakili oleh kedua-dua sektor awam dan swasta dan tujuannya ialah untuk mengkaji, merancang dan meningkatkan keperluan latihan bagi tenaga buruh mahir dalam sektor pembuatan dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (b), Kerajaan sedang mengkaji untuk mengadakan satu Dasar Buruh Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan A. Shaik Dawood.

Tuan D. P. Vijandran: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 13.

CUKAI—BAYARAN BALIK LEBIHAN

13. Tuan D. P. Vijandran (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Jabatan Hasil Dalam Negeri dapat membuat

bayaran balik cukai yang terlebih dibayar dalam masa 30 hari memandangkan seseorang yang tidak membayar cukai dalam masa 30 hari dikenakan penalti sebanyak 10% daripada cukai yang dikenakan.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pembayaran balik sesuatu hasil yang dipungut oleh Kerajaan memerlukan penelitian. Oleh yang demikian, Jabatan Hasil Dalam Negeri tidak mungkin dapat membayar balik lebihan bayaran cukai dalam tempoh 30 hari. Ini adalah berasaskan kepada tempoh masa yang perlu diambil untuk menyemak amaun yang telah lebih dibayar pada tarikh tuntutan dibuat dan kemudiannya menyediakan kertas-kertas yang perlu untuk bayaran dibuat oleh Ketua Akauntan. Walau bagaimanapun, Jabatan akan mengambil tindakan dan langkah sewajarnya supaya bayaran balik ini dapat dilakukan dalam jangka waktu paling singkat. Pada kebiasaannya Jabatan boleh membuat bayaran balik dalam tempoh 90 hari selepas tuntutan diterima.

Dato G. Pasamanickam: Tuan Yang di-Pertua, kalau rakyat kena bayar dalam 30 hari kena denda 10%. Bolehkah Timbalan Menteri berkenaan memberitahu sama ada Kerajaan bercadang memberikan faedah atau bank rate, kadarnya tidak berapa jauh, ke atas wang cukai yang berlebihan yang disimpan balik oleh Kementerian Kewangan—bolehkah bayar sedikit bunga atau faedah mengikut bank rate?

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, jangan kata boleh kita hendak bayar, bercadang pun tidak kita hendak bayar (*Ketawa*). Tetapi secara serius sebenarnya, negara kita ini rakyat yang membayar cukai patut syukur. Kita tidak memungut cukai

secara setengah-setengah negara buat, dengan izin, PAYE (pay as you earn). Tetapi kita hanya memungut cukai setahun selepas. Ertinya, cukai yang kita pungut bagi tahun 1986 adalah di atas pendapatan yang dibuat dalam tahun 1985. Jadi, sudah setahun sebenarnya kita tidak pungut, kita hanyalah pungut dalam tahun selepasnya. Hanya sekali-sekali sahaja terdapat berlebihan cukai yang dipungut. Itu pun yang dipungut kelebihan ini adakala dibuat sendiri oleh yang membayar cukai seperti bagi mereka yang bekerja misalannya membuat potongan bulanan berlebihan daripada anggaran dia pada mulanya ataupun kadangkala seperti kita pernah kita lakukan setahun dua yang sudah ia membuat potongan yang agak biasa tetapi Kerajaan menurun kadar cukai kepada maksimum 40%. Ini kadangkala kena. Jadi, kita tidak berhajatlah untuk membayar faedah kepada yang membayar cukai lebih. Terima kasih sahajalah.

JAWATANKUASA EKONOMI/ KEWANGAN NEGARA

14. Dato' Kamaruzaman bin Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan melantik sebuah Jawatankuasa Ekonomi dan Kewangan seperti yang telah diadakan di negeri jiran demi untuk mengatasi masalah ekonomi negara kita dalam jangka pendek dan jangka panjang.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak akan melantik sebuah Jawatankuasa Ekonomi dan Kewangan dalam ertikata cadangan Ahli Yang Berhormat itu, tetapi telah pun menubuhkan beberapa jawatankuasa yang disertai oleh kedua-dua sektor swasta dan awam untuk mengkaji masalah ekonomi dalam jangka pendek dan jangka panjang, sebagaimana yang telah diterangkan

oleh saya dalam jawapan bagi soalan Ahli Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong yang telah dijawab pada 9hb April, 1986 semalam.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan Jawatankuasa yang telah dibentuk itu yang mana pertanyaannya datang daripada pihak Kerajaan dan juga pihak swasta. Soalan saya ialah dalam keadaan di mana kita hendak mengembeling tenaga yang ada daripada pihak swasta secara keseluruhannya daripada peringkat atasan sehingga ke bawah, alangkah baiknya jika sekiranya pihak Kerajaan, untuk perkara-perkara yang sewajarnya membuka perbincangan itu seluas-luasnya supaya pandangan dan penyertaan boleh didapatkan daripada selain daripada mereka yang dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa tersebut.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, keanggotaan Jawatankuasa yang telah saya sebutkan tadi, khususnya daripada pihak sektor swasta dipilih antara mereka yang bukan sahaja mempunyai kepakaran tetapi juga mempunyai pengalaman dan tanggungjawab mengenai bidang tugas tertentu dalam perdagangan, perindustrian, pertanian, banking dan sebagainya. Jadi ini penting oleh kerana kalau terlalu ramai barangkali Jawatankuasa itu, dengan izin, not workable. Walau bagaimanapun, dari segi perbincangan, umpamanya, Yang Berhormat Menteri Kewangan dari setahun ke setahun memang mengadakan siri perbincangan dengan pihak tertentu yang saya anggarakan agak meluas juga dari segi liputan untuk pihak sektor swasta memberikan pendapatnya.

Yang ketiganya, dari segi konsep Persyarikatan Malaysia sebenarnya sesiapa sahaja dari sektor swasta ini boleh memberikan pandangan kepada

pihak Kerajaan melalui mana-mana Kementerian dan pandangan-pandangan itu boleh diberi perhatian dan dikaji dengan sewajarnya oleh pihak-pihak tertentu. Jadi tidak ada halangan sebenarnya bagi mana-mana pihak untuk menyampaikan pandangan, pendapat untuk memajukan negara kita dalam kita melaksanakan dasar Persyarikatan Malaysia ini.

JABATAN PENUNTUT MALAYSIA— TANGGUNGJAWAB

15. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah Jabatan Penuntut di luar negeri dan apakah bidang tanggungjawab yang diamanahkan kepada Jabatan tersebut.

Tuan Ng Cheng Kiat: Tuan Yang di-Pertua, terdapat 7 buah Jabatan Penuntut Malaysia (JPM) dengan dua cawangan yang sedang beroperasi di luar negeri.

Jabatan-jabatan Penuntut Malaysia tersebut ialah JPM United Kingdom, JPM Kanada, JPM Washington D.C., JPM Mesir, JPM Indonesia, JPM New Zealand dan JPM Australia. Cawangan JPM adalah di Los Angeles dan Chicago.

Tanggungjawab JPM adalah memberi nasihat, menjaga hal-ehwal serta mengawasi aktiviti sosial, sukan dan kebudayaan di kalangan pelajar-pelajar kita. JPM juga menyediakan maklumat-maklumat pelajar serta menjadi penghubung antara pelajar dengan agensi-agensi penganjur mereka dan untuk mengadakan hubungan yang erat dengan institusi pelajaran di luar negeri.

PERPECAHAN UMAT ISLAM— MEMBENDUNG

16. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Perdana Menteri

menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan yang telah dan akan dilaksanakan dalam usaha-usaha membendung perpecahan umat Islam dalam negara ini akibat dari beberapa sebab berlainan pendapat dan ikutan beberapa golongan sesama Islam:

- (a) adakah Kerajaan sedar kejadian buruk ini semakin berleluasa dan mengancam masyarakat;
- (b) jika Kerajaan sedar apakah usaha-usaha Kerajaan menyekat gejala-gejala buruk ini dari mempengaruhi orang ramai dan murid-murid sekolah rendah dan menengah juga pusat pengajian tinggi di dalam negeri; dan
- (c) apakah usaha-usaha Kerajaan membendung kejadian dan gejala ini di kalangan pelajar kita di luar negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab ketiga-tiga aspek soalan Ahli Yang Berhormat, maka ingin saya menyatakan iaitu perpecahan umat Islam di negara ini sebenarnya adalah akibat daripada pertentangan politik kepartian dan bukannya disebabkan oleh berlainan pendapat dan ikutan sesama Islam. Oleh kerana kepentingan politik, maka ada pihak tertentu telah sanggup menimbulkan perasaan benci, permusuhan dan sehingga mengkafirkan pihak yang lain.

Kerajaan memang sedar tentang hakikat perpecahan umat Islam sekarang dan sekiranya perpecahan itu dibiarkan berterusan maka kekuatan dan persaudaraan Islam akan menjadi lemah. Oleh yang demikian, dengan rasa tanggungjawab untuk memelihara kepentingan umat, Kerajaan akan terus berusaha menyelesaikan perpaduan dan persaudaraan sesama

Islam sebagaimana yang dituntut oleh ajaran Islam sendiri. Di antara usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan ialah:

- (1) usaha-usaha dan rancangan-rancangan bagi mengatasi keadaan kemiskinan masyarakat Islam melalui pelbagai projek ekonomi dan kemasyarakatan bagi mewujudkan satu masyarakat Islam yang menikmati taraf hidup bahagia secara bersama;
- (2) Dasar-dasar dan usaha-usaha pendidikan umat Islam dalam bidang ilmu pengetahuan yang bercorak khusus (fardhu ain) dan yang bercorak menyeluruh (fardhu kifayah). Pembentukan ahli-ahli masyarakat yang berilmu dan berakhlak mulia yang menghayati Islam sepenuhnya akan mewujudkan suasana perhubungan yang harmonis dan hormat menghormati di antara golongan-golongan, lebih-lebih lagi di kalangan masyarakat Islam, walaupun mereka mempunyai pendirian dan pandangan yang berbeza;
- (3) Memberi penerangan sebenar mengenai dengan isu-isu agama yang diputarbelitkan serta mendedahkan kepalsuan tuduhan-tuduhan terhadap Kerajaan;
- (4) Mengambil tindakan undang-undang terhadap orang-orang perseorangan yang bertindak liar hingga menimbulkan permusuhan sesama Islam serta mengancam keselamatan awam.

Perpecahan umat Islam, tidak berlaku di kalangan murid-murid sekolah di peringkat rendah dan menengah serta pelajar-pelajar di

pusat-pusat pengajian tinggi kerana Kerajaan telah mengambil dayausaha menyekat dari berlakunya gejala-gejala yang tidak diingini. Di pusat-pusat pengajian tinggi, apa yang berlaku ialah perselisihan pendapat dan fahaman mengenai sesuatu masalah atau isu di mana perselisihan itu tidak dapat dielakkan. Untuk menyekat dari timbulnya perpecahan di kalangan murid-murid serta pelajar, di antara usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan ialah:

- (1) menyediakan kursus-kursus dakwah untuk memberikan kefahaman yang luas dan mengukuhkan keyakinan terhadap ajaran agama Islam;
- (2) kursus dan ceramah kesedaran yang merangkumi penerangan dan penjelasan tentang dasar-dasar Kerajaan dan perpaduan umat.

Bagi pelajar-pelajar di luar negeri pula, mereka diberi kursus orientasi dan reorientasi. Kerajaan juga telah menempatkan, sebagaimana yang telah dinyatakan baru-baru sekejap tadi, pegawai-pegawai bimbingan agama di Jabatan-jabatan penuntut di beberapa buah negeri yang telah pun dinyatakan.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, saya tertarik hati dengan perkataan hasutan. Jadi salah satu sebabnya perpecahan umat Islam kerana hasutan. Jadi saya rasa di merata-rata tempat sekarang ini keset-keset daripada pemimpin pembangkang disebarkan dengan begitu luas sekali menghasut rakyat supaya membenci Kerajaan dan sebagainya. Mengapakah pihak Kerajaan tidak mengambil tindakan kerana perkara itu menghasut, terang-terang menghasut.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Tuan Yang di-Pertua, tindakan telah pun diambil menerusi undang-undang dan sudah tentulah tindakan menerusi undang-undang itu pihak undang-undang mengikut channel biasa dan kadangkala tidak dapat dilihat secara serta-merta. Walau bagaimanapun, kita telah berusaha dan sedang berusaha dengan lebih tegas lagi untuk masa yang akan datang, khususnya mengenai dengan keset, kita juga berusaha untuk menyedarkan bahawa mereka yang berbuat atau yang melakukan usaha demikian sebenarnya kalau mereka bertujuan untuk menghasut, mereka sebenarnya mengabdikan diri mereka mengikut yang disebutkan di dalam Al-Quran kepada syaitan, kerana syaitan yang menggalkan manusia ini bermalah-marahan atau bermusuhan di antara satu sama lain.

Dato Kamaruzaman bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, sesudah kita mendengar jawapan daripada Timbalan Menteri, kita puas hati. Jadi pertanyaan saya sekiranya Kerajaan tidak dapat mengawal ataupun keadaan tidak terkawal disebabkan penghasut-penghasut ini masih bermaharajalela, apakah Kerajaan berdiam diri ataupun hendak mengambil tindakan yang tegas ataupun sesudah kejadian berlaku barulah hendak mengambil tindakan? Itu soalan saya.

Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil oleh Kerajaan sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi ialah tindakan menerusi undang-undang. Tindakan diambil bagi mengatasi kedua-dua perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat iaitu tindakan untuk mencegah dan tindakan kepada mereka yang telah melakukan perbuatan. Tindakan mencegah sudah

tentu dapat kita lihat sekarang ini dengan nyata, iaitu usaha-usaha setiap orang yang bertanggungjawab untuk menarik perhatian anggota masyarakat Islam terutamanya supaya membenci kepada orang yang menghasut kerana perbuatan menghasut adalah merupakan satu amalan yang keji dalam Islam; dan adalah satu kebaikan bagi orang-orang Islam dan juga yang bukan Islam di negara ini, apabila kita sama-sama membenci amalan menghasut.

Mengenai dengan tindakan kepada mereka yang telah melakukan perbuatan buruk ini, tindakan yang saya sebutkan di awal tadi ialah tindakan undang-undang yang mengikut saluran-saluran yang sudah tentu kadang-kadang memakan masa yang panjang. Tetapi saya yakin sekiranya kita mempunyai azam dan minat untuk memperbaiki keadaan, maka gejala buruk ini dapat dihapuskan menerusi undang-undang dan juga menerusi keinsafan di kalangan orang yang bercakap tentang perkara-perkara yang buruk itu.

HARGA BARANGAN EKSPORT

17. Dato' Dr K. S. Nijhar minta Menteri Kewangan menyenaraikan harga-harga yang dianggarkan bagi beberapa barangan eksport kita dalam belanjawan tahun 1986, harga-harga sebenar sehingga 14-3-1986 dan kesannya terhadap hasil serta program-program sosio-ekonomi kita bagi tahun 1986, dan apakah langkah-langkah menghadapi segala kemungkinan yang telah diambil sehingga kini sekiranya harga-harga jatuh lagi dalam bulan-bulan berikut ini.

Dato Sabaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, senarai anggaran harga-harga barangan eksport kita seperti dikemukakan dalam Belanjawan 1986

dan harga-harga sebenar pada 14-3-1986 adalah seperti berikut:

Jenis Barangan Utama	Anggaran Belanjawan 1986	Harga Sebenar pada 14-3-1986
Getah RSS 2 (Sen/kg.)	190	195
Minyak kelapa sawit (\$/tan)	1,000	495
Timah (\$/kg.)	29.15	17.00
Petroleum (US \$/tong)	26.00	17.10
Kayu balak (\$/meter padu)	146	149

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, anggaran bagi getah RSS1 dan kayu balak sebenarnya tidak banyak berbeza tetapi anggaran berkenaan dengan minyak kelapa sawit, timah dan petroleum berbeza. Maka itu sejajar dengan kejatuhan harga barangan utama selepas Belanjawan 1986 yang dibentangkan pada 25hb Oktober tahun lalu, Kementerian Kewangan telah membuat pindaan ke atas harga barangan tersebut kepada anggaran baru yang lebih rendah. Dengan ini pendapatan eksport negara bagi lima jenis barangan seperti yang saya nyatakan tadi dijangka merosot sebanyak \$2,867 juta ataupun 17.8% kepada \$13,224 juta berbanding dengan \$16,091 juta dalam tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, kejatuhan harga barangan utama juga seterusnya menyebabkan hasil Kerajaan bagi tahun ini dianggarkan berkurangan sebanyak 10.1% kepada \$19,647 juta berbanding dengan \$21,861 juta dalam tahun lepas. Prestasi yang lembab sektor barangan dan lain-lain sektor ekonomi dijangka menyebabkan pertumbuhan ekonomi negara merosot kepada kira-kira 3.3% bagi tahun 1986 ini berbanding dengan anggaran Belanjawan sebanyak 6% yang kita buat dahulu. Walau bagaimanapun, pertumbuhan yang rendah ini dijangka tidak mempengaruhi pelaksanaan

program-program sosio-ekonomi negara bagi tahun ini, program-program seperti menghapuskan kemiskinan sejajar dengan Rancangan Malaysia Kelima dan juga Dasar Ekonomi Baru. Berikutan dari perkembangan ini, Kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah memperkukuhkan ekonomi negara seperti mengadakan insentif-insentif untuk menggalakkan pelaburan dan pengeluaran, menghadkan perbelanjaan sektor awam serta meningkatkan kecekapan dan produktiviti. Langkah-langkah yang berkenaan telah pun dimaklumkan di Dewan yang mulia ini dalam jawapan Kementerian pada 7hb April, 1986 yang lalu kepada soalan Yang Berhormat Tuan Tan Chang Soong.

Tuan Haji Shuib bin Lazim: Tuan Yang di-Pertua, kita bersimpati dengan keadaan ekonomi negara kita sekarang ini. Jadi, berhubung dengan kemelesetan ekonomi kita itu, saya sukalah membuat pertanyaan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan:

- (a) Adakah Kerajaan bercadang khasnya Kementerian Kewangan untuk mengkaji semula perbelanjaan Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga agensi-agensi Kerajaan serta mengawasi perbelanjaan-perbelanjaan tersebut dengan lebih serius;
- (b) untuk mengkaji semula projek-projek yang akan ditawarkan kepada kontraktor asing termasuklah projek-projek Kerajaan, agensi-agensi Kerajaan serta swasta supaya wang dari negeri ini tidak mengalir keluar ke negeri asing;
- (c) untuk mengkaji semua pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan di tiap-tiap Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan supaya benar-benar

sesuai dan seimbang serta mengambil tindakan serius kepada mereka yang curang melanggar undang-undang serta menamatkan perkhidmatan mereka; dan

- (d) untuk memberhentikan sama sekali segala projek-projek yang dianggap membazir wang rakyat oleh Kerajaan Negeri dan agensi Kerajaan seperti perayaan, mesyuarat-mesyuarat, lawatan keluar negeri dan seumpamanya.

Terima kasih.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, 4 soalan tambahan besar.

Yang pertama sekali, Kerajaan Persekutuan tidak dapat mengkaji perbelanjaan yang dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri kerana mereka juga mempunyai Dewan masing-masing untuk meluluskan perbelanjaan. Tetapi dari segi perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dan juga perbelanjaan agensi-agensi yang dikelolakan oleh Kerajaan, insya Allah, kita akan pastikan bahawa perbelanjaan ini sejajar dengan keupayaan kita, dan kalau sekiranya kita tidak mampu mungkin kita terpaksa kurangkan perbelanjaan.

Bagi projek-projek seperti saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita berkurangan dari segi pendapatan Kerajaan ataupun hasil Kerajaan, projek-projek walaupun ditangguhkan ataupun dilewatkan, tidak akan melibatkan projek-projek yang akan menguntungkan pihak yang berpendapatan rendah. Ini sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru seperti saya katakan tadi. Tetapi projek-projek yang kita fikir tidak begitu mendesak sekarang ini ataupun projek-projek yang kurang memberi faedah akan kita tangguhkan. Maka itulah Kerajaan Persekutuan telah

lama mencadangkan supaya projek-projek mewah dilewat-lewatkan sedikit kalaupun berupaya.

Berkenaan dengan pegawai, Tuan Yang di-Pertua, biasanya pegawai-pegawai Kerajaan tidak dibuang kerja hanya atas alasan kita kekurangan wang. Alhamdulillah, hingga setakat ini kita masih lagi belum perlu meminjam wang untuk membayar gaji. Cuma kita berharaplah malah baru semalam saya difahamkan telah diputuskan oleh pihak Jemaah Menteri kenaikan gaji tidak akan ditambah oleh sebab Kerajaan tidak mampu tetapi Kerajaan tidak akan membuang pegawai-pegawai. Tetapi mereka yang bersalah dari sebab-sebab lain, ini adalah satu tindakan biasa. Kalau sekiranya seseorang itu melanggar peraturan dan sebagainya, pembuangan itu bukanlah disebabkan oleh merosotnya hasil Kerajaan.

Berkenaan dengan pembaziran, ini sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional memang tidak bersetuju dengan membazir walaupun kita senang, kita banyak duit kita tidak membazir juga. Soal membazir ini memang kita tidak suka. Tetapi sama ada mengikuti kursus-kursus di luar negeri, mengadakan perayaan misalnya dianggap membazir atau tidak, ini masih lagi tergantung kepada interpretasi yang kita gunakan, misalnya PATA. Kita sedang menyambut PATA di waktu ini, adakah itu kita anggap membazir? Pada pandangan Kerajaan tidak membazir sebab dengannya perayaan seperti ini kita boleh menggalakkan lagi pelancong-pelancong datang ke negara kita dan dengan secara sedemikian barangkali kita boleh mendapat tukaran wang asing.

Walaupun bagaimana pun pokoknya, Tuan Yang di-Pertua, membazir tidak sekali kita setuju walaupun kita mewah apakan pula

kalau sekiranya kita menghadapi kesulitan hasil seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri semalam dan saya tidak berhasrat untuk bertanya lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah! One more question. Yang Berhormat Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim.

Datuk Ishak bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 19.

INSURAN BANGUNAN TABUNG HAJI

19. Datuk Ishak bin Abdul Rahman (di bawah S.O. 23 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan adakah bangunan-bangunan kepunyaan LUTH diinsurankan keselamatannya dengan Syarikat Takaful.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, semua bangunan-bangunan kepunyaan Tabung Haji diinsurankan keselamatannya dengan Syarikat Tafakul kecuali bangunan yang Syarikat Tafakul tidak mampu memberi perlindungannya. Hanya sebuah bangunan-bangunan sahaja yang Syarikat Tafakul tidak mampu memberi perlindungan iaitu Bangunan Ibu Pejabat Tabung Haji oleh kerana jumlah perlindungannya adalah \$200 juta dan premium untuk perlindungannya ini berjumlah \$255,805.00. Syarikat ini Syarikat Tafakul tidak mempunyai keupayaan

Dato' Sabbaruddin Chik: Syarikat Takaful.

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Takaful? Ini salah ejaan, saya minta maaf. Syarikat Takaful tidak mempunyai keupayaan untuk memberi perlindungan ini kepada Tabung Haji. Saya minta maaf salah sebut tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.20 hingga 47 adalah diberi di bawah ini).

NILAI ISLAM DISERAPKAN DI PUSAT PENGAJIAN TINGGI

20. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perancangan jangka panjang Kementerian bagi menerapkan nilai-nilai Islam melalui Institut Pengajian Tinggi di seluruh negara. Adakah Kerajaan bercadang menjadikan Pelajaran Agama Islam sebagai satu pelajaran wajib di semua Institut Pengajian Tinggi di Malaysia.

Tuan Ng Cheng Kiat: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha telah dimulakan oleh Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam yang bersifat universal di Institusi Pengajian Tinggi di seluruh negara. Sebagai langkah awal Kementerian Pelajaran telah memperkenalkan Kursus Tamadun Islam/Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan yang ditawarkan kepada semua pelajar di institusi tersebut.

Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menjadikan Pelajaran Agama Islam sebagai satu mata pelajaran wajib bagi semua pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi.

BAYARAN PINJAMAN BANK— PENANGGUHAN

21. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang meminta pihak bank-bank supaya mengkaji semula bayaran pinjaman ataupun menanggungkan tindakan undang-undang terhadap kontraktor-kontraktor terutamanya kontraktor-kontraktor bumiputera yang menghadapi masalah menjelaskan pinjaman masing-masing oleh kerana ketiadaan kontrak disebabkan kemelesetan ekonomi dan penangguhan projek-projek pembangunan Kerajaan.

Dato' Sabbaruddin Chik: Bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan telah diarahkan supaya memberi perhatian dan layanan yang lebih bersimpati kepada pelanggan-pelanggan mereka yang menghadapi masalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi pada masa ini. Mereka juga telah dinasihatkan supaya mengubahsuaikan setakat mana yang boleh, masa dan tempoh pembayaran pinjaman pelanggan-pelanggan yang terlibat. Walau bagaimanapun, pihak bank akan menganalisa setiap kes dengan cara satu persatu sebelum membuat keputusan sama ada untuk mengubahsuaikan masa dan tempoh pembayaran pinjaman itu atau tidak.

BURUH ASING—PERMIT KERJA

22. Tuan Harun bin Hasan minta Menteri Buruh menyatakan bilangan buruh asing yang diberi permit kerja di negara ini dan atas alasan apa permit kerja itu dikeluarkan kepada mereka. Apakah pula langkah Kementerian mengurangkan bilangan pengangguran di kalangan rakyat tempatan yang semakin besar akibat kemelesetan ekonomi sekarang.

Datuk William Lye Chee Hien: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, sebenarnya buruh asing tidak dikeluarkan permit kerja oleh Kementerian saya tetapi dikeluarkan pas kerja oleh Kementerian Dalam Negeri selepas berpuas hati dengan tenaga kerja buruh asing itu benar-benar diperlukan oleh beberapa sektor seperti sektor perladangan yang mana sedang mengalami kesukaran mendapatkan tenaga buruh tempatan untuk bekerja di situ.

Selain daripada strategi-strategi Kerajaan sebagaimana yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Kelima 1986-1990 untuk mengatasi masalah pengangguran, Kementerian saya telah juga mengatur langkah-langkah berikut untuk mengurangkan masalah itu:

- (i) Menentukan agar pemberhentian kerja adalah atas sebab-sebab yang munasabah dan sebagai langkah terakhir dilakukan oleh majikan-majikan.
- (ii) Menggalakkan mereka yang menganggur mendaftar diri dengan rangkaian Pejabat Pekerjaan di bawah Kementerian saya bagi cuba menempatkan mereka dalam mana-mana kerja kosong yang sesuai dengan kemahiran, kelayakan dan minat mereka.
- (iii) Melatih mereka untuk memberi pengalaman dan kemahiran sesuai dengan keperluan pasar buruh.

BAS MINI—BANYAKKAN PERMIT

23. Tuan Haji Shuaib bin Lazim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar, bahawa bas-bas mini yang ada

sekarang ini penuh sesak dengan penumpang-penumpang yang berdiri. Jika sedar, sama ada beliau akan mengeluarkan lebih banyak permit untuk bas-bas mini, penumpang-penumpang larang berdiri dan kebanyakan bas-bas mini hendaklah dalam keadaan yang lebih baik, jika boleh yang berhawa dingin demi untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat yang menggunakan perkhidmatan bas mini.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Kementerian saya sedar mengenai keadaan bas mini yang ada sekarang penuh sesak dengan penumpang-penumpang yang berdiri. Walau bagaimanapun, perkara ini berlaku hanyalah pada waktu-waktu sibuk sahaja iaitu antara jam 6.30 pagi hingga 9.00 pagi dan antara jam 4.30 petang hingga 7.00 malam. Kementerian saya sedang mengawasi keadaan ini dan satu kajian semula akan dibuat tidak berapa lama lagi dengan kerjasama Jabatan-jabatan lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dan Dewan Bandaraya bagi menentukan sama ada jumlah bas mini yang ada sekarang telah mencukupi atau sebaliknya dan juga untuk menentukan kesesuaian perkhidmatan bas mini berhawa dingin seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

KEJAYAAN KBSR

24. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Pelajaran menyatakan mengikut kajian sejauh manakah kejayaan KBSR sekarang. Tidakkah Kerajaan bercadang untuk memperkecilkan jumlah murid dalam sesuatu darjah bagi memastikan keberkesanan KBSR ini.

Tuan Ng Cheng Kiat: Dalam penilaian yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1984, iaitu di akhir tahap I

pelaksanaan terhadap KBSR, didapati bahawa prestasi murid KBSR dalam kemahiran membaca, menulis dan mengira adalah lebih baik daripada murid dalam kurikulum lama.

Jumlah murid di dalam sesebuah kelas KBSR yang sesuai dari segi pengajaran dan pembelajaran ialah seramai 35 orang. Purata saiz kelas bagi seluruh negara adalah kurang dari 35 orang murid tetapi di beberapa kawasan khususnya di bandar-bandar saiz kelas melebihi 35 orang murid. Kementerian Pelajaran tidaklah bercadang untuk memperkecilkan jumlah murid dalam sesuatu darjah kerana bilangan penduduk yang ramai, kekurangan bilik-bilik darjah dan penumpuan masyarakat setempat terhadap sekolah-sekolah tertentu.

PELAJAR BIASISWA MENENTANG KERAJAAN

25. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan yang telah diambil terhadap penuntut-penuntut di luar negeri yang mendapat biasiswa Kerajaan yang menentang Kerajaan dan dasar-dasar Kerajaan. Sehingga masa ini berapa ramaikah yang telah diambil tindakan dan apakah tindakannya.

Tuan Ng Cheng Kiat: Sehingga kini belum ada lagi pelajar-pelajar kita yang memegang biasiswa Kerajaan diambil tindakan kerana menentang Kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya ada pelajar yang terlibat, mereka akan diberi peluang untuk membela diri mereka dengan memberi notis tunjuk sebab mengapa biasiswa mereka tidak boleh ditarik balik. Sekiranya alasan-alasan yang diberi tidak memuaskan dan ada bukti-bukti jelas yang menunjukkan pelajar sebenarnya melakukan kesalahan seperti dilaporkan, tindakan menarik balik biasiswa akan diambil dan

seterusnya pelajar diarahkan pulang dengan segera. Tuntutan menuntut gantirugi seperti yang disyaratkan dalam Surat Perjanjian akan dikenakan terhadap pelajar dan penjamin-penjaminnya.

KESIHATAN PEKERJA ESTET

26. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana jika ada, kemudahan-kemudahan berikut dijalankan di ladang-ladang (Estet-estet):

- (a) perkhidmatan kesihatan luar bandar termasuk klinik dan pusat-pusat kesihatan;
- (b) program memperbaiki keadaan kesihatan alam sekitar;
- (c) program "Applied Food and Nutrition", dan
- (d) perkhidmatan - perkhidmatan kesihatan gigi.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):

- (a) Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu Kementerian Kesihatan sentiasa memberi pandangan yang berat terhadap kesihatan pekerja-pekerja estet. Kemudahan-kemudahan kesihatan seperti Pusat Kesihatan dan Klinik Bidan yang telah dan sedang dibina di seluruh negara khususnya di kawasan luar bandar bukan sahaja memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk luar bandar tetapi juga kepada pekerja-pekerja estet yang berhampiran. Sebenarnya, apa yang sedang berlaku ialah pekerja-pekerja estet memang menggunakan semua perkhidmatan yang diberi di pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik bidan di seluruh negara.

- (b) Berkenaan dengan program memperbaiki keadaan kebersihan alam sekeliling di estet-estet, pegawai-pegawai kesihatan dan inspektor-inspektor kesihatan dari Kementerian Kesihatan ada melawat estet-estet untuk memastikan keadaan kesihatan alam sekeliling di estet-estet berkenaan adalah memuaskan. Laporan-laporan lawatan ini berserta dengan cadangan-cadangan untuk memperbaiki keadaan alam sekeliling adalah disampaikan kepada pegawai buruh tempatan untuk beliau mengarahkan pengurus-pengurus estet-estet berkenaan untuk mengambil tindakan seperti yang dicadangkan oleh pegawai kesihatan.

Bagi estet-estet yang telah dipecahkan (Fragmented Estates) yang memerlukan telaga-telaga air dan tandas-tandas curah, Kementerian Kesihatan melalui rancangan kebersihan alam sekeliling luar bandar memang telah pun membina telaga dan tandas curah di beberapa estet yang tersebut. Ini adalah disebabkan yang Kementerian Kesihatan menganggap penduduk-penduduk di estet ini adalah sebahagian daripada penduduk luar bandar.

- (c) Program "Applied Food and Nutrition" merupakan satu rancangan bersepadu yang melibatkan beberapa agensi Kerajaan seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan dan Kementerian Kesihatan. Program ini adalah diselaraskan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar

Bandar. Peranan utama Kementerian Kesihatan dalam program ini ialah memberi pelajaran makanan dan pemakanan bukan sahaja kepada penduduk luar bandar tetapi juga kepada pekerja-pekerja estet yang datang ke pusat kesihatan atau klinik bidan. Di bawah rancangan ini juga, kanak-kanak dan ibu mengandung tak kira sama ada mereka penduduk luar bandar ataupun pekerja estet yang kekurangan zat makanan diberi rawatan serta tindak susul oleh kakitangan Kementerian Kesihatan untuk meninggikan taraf kesihatan dan pemakanan mereka.

- (d) Perkhidmatan pergigian tiada kemudahan klinik Pergigian Static di ladang-ladang untuk memberikan perkhidmatan kesihatan gigi. Walau bagaimanapun, perkhidmatan pergigian ada memberikan perkhidmatan dengan melawat sekolah-sekolah di ladang-ladang oleh Pasukan Pergigian Bergerak. Pasukan-pasukan ini memberikan rawatan pergigian kepada kanak-kanak sekolah yang dilawatinya di ladang-ladang. Sebanyak 89 buah sekolah di seluruh Semenanjung Malaysia telah dilawati oleh Pasukan Pergigian Bergerak dan memberikan rawatan pergigian kepada kanak-kanak sekolah yang dilawati itu dalam tahun 1985.

Bagi orang-orang dewasa kemudahan-kemudahan perkhidmatan boleh diperolehi dari Pusat-pusat Kesihatan Kecil ataupun Pusat Kesihatan yang banyak didirikan di seluruh negara yang berhampiran dengan ladang-ladang.

MINYAK KELAPA SAWIT— MISI MALAYSIA

27. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan hasil lawatan rombongan baru-baru ini ke Hong Kong, Jepun, Korea Selatan dan Amerika Syarikat untuk meningkatkan pemasaran minyak sawit Malaysia.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Misi Teknikal Minyak Kelapa Sawit yang saya ketuai baru-baru ini telah dirancang memandangkan kedudukan kelebihan bekalan di pasaran minyak dan lemak dunia dan pentingnya untuk memperkuat lagi usaha-usaha galakan pasaran bagi minyak kelapa sawit. Kejayaan yang telah dicapai oleh perusahaan minyak kelapa sawit Malaysia telah menimbulkan berbagai kegiatan memburuk-burukkan bahan tersebut seperti pernah dikeluarkan oleh majalah-majalah dan surat-surat khabar bahawa kononnya penggunaan minyak kelapa sawit boleh memudaratkan kesihatan. Di setiap negara yang saya lawati, seorang daripada Ahli delegasi saya, Dr Hornstra telah menangkis, menafikan dan menerangkan akan kedudukan yang sebenar dari segi saintifik melalui persembahan kertas-kertas di Seminar-seminar yang telah diatur. Dari penyelidikan-penyelidikan saintifik yang dijalankan oleh Dr Hornstra, beliau telah membuktikan bahawa penggunaan minyak kelapa sawit sebagai bahan makanan membawa kesan "anti-thrombotic" dan "anti-atherosclerotic" dan dengan ini boleh mencegah penyakit jantung. Saya amat berpuas hati dengan persembahan Dr Hornstra dan saya percaya bukan sahaja kita sekarang dapat menangkis kegiatan memburuk-burukkan minyak kelapa sawit Malaysia bahkan juga meyakinkan para pengguna tentang

kebaikannya sebagai bahan makanan dari segi kesihatan.

Sehubungan dengan ini, saya telah mengarahkan PORIM untuk meneroka bidang kerjasama penyelidikan Dr Hornstra dengan negara-negara pengguna minyak sayuran yang lain. Saya juga telah mengarah PORIM untuk menubuhkan Khidmat Nasihat Teknikal di Amerika Syarikat sebagai "back-up service" kepada pengimportan minyak kelapa sawit ke negara tersebut.

Penggalakan penggunaan minyak kelapa sawit yang lebih agresif adalah penting untuk mengukuhkan pasaran yang sedia ada dan memperluaskan pasaran bahan tersebut. "Versatility" minyak kelapa sawit dapat diperlihatkan melalui berbagai cara penggunaannya baik dari segi makanan walaupun bukan makanan. Di kesemua negara yang saya lawati, saya telah menekankan peranan Malaysia sebagai pembekal minyak kelapa sawit yang bermutu dan pada paras harga yang "competitive". Dalam hal ini, saya telah menekankan potensi pengaduan (blending) minyak kelapa sawit dengan minyak soya bagi menghasilkan keluaran-keluaran yang lebih bermutu kepada para pengguna serta keuntungan yang lebih kepada para pengilang. Selaras dengan "versatility" minyak kelapa sawit, pengaduan ini dapat dilaksanakan di dalam pengeluaran minyak masak dan margerin. Saya yakin dengan program pemasaran yang agresif serta kemudahan-kemudahan yang sedia ada bagi minyak kelapa sawit, usaha kami untuk mempertingkatkan eksport di negara-negara yang dilawati tidaklah sia-sia. Umpamanya, di Amerika Syarikat sendiri, saya telah diberi keyakinan bahawa Amerika Syarikat akan mengimport minyak kelapa sawit Malaysia hingga ke paras 600,000 tonne tahun ini berbanding dengan 261,800 tonne dalam tahun

1985. Ketika ini penggunaan minyak dan lemak sayur di Amerika Syarikat adalah 7.8 juta tonne, dan dengan ini jangkaan eksport sebanyak 600,000 tonne hanyalah merupakan 7.7% sahaja daripada jumlah penggunaannya. Di Jepun pula, jumlah penggunaan minyak dan lemak sayur adalah 2.1 juta tonne pada tahun 1985 dan Malaysia telah mengeksport sejumlah 166,117 tonne minyak kelapa sawit dan keluaran-keluaran yang merupakan hanya 7.9% daripada jumlah penggunaan minyak dan lemak di Jepun bagi tahun ini. Hasil daripada seminar yang diadakan dan penerimaan positif dan di luar dugaan, saya yakin eksport minyak kelapa sawit Malaysia ke negara-negara berkenaan akan mencapai objektif yang dihasratkan.

Sebagai contoh hasil daripada Misi kali ini, saya telah diberitahu bahawa pihak perusahaan telah berjaya mendapat beberapa jaminan kontrak di Hong Kong berjumlah 10,000 tonne minyak kelapa sawit sebulan untuk jangkamasa satu tahun. Di Republik Korea pula, eksport minyak kelapa sawit bagi tahun 1985 telah meningkat kepada 108,000 tonne pada tahun 1985 dibandingkan dengan 66,847 tonne dalam tahun 1984. Saya juga berharap pihak Republik Korea dapat mempertingkatkan lagi import minyak kelapa sawitnya dengan penurunan tarif import minyak kelapa sawit baru-baru ini daripada 12% kepada 10% awal tahun 1986. Semasa di London, saya juga telah melahirkan perasaan hampa terhadap pengenaan tarif 4% ke atas minyak kelapa sawit mentah dan 12% ke atas minyak kelapa sawit yang diproses oleh EEC dan juga cadangan pengenaan cukai pengguna (consumption tax) terhadap minyak dan lemak hasil daripada kemasan Spain dan Portugal ke dalam EEC. Dalam hal ini, saya telah menyeru pihak EEC mengambil sebagai contoh tindakan Kerajaan Jepun yang telah

menghapuskan pengenaan duti import 3% ke atas minyak kelapa sawit.

Selain daripada itu, saya juga telah menerima jemputan untuk menyampaikan satu "keynote address" di Konvesyen National Institute of Oilseed Products (NIOP) yang ke 52 di Tucson, Arizona. Konvesyen ini dihadiri lebih daripada 600 orang para peserta, iaitu satu bilangan terbanyak pernah dicatatkan. Selain daripada penerangan mengenai kebaikan-kebaikan minyak kelapa sawit Malaysia terhadap kesihatan dan juga dari segi teknik-teknik penggunaan, saya telah mengambil kesempatan konvesyen tersebut untuk menekankan kepentingan konsep saling bantu membantu (co-exist) dan komplimentari di antara minyak soya dan minyak kelapa sawit. Penerimaan konsep ini adalah sangat penting untuk membanteras apa-apa halangan (prejudice) terhadap penggunaan minyak kelapa sawit di Amerika Syarikat yang merupakan salah satu pengeluar kacang soya yang terulung di dunia. Sukacita saya memaklumkan bahawa konsep yang saya utarakan itu mendapat sambutan yang baik dan menggalakkan di Amerika Syarikat.

Misi saya telah juga mengambil kesempatan untuk menarik pelaburan asing di dalam aktiviti-aktiviti lanjutan (downstream) industri minyak kelapa sawit serta penggunaan KLCE di dalam dagangan hadapan bahan-bahan utama. Dalam hal ini, misi saya telah menerima banyak pertanyaan (enquiries). Saya yakin beberapa syarikat yang berminat akan mengambil tindakan susulan untuk mengadakan perbincangan lanjut dengan MIDA mengenai pelaburan di dalam aktiviti-aktiviti (downstream) minyak kelapa sawit. Sementara itu pedagang-pedagang minyak kelapa sawit telah juga menunjukkan minat mereka terhadap kemudahan-kemudahan perdagangan di KLCE.

Saya amat berpuas hati sekembalinya dari Missi, perdagangan di KLCE telah melebihi lebih daripada 100 lot sehari sehinggakan kebelakangan ini mencapai 190 hingga 249 lot sehari berbanding dengan hanya 30 lot sehari sebelum saya bertolak ke Hong Kong. Harga kelapa sawit pun nampaknya telah meningkat ke paras \$640 setonne berbanding dengan \$421.50 setonne pada 3hb Mac, 1986 tan stok telah menurun kepada 840,000 tonne pada akhir bulan Mac 1986, daripada 925,568 tonne di akhir Januari 1986. Tanda-tanda positif ini amat menggalakkan dan saya yakin komoditi ini akan terus memainkan peranan utamanya di dalam mendapatkan kutipan hasil yang paling banyak untuk negara ini.

Pada keseluruhannya, saya amat berpuas hati dengan hasil Missi yang saya ketuai baru-baru ini. Secara am, hasil positif daripada Missi ini adalah:

- (1) Kefahaman yang lebih baik mengenai ciri-ciri istimewa, kualiti yang baik, harga yang "competitive", "versatility" minyak kelapa sawit dan khasiatnya dari segi pemakanan manusia dan dari konteks perubatan telah dapat diterima oleh semua peserta-peserta seminar di negara-negara yang dilawati, di mana bilangan kehadiran adalah di luar dugaan.
- (2) Saya mengharapkan eksport ke negara-negara yang saya lawati terutama sekali ke Amerika Syarikat, Jepun dan Korea dapat dipertingkatkan.

Dalam hal ini, adalah menjadi harapan saya agar pasaran dan peluang yang baru yang telah dibuka oleh Missi kali ini akan terus direbuti oleh industri minyak kelapa sawit negara, agar peranan utama Malaysia di dalam bidang ini terus dipelihara.

DASAR APARTHEID AFRIKA SELATAN—SEKATAN EKONOMI

28. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kekesanan tindakan sekatan ekonomi yang telah dikenakan terhadap Afrika Selatan untuk menghapuskan dasar apartheid yang telah diputuskan oleh pemimpin-pemimpin Komanwel di Nassau Bahamas.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Langkah-langkah sekatan ekonomi yang dimaksudkan ini adalah langkah-langkah yang diputuskan oleh Ketua-ketua Negara dan Kerajaan Komanwel di Nassau, Bahamas baru-baru ini sebagai langkah untuk menentang dasar apartheid Kerajaan minoriti kulit putih Afrika Selatan, pada masa akan datang dan bukannya untuk tindakan serta merta. Langkah-langkah ini telah diluluskan dengan persetujuan bahawa kerajaan minoriti kulit putih itu diberi tempoh enam bulan untuk mengubah dasar apartheidnya dan sekiranya kerajaan Afrika Selatan tidak mengambil apa-apa langkah yang sesuai sehingga bulan Jun ini barulah keputusan itu dilaksanakan.

Untuk makluman Dewan selanjutnya, ketua-ketua negara dan kerajaan Komanwel juga telah menubuhkan satu jawatankuasa khas iaitu "the Committee of Eminent Persons" untuk mengadakan dialog dengan kerajaan Apartheid Afrika Selatan dan mengawasi perkembangan bagi menentukan sama ada sekatan-sekatan ekonomi yang diluluskan perlu dikenakan terhadap Afrika Selatan. Jawatankuasa ini telah pun mengadakan lawatannya ke Afrika Selatan baru-baru ini bagi meninjau keadaan di negara itu berikutan dengan beberapa pengisytiharan mengenai pelanggaran dasar apartheid di negara itu. Laporan Jawatankuasa

ini akan dikemukakan ke mesyuarat khas ketua-ketua kerajaan Komanwel yang terdiri dari Britain, Australia, Canada, Zimbabwe, Zambia, India dan Bahamas yang dilantik oleh Persidangan yang lalu untuk menimbang laporan tersebut pada bulan Jun ini.

PASARAN SAHAM KUALA LUMPUR SYARIKAT AWAM

29. Dato' Dr K. S. Nijhar minta Menteri Kewangan menyatakan nama-nama syarikat awam "public listed companies" dalam Pasaran Saham Kuala Lumpur yang mana harga-harga pasarnya pada 14-3-1986 jatuh di bawah nilai asal dan di bawah aset ketara bersih "net tangible aset" dan meminta Yang Berhormat Menteri menerangkan sebab keadaan demikian terjadi dan langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan lagi pasaran.

Dato' Sabbaruddin Chik: Harga saham syarikat-syarikat awam yang disenaraikan di PSKL mungkin naik ataupun turun bergantung kepada beberapa faktor, seperti tanggapan pelabur terhadap syarikat berkenaan, kecekapan pengurusan dan potensi keuntungan (prospective earnings) sesuatu syarikat serta rancangan aktiviti masa depan dan anggaran keuntungan sesebuah syarikat. Faktor-faktor tersebut dengan secara tidak langsung menentukan harga saham sesebuah syarikat yang disenaraikan di PSKL.

Prestasi ekonomi yang lembab turut juga menjejaskan prestasi koporat khususnya bagi syarikat-syarikat di dalam sektor-sektor pembuatan dan pembinaan. Ini telah menimbulkan ketidak-tentuan di kalangan pelabur untuk menceburkan diri dalam pasaran saham dan dengan itu

menjejaskan harga pasaran saham sesebuah syarikat.

Krisis Pan-El yang mengakibatkan penggantungan PSKL untuk 3 hari, keadaan ekonomi yang lembab dan suasana politik semasa adalah faktor-faktor utama yang menyebabkan pasaran tersebut merosot dan kurang aktif. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini harga saham syarikat-syarikat yang disenaraikan di PSKL secara keseluruhan telah meningkat dan bertambah baik. Keadaan yang bertambah baik ini mungkin disebabkan oleh langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan minat para pelabur terhadap pasaran saham. Antara langkah-langkah yang diambil ialah:

- (i) Memperbadankan industri broker saham dalam usaha untuk mengukuhkan kedudukan kewangan syarikat broker saham, meningkatkan "integrity" dan profesionalisme di dalam pasaran saham.
- (ii) Memperkenalkan peraturan-peraturan baru PSKL bagi menggantikan peraturan-peraturan lama yang ada sekarang supaya memastikan para pemegang saham minoriti dilindungi dari sebarang penyelewengan, di samping menentukan supaya orang ramai, khususnya pelabur-pelabur, akan lebih maklum tentang prestasi sesebuah syarikat.
- (iii) Membenarkan perdagangan secara "ready" dijalankan dan tidak lagi menggunakan peraturan perdagangan secara "immediate delivery".
- (iv) Mewujudkan satu petunjuk pasaran saham yang baru yang lebih lengkap dan tepat bagi mengganti petunjuk-petunjuk

yang sedia ada dengan harapan agar pelabur-pelabur di negara ini akan lebih arif mengenai arah aliran ekonomi negara dan seterusnya mereka akan dapat membuat keputusan pelaburan dengan lebih aktif dan tidak hanya bergantung kepada khabar-khabar angin.

- (v) Langkah-langkah bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara termasuk pembinaan rumah kos rendah, penubuhan Tabung Pelaburan Baru, dan pelaksanaan Lebuhraya Utara Selatan melalui penswastaan.

Pada 14-3-1986 bilangan syarikat awam yang mana nilai sahamnya jatuh di bawah nilai par dan aset ketara bersih ialah masing-masing sebanyak 59 buah dan 122 buah. Di sebaliknya pada 3-4-1986 bilangan syarikat yang termasuk dalam kategori-kategori yang sama ialah masing-masing sebanyak 48 buah dan 111 buah. Ini menunjukkan perubahan yang positif terhadap nilai-nilai saham syarikat-syarikat yang berkenaan.

BANJIR DI SEREMBAN/ KAMPUNG BARU RAHANG

30. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan memperuntukkan peruntukan yang cukup kepada Majlis Perbandaran Seremban untuk pencegahan banjir yang berlaku di Seremban pada tiap-tiap tahun khususnya di sepanjang jalan Seremban/Tampin, dan sebahagian kawasan di Kampung Baru Rahang, jika ada, bila peruntukan tersebut diberikan.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Tuan Chan Choong Tak telah menyentuh masalah banjir

di dua tempat iaitu Pusat Bandar Seremban dan Kampung Baru Rahang serta jalan Seremban/Tampin.

Bagi tempat pertama sebuah projek Tebatan Banjir sedang dilaksanakan oleh Jabatan Parit dan Taliair manakala bagi tempat yang kedua kajian untuk mengatasi masalah tersebut telah siap dijalankan. Walau bagaimanapun, memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi yang dihadapi di negara ini peruntukan untuk melaksanakannya tidak dapat disediakan pada masa ini.

RANCANGAN PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR

31. Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd Said minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan menurut suatu kenyataan dari Universiti Sains Malaysia, rancangan pembangunan semula bandar (urban renewal) boleh membantu Kerajaan dalam usaha membasmi kemiskinan dan seterusnya membuka lebih banyak peluang untuk peniaga-peniaga kecil bergiat maju; apakah langkah-langkah pihak Kementerian dalam melaksanakan rancangan tersebut selaras dengan kenyataan tersebut.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Rancangan pembangunan semula bandar (urban renewal) ialah proses membaharui semula penggunaan tanah dan bangunan-bangunan di kawasan-kawasan lama di bandar-bandar. Ini bermakna menggantikan bangunan-bangunan lama yang terletak di atas tapak kawasan yang besar serta strategik dan di atas tapak itu dibina pula struktur baru, ataupun mengubah penggunaan bangunan-bangunan lama untuk maksud-maksud yang lebih sesuai.

Melalui rancangan ini tanah-tanah dapat digunakan dengan cara yang lebih intensif di samping menambah ruang lantai yang lebih bermutu serta

menyediakan kemudahan-kemudahan awam. Contoh projek-projek di bawah program ini ialah Bangunan Hentian Puduraya, Bangunan Cahaya Suria dan Plaza Bukit Bintang di Kuala Lumpur. Pembangunan semula kawasan-kawasan ini merangkumi beberapa aspek:

- (i) Menyediakan ruang-ruang niaga serta kemudahan tempat berniaga yang lebih selesa dan teratur kepada peniaga-peniaga kecil.
- (ii) Projek-projek pembangunan semula ini dibangunkan di tempat-tempat yang strategik yang mempunyai pendedahan serta kemudahan yang cukup dan keindahan alam sekitar, dalam usaha menarik lebih ramai pelanggan-pelanggan. Langkah ini secara tidak langsung membantu peniaga-peniaga kecil di tempat-tempat tersebut.
- (iii) Penempatan semula peniaga-peniaga kecil dari tempat asal kepada tempat berniaga yang lebih selesa yang teratur dan juga peniaga-peniaga kecil yang baru di tempat itu untuk membolehkan mereka menggiatkan usaha meningkatkan pendapatan masing-masing. Langkah ini adalah merupakan salah satu usaha ke arah membasmi kemiskinan.

Setakat ini UDA telah berjaya menempatkan ramai peniaga-peniaga kecil khususnya bumiputera di dalam projek-projek pembangunan semula yang telah dilaksanakan.

Penyertaan UDA dalam rancangan-rancangan pembaharuan semula bandar telah memberikan kesan secara menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat terutamanya kaum

bumiputera dari segi penyusunan semula masyarakat dan membasmi kemiskinan.

PENDATANG HARAM— STATISTIK

32. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan pendatang-pendatang haram yang masih berada di negara kita ini mengikut mana-mana negara yang terlibat dan sejauh mana usaha-usaha Kerajaan untuk mengambil tindakan atau menyekat supaya pendatang haram ini tidak lagi datang ke negara kita.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad): Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai statistik mengenai bilangan pendatang haram yang berada di negara ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Dalam Negeri terus menguatkan kawalan di pintu-pintu masuk rasmi ke negara ini serta memesatkan lagi rondaan di kawasan pengairan dan sempadan daratan untuk mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram. Tugas ini dijalankan bersama oleh Jabatan Imigresen dan Polis Di Raja Malaysia.

Apabila diterima maklumat dari masa ke semasa Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen dan Polis Di Raja Malaysia mengadakan serbuan mengejut di kawasan-kawasan yang disyaki didiami oleh pendatang-pendatang haram. Mana-mana pendatang haram yang ditangkap oleh pihak berkuasa adalah diusir ke negara asal mereka. Tindakan tegas ini diambil secara berterusan.

Pada masa ini, Kerajaan bersetuju pada dasarnya untuk memperluaskan bidangkuasa Pasukan Petugas VII untuk mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram ke

negara ini. Dalam pada itu, Kementerian Dalam Negeri sedang mengenalpasti langkah-langkah untuk dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan dalam usaha mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini.

BANGUNAN SEKOLAH LUAR BANDAR

33. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bangunan-bangunan sekolah di luar bandar adalah di dalam keadaan yang buruk dan tidak memuaskan. Jika sedar, apakah tindakan beliau akan ambil supaya murid-murid dapat belajar di dalam keadaan yang lebih selesa seperti murid-murid di sekolah-sekolah di dalam bandar.

Tuan Ng Cheng Kiat: Kementerian Pelajaran sedar bahawa masih terdapat bangunan sekolah di luar bandar di dalam keadaan yang buruk dan tidak memuaskan terutamanya bangunan sekolah rendah. Tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Pelajaran ialah dengan mengubahsuai, memperbaiki atau menggantikan mana-mana bangunan yang terlibat. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Pelajaran telah diperuntukkan sebanyak \$265.4 juta untuk mengubahsuai dan menaikkan taraf (Upgrading & Renovation) sekolah-sekolah rendah dan \$166.6 juta untuk sekolah-sekolah menengah. Dalam

tahun 1986, Kementerian ini merancang untuk melaksanakan 98 projek gantian bangunan lama sekolah rendah di seluruh negara.

PERMIT AKHBAR

34. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapakah Kerajaan terlalu ketat dalam memberikan lesen KDN kepada akhbar-akhbar harian dan mingguan serta majalah-majalah lain dan adakah Kementerian ini pernah menolak sebarang permohonan untuk menerbitkan Akhbar Harian, Mingguan atau Bulanan dalam Bahasa Tamil, Bahasa Malaysia, Bahasa Cina atau Bahasa Inggeris.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Kementerian mengamalkan sikap liberal semasa menimbangkan setiap permohonan permit akhbar atau majalah di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984. Di samping itu Kementerian Dalam Negeri terpaksa meneliti setiap permohonan yang diterima dengan tujuan bahawa mereka yang benar-benar layak dan berpengalaman dalam bidang penerbitan sahaja yang akan diberikan permit penerbitan.

Kementerian Dalam Negeri pernah menolak permohonan untuk mendapatkan permit penerbitan sejak dari September, 1984 hingga kini jumlah permohonan permit yang telah ditolak adalah seperti berikut:

<i>Jenis/Bahasa</i>	<i>Bahasa Malaysia</i>	<i>Bahasa Inggeris</i>	<i>Bahasa Cina</i>	<i>Bahasa Tamil</i>	<i>Jumlah</i>
Akbar Harian	—	1	3	2	6
Akhbar Mingguan	4	1	13	4	22
Majalah Bulanan	6	5	4	—	15
Jumlah	10	7	20	6	43

CALON PERSENDIRIAN KE TINGKATAN IV

35. Dato' G. Pasamanickam minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar sungguhpun baru-baru ini Kerajaan telah mengemukakan bahawa penuntut-penuntut yang mencapai Gred "B" dalam peperiksaan SRP tidak dibenarkan ke Tingkatan IV.

Tuan Ng Cheng Kiat: Sebenarnya calon-calon persendirian yang memperolehi Gred "B" dalam peperiksaan SRP boleh dinaikkan ke Tingkatan IV di sekolah masing-masing, tetapi mereka tidak dapat diterima masuk ke sekolah menengah bantuan penuh. Ini adalah disebabkan oleh tempat yang terhad dalam tingkatan berkenaan. Walau bagaimanapun murid-murid berkenaan adalah dinasihatkan menyambung pelajaran mereka di sekolah-sekolah persendirian.

RUMAH AWAM KOS RENDAH—RANCANGAN

36. Puan Sri Janaki Athi Nahappan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada pihak Pejabat Daerah dan Majlis-majlis Daerah telah diarah untuk mengumumkan mengenai rancangan Kerajaan untuk membina rumah-rumah awam kos rendah dalam bilangan besar-besaran dan di samping itu mengambil tindakan untuk menarik pembeli-pembeli rumah-rumah tersebut di kawasan masing-masing.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Chan Siang Sun): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya tidak mengeluarkan sebarang arahan kepada pejabat-pejabat Daerah dan Majlis-majlis Daerah supaya mengumumkan rancangan Kerajaan untuk membina rumah-rumah awam

kos rendah secara besar-besaran. Perkara ini merupakan bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Biasanya, Kerajaan-kerajaan Negeri atau agensi-agensinya mengiklankan dengan seluas-luasnya penjualan rumah-rumah kos rendah kepada orang ramai menerusi akhbar-akhbar tempatan dan papan-papan kenyataan di Pejabat-pejabat Daerah dan Majlis-majlis Daerah yang berkenaan.

SYARIKAT TAKAFUL ISLAM— OPERASI

37. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Syarikat Takaful Islam benar-benar selaras dengan prinsip Islam;
- (b) sejauh manakah keberkesanan Syarikat Insurans ini dalam menjalankan operasi mereka sejak ia ditubuhkan; dan
- (c) sama ada cawangan Syarikat Insurans ini akan ditubuhkan di merata pelusuk negara dan jika ya, bila dan di mana.

Dato' Sabbaruddin Chik:

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Takaful Malaysia Sdn Bhd ditubuhkan setelah Badan Perunding Islam, bersetuju dengan syor dari "Badan Petugas Mengkaji Penubuhan Syarikat Insurans Secara Islam di Malaysia". Ahli Badan Petugas ini adalah terdiri daripada ulamak Syariah Islam, pakar perundangan, ahli ekonomi Islam dan para profesional insurans yang beragama Islam. Dalam kajiannya Badan Petugas telah memberi perhatian kepada aspek-aspek syariah, undang-undang dan urusniaga insurans secara Islam. Badan Petugas

mengesyorkan bahawa insurans secara Islam hendaklah berdasarkan konsep Islam yang menggambarkan perpaduan, kerjasama dan tolong menolong di antara peserta.

Sehubungan dengan ini, Syarikat Takaful dikehendaki mengadakan sebuah Lembaga Pengawasan Syariah untuk menasihatkan dan memastikan yang perniagaan takafulnya tidak terlibat dalam apa-apa unsur yang tidak diluluskan oleh Syariah. Lembaga Pengawasan Syariah ini dianggotai oleh para ulamak di negara ini yang pakar dalam bidang Syariah, perundangan dan ekonomi Islam.

- (b) Syarikat Takaful Malaysia Sdn Bhd ini baru sembilan bulan ditubuhkan dan ia berkembang secara beransur-ansur. Setakat ini jumlah peserta-pesertanya ialah seramai 3,535 orang dengan caruman berjumlah \$1.34 juta. Kerajaan hanya mengadakan kemudahan perniagaan insurans secara Islam bagi tujuan menyerap nilai-nilai Islam dalam negara ini untuk memenuhi kehendak orang ramai. Oleh yang demikian, keberkesanan syarikat takaful ini dalam menjalankan operasi mereka adalah juga tertakluk kepada sokongan daripada orang ramai, khususnya yang beragama Islam.
- (c) Syarikat Takaful Malaysia Sdn Bhd mempunyai rancangan untuk membuka cawangan di seluruh negara menjelang tiga tahun ia beroperasi, insya-Allah. Buat masa sekarang Kerajaan telah memberi kelulusan untuk syarikat ini membuka enam cawangan.

Empat daripadanya iaitu di Kota Bharu, Kuala Terengganu, Kuantan dan Melaka telah pun beroperasi sejak bulan Januari dan Mac 1986. Dua cawangan lagi iaitu di Ipoh dan Alor Setar dijangka memulakan operasinya dalam bulan Jun 1986 ini.

PADI—KERUGIAN PETANI-PETANI

38. Tuan Hassan bin Nam minta Menteri Pertanian menyatakan apakah strategi kerajaan untuk mengatasi masalah kerugian yang dialami oleh para petani pesawah dan Kerajaan sendiri beratus juta ringgit setiap tahun, faktor utama ialah kerana pengendalian yang kurang sempurna, simpanan yang tidak tersusun serta serangan serangga selepas dan sebelum padi dituai, dan pada tahun berapakah dijangka beras keluaran negara sendiri akan dapat menampung sepenuhnya beras keluaran negara ini.

Tuan Anwar bin Haji Ibrahim: Kerajaan akan terus melipatgandakan langkah-langkah mengurangkan kerugian hasil padi yang ditanggung oleh petani-petani disebabkan pengendalian yang tidak sempurna, kemudahan penyimpanan tidak lengkap dan pendedahan kepada serangan musuh dan serangga menerusi strategi-strategi berikut:

- (i) membaiki dan menambahkan lagi kemudahan infrastruktur ladang seperti jalan dan jambatan bagi memudahkan kerja-kerja pengangkutan.
- (ii) menggalak dan menyediakan kemudahan-kemudahan pengangkutan secara pukal (bulk) bagi mengurangkan kos; dan
- (iii) menyediakan lebih banyak kemudahan-kemudahan setor dan pengeringan terutama di kompleks-kompleks L.P.N.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan sendiri semua keperluan beras negara kerana kos pengeluaran beras negara adalah sangat tinggi. Sebaliknya pengeluaran padi akan ditumpukan kepada 8 jelang padi negara yang dijangka berkeupayaan menghasilkan kira-kira 65% daripada keperluan beras negara. Baki keperluan akan diimport dari luar negeri dengan harga yang lebih murah.

HUKUMAN PENJARA/DENDA— KAJIAN

39. Tuan Harun bin Hassan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang mengenakan hukuman penjara dan denda yang lebih berat terhadap orang-orang asing yang memasuki negara ini secara haram, terutamanya kepada orang-orang yang bertanggungjawab membawa mereka masuk ke negara ini;
- (b) apakah langkah-langkah lebih tegas dan berkesan Kerajaan untuk menyekat kemasukan buruh-buruh asing ke negara ini bagi mengurangkan pengangguran di kalangan rakyat tempatan.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Pada masa ini, Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji cadangan untuk meminda hukuman yang dikenakan di bawah Akta Imigresen dengan tujuan untuk meningkatkan lagi hukuman denda dan penjara yang dikenakan ke atas mereka yang melakukan kesalahan tersebut.

Pengambilan buruh-buruh asing merupakan langkah terakhir setelah Kerajaan berpuashati bahawa majikan tempatan telah berusaha tetapi gagal bagi mendapatkan pekerja tempatan

dalam sektor industri pembinaan dan perladangan. Langkah ini diambil bagi menampung kekurangan di kedua-dua sektor ini yang dialami oleh majikan-majikan di negara ini. pengambilan tenaga pekerja asing tidaklah bertujuan menggantikan tempat kerja yang dipenuhi oleh pekerja tempatan.

Setiap permohonan dari majikan tempatan untuk membawa masuk pekerja asing ke negara ini adalah dikaji dan dijalankan dengan teliti serta mengikut merit permohonan itu bagi menentukan bahawa warganegara Malaysia benar-benar tidak ada atau tidak sanggup menjalankan pekerjaan-pekerjaan itu. Tindakan ini diambil untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja tempatan, terutamanya pada masa ini ketika negara menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi dan masalah pengangguran di kalangan rakyat.

PERMIT PENERBITAN

40. Tuan M. G. Pandithan minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan mengenyepikan sistem pemberian lesen KDN secara tahunan kepada Akhbar-akhbar yang diamalkan sekarang dan sebaliknya memberikan lesen KDN setiap lima atau enam tahun sekali bagi menunjukkan bahawa Kerajaan lebih bersikap demokrasi terhadap kebebasan akhbar.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk membuat apa-apa pindaan kepada cara dan kaedah-kaedah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, memandangkan ianya baharu sahaja dikuatkuasakan iaitu pada bulan September 1984. Begitu juga peruntukan mengenai sistem pemberian permit penerbitan secara tahunan seperti diamalkan sekarang akan dikekalkan.

ANCAMAN PENGGANAS KOMUNIS

41. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada kegiatan parti komunis di negara kita ini masih lagi merbahaya dan berapa ramai lagi anggota-anggota komunis yang sedang mengancam keselamatan negara.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Hasil daripada gerakan-gerakan yang dilancarkan oleh Pasukan Keselamatan kita dengan kerjasama daripada Pasukan Keselamatan Thai telah dapat membendung ancaman pengganas komunis. Buat masa ini dianggarkan seramai lebih kurang 262 anggota Pengganas Komunis yang masih bergerak di kawasan-kawasan hutan di negara ini dan tumpuan kegiatan kumpulan ini adalah untuk mendapatkan bekalan makanan daripada penduduk tempatan untuk meneruskan perjuangan mereka yang terdesak. Sukalah saya menegaskan bahawa perjuangan komunis sudah tidak mendapat sokongan dari orang ramai dan tidak berjaya lagi memperdaya penduduk tempatan. Bagaimanapun Kerajaan masih memperhebatkan lagi gerakan untuk menghapuskan saki-baki komunis yang bergerak di negara ini.

HOSPITAL BARU TELUK INTAN

42. Tuan Kuan Peng Soon minta Menteri Kesihatan menyatakan apabila Hospital Baru Teluk Intan mula berkhidmat kepada rakyat, sama ada sebahagian bangunan hospital asal akan dikekalkan sebagai Jabatan Pesakit Luar untuk kemudahan orang ramai kerana hospital baru terletak 4 km. dari bandar Teluk Intan.

Dato' K. Pathmanaban: Apabila hospital baru Teluk Intan memulakan perkhidmatannya pada tahun

hadapan, semua kakitangan akan dipindahkan untuk mengendalikan semua jenis perkhidmatan di hospital baru itu yang telah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang sempurna.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan di Jabatan Pesakit Luar Hospital daerah lama akan terus dikekalkan, tetapi dengan kakitangan dan kemudahan yang minima sahaja. Jabatan ini akan berkhidmat hanya pada waktu pejabat sahaja.

SENJATAPI YANG DISELUDUP

43. Datuk Haji Ishak bin Abdul Rahman minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) dari negara manakah senjata-senjata yang diseludup masuk ke Malaysia;
- (b) berapa banyakkah senjata-senjata yang telah dirampas; dan
- (c) berapa ramai yang ditangkap, yang dihukum bersabit kesalahan penyeludupan senjata.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari kajian yang dibuat bagi tempoh 3 tahun, didapati kebanyakan senjata yang diseludup ke negara ini adalah di negara jiran seperti Thailand, Indonesia, Filipina serta terdapat juga dari negara Poland. Bagi tempoh 3 tahun kebelakangan ini Pasukan Polis telah berjaya merampas sebanyak 345 pucuk senjata yang terdiri dari berbagai jenis di seluruh negara.

Dalam tempoh yang sama, seramai 369 orang telah ditangkap berhubung dengan kegiatan penyeludupan senjata ke negara ini. Dari jumlah tersebut, seramai 95 orang telah dihukum di bawah Seksyen 57 (1a)

ISA 1960, 68 orang telah dihukum di bawah Seksyen 8A Akta Senjatapi 1960, 29 orang telah dihukum atas kesalahan di bawah Akta Senjatapi (Hukuman Lebih Berat) 1971. Bakinya masih menunggu perbicaraan.

TARIAN SINGA

44. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian beliau menganggap tarian singa sebagai satu kebudayaan negara dan adakah Kementerian beliau ingin menghapuskan langkah meminta kebenaran tarian singa daripada pihak polis untuk meringankan tanggungjawab pihak polis.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Bagi menjawab soalan ini, sukalah saya menghuraikan serba sedikit mengenai unsur-unsur kepada kebudayaan kebangsaan. Kebudayaan kebangsaan adalah merupakan kebudayaan yang melangkaui batas-batas kebudayaan sukuan atau kaum yang merangkumi ciri-ciri penting mengenai lambang dan institusi-institusi kebangsaan yang dapat menimbulkan perasaan kepunyaan bersama rakyat. Ianya haruslah mengandungi keseluruhan kompleks unsur-unsur budaya rakyat asal rantau ini menerusi hasil-hasil ciptaan nasional dalam bidang kesenian, falsafah, pemikiran, manifestasi, nilai, etika dan estetika, bahasa dan kesusasteraan, kepercayaan, moral undang-undang dan cara-cara kehidupan bangsa yang dikenali sebagai bangsa Malaysia. Manakala kebudayaan sukuan atau kaum adalah kebudayaan yang di dalam batas-batas tertentu yang diamalkan oleh suku kaum berkenaan sahaja sama ada oleh orang-orang India, Cina, Iban, Kadazan/Dusun, Murut, Melanau, Kenyah dan sebagainya. Ianya menjadi warisan atau berada

di peringkat kaum itu sendiri seperti adat istiadat perkahwinan Melayu, perayaan-perayaan kaum dan lain-lain. Berasaskan kepada tafsiran di atas maka pada peringkat masakini, Tarian Singa bolehlah dianggap sebagai tarian suku kaum orang-orang Cina dan tidaklah mencapai tahap kebudayaan kebangsaan di negara kita.

Setiap permohonan sama ada untuk mengadakan Tarian Singa atau apa-apa juga bentuk perhimpunan atau perjumpaan di tempat awam hendaklah terlebih dahulu meminta kebenaran dari pihak polis, seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 27 Akta Polis No. 41/67. Adalah tidak wajar sama sekali sekiranya kebenaran pihak polis ini dihapuskan kerana sebarang perhimpunan dan perjumpaan yang tidak dikawal boleh menimbulkan berbagai implikasi yang memudaratkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

PENDATANG HARAM MELAKUKAN JENAYAH

45. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah benar meningkatnya bilangan penjenayah di negara ini berpunca dari kemasukan pendatang-pendatang haram yang tidak dapat dibendung, kiranya benar berapa jumlah penjenayah dari golongan ini yang telah dapat dibendung.

Dato' Radzi bin Sheikh Ahmad: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sedar bilangan peningkatan kadar jenayah sejak kebelakangan ini sedikit sebanyak berpunca daripada kemasukan pendatang-pendatang haram ke negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan dari masa ke semasa berusaha membanteras kejadian-kejadian jenayah sama ada

dilakukan oleh orang-orang tempatan atau pendatang-pendatang haram.

Jumlah tangkapan bagi pendatang-pendatang haram yang melakukan jenayah di negara ini bagi tempoh 3 tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut:

	1983	1984	1985
Indonesia ..	138	215	160
Filipina	234	385	351
Vietnam ..	—	2	—
Singapura ..	—	7	—
Thailand ..	17	13	35
Lain-lain ..	—	5	10
Jumlah ..	389	627	556

PEKERJA KILANG KEHILANGAN PEKERJAAN

46. Tuan Haji Shaharum bin Haji Maasom minta Menteri Buruh menyatakan, sehingga Februari 1986 berapa ramai jumlah pekerja buruh kilang yang kehilangan pekerjaan kerana beberapa sebab seperti berikut:

- (a) berapa ramai kerana kilang ditutup;
- (b) berapa ramai kerana kilang mengurangkan tenaga pekerja; dan
- (c) berapa ramai buruh yang balik dari Singapura; adakah Kerajaan sedar ada pemilik perusahaan atau kilang sengaja memberhentikan pekerja-pekerja yang telah lama bekerja dan beberapa hari kemudian mengambil pekerja-pekerja baru yang dibayar gaji murah.

Datuk Wiliam Lye Chee Hien: Saya akan menjawab bahagian (a) dan (b) dengan sekali gus. Jumlah bilangan pekerja-pekerja kilang yang telah

kehilangan pekerjaan pada sepanjang tahun 1985 sehingga bulan Februari, 1986 adalah seramai 31,296 orang dari lebih kurang 240 buah kilang. Kementerian saya tiada menyimpan pecahan bilangan pekerja yang kehilangan pekerjaan disebabkan kilang yang telah ditutup dan kilang yang hanya mengurangkan tenaga pekerja seperti yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Negara kita tidak ada undang-undang yang mewajibkan warganegara Malaysia yang berhijrah untuk bekerja di luar negeri supaya melaporkan diri ke mana-mana pihak berkuasa semasa mereka keluar dan demikian juga semasa mereka kembali ke tanahair. Oleh yang demikian, tidak ada rekod yang kemaskini berkaitan dengan bilangan pekerja-pekerja Malaysia yang pulang dari Republik Singapura.

Setakat ini tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa ada majikan dengan sengaja memberhentikan pekerja-pekerjanya tanpa alasan atau sebab-sebab yang munasabah. Sekiranya berlaku sebarang penindasan oleh pihak majikan, pekerja-pekerja yang terlibat ataupun kesatuan sekerja mereka berhak melaporkan perkara tersebut kepada Jabatan Perhubungan Perusahaan di bawah Kementerian saya yang mana akan menyiasat dan jika perlu akan mengeluarkan arahan kepada majikan untuk menggajikan semula pekerja-pekerjanya.

KAMPUNG BARU— PEMBANGUNAN

47. Tuan Chan Choong Tak minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada rancangan konkrit yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan semua Kampung Baru yang mana telah lama terbiar.

Dato' Chan Siang Sun: Mulai tahun 1986 iaitu Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian saya telah pun menggariskan dua matlamat utama dalam pembangunan kampung-kampung baru:

- (a) Menjadikan Kampung Baru sebagai kawasan penempatan manusia yang sempurna melalui penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan sosio-ekonomi yang diperlukan; dan
- (b) Memajukan Kampung-kampung Baru yang berpotensi dan sesuai sebagai pusat pertumbuhan ekonomi dan bandar baru berlandaskan kepada aktiviti-aktiviti ekonomi yang moden dan industri-industri ringan.

Sesuai dengan kedua matlamat utama ini, Kementerian saya sedang dalam peringkat akhir menyediakan satu kajian awalan klasifikasi Kampung-kampung Baru yang bertujuan mengklaskan semua kampung-kampung baru kepada kategori dan jenis untuk mengenalpasti strategi-strategi pembangunan yang sesuai mengikut jenis dan kategori Kampung Baru. Antara lain, Kampung-kampung Baru yang didapati berpotensi dan sesuai akan dimajukan menjadi pusat-pusat pertumbuhan ekonomi dan bandar baru dengan peruntukan tambahan khas. Ini merupakan sebagai rancangan jangka panjang untuk memaju dan membangunkan kampung-kampung baru tersebut. Di Kampung-kampung baru di mana masih terdapat kekurangan kemudahan infrastruktur dan sosio-ekonomi, projek-projek pembangunan seperti pembinaan jalan, perparitan dan kemudahan-kemudahan asas yang lain akan dipergiatkan untuk memastikan bahawa semua kampung-kampung

baru akan menjadi satu kawasan penempatan yang sempurna. Bagi maksud ini, Kementerian saya telah diberi satu peruntukan sebanyak \$25 juta bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Kampung-kampung baru akan dimajukan secara berperingkat-peringkat, untuk dijadikan kawasan penempatan yang sempurna.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato Mohamed Khalil bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, persidangan Dewan Negara hari ini tidak akan ditungguh sehingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda pada masa membuka Penggal Keempat, Parlimen Keenam ini telah dipersetujui dan diluluskan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul ini bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Menteri di Jabatan Perdana Menteri diputuskan, dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat

11, persidangan Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda pada masa membuka Penggal Keempat, Parlimen Keenam ini telah dipersetujui dan diluluskan.

USUL

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam”.

(9hb April, 1986).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sepatutnya Yang Berhormat Menteri-menteri akan mula menjawab sekarang tetapi oleh kerana seorang Ahli Yang Berhormat

belum lagi habis ucapan beliau pada hari kelmarin, maka saya membenarkan beliau menyambung ucapannya dalam masa 5 atau 10 minit. Selepas itu saya akan menjemput Yang Berhormat Menteri-menteri menggulung.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar menyambung ucapannya. Silakan.

3.37 ptg.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas perhatian serta mengizinkan saya untuk menyambung sekadar yang perlu atas membahaskan serta memberi ucapan sokongan ke atas Titah Di Raja di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyambung ucapan ini kepada tajuk yang telah dibincangkan semalam, saya telah mendapat perhatian akan pandangan daripada sahabat-sahabat saya, Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara ini iaitu pada petang kelmarin di antara pukul 5.00 hingga pukul 6.30 petang semasa Dewan telah sampai ke penghujung, kami dapati kehadiran Menteri-menteri boleh dikatakan kosong. Jadi, ini amatlah menghampakan dan menyayukan perasaan hati Ahli-ahli Dewan Negara kerana kita sedar pada tahun lalu dalam bulan Disember Dewan ini dengan Dewan Rakyat telah meluluskan suatu Akta di mana jika Menteri tidak dapat hadir maka Timbalannya adalah dianggap sebagai Menteri, begitu juga Setiausaha Parlimen. Tetapi semalam amat mendukacitakan, Tuan Yang di-Pertua, Menteri tidak ada kerana kesibukan, Timbalan Menteri pun sibuk, Setiausaha Parlimen pun sibuk, siapakah yang akan kita berikan kuasa kelak di bawah Akta yang berkenaan

untuk mewakilkan dirinya sebagai Menteri di dalam Dewan ini. Kita berharap pihak Kerajaan akan memberi perhatian dengan setimpal dengan rayuan dan perasaan yang kami sampaikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya semalam mengenai peristiwa sedih dan malang di Memali, semua rakan-rakan termasuk saya berasa amat dukacita dan malang atas kejadian itu dan kita ucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah mengambil tindakan-tindakan yang cepat dan wajar walaupun banyak pemikiran dan perhatian untuk mempertingkatkan supaya jika berlaku ataupun sebelum berlaku kejadian-kejadian ini agar Kerajaan dapat memberi perhatian yang lebih mendalam di atas kesan-kesan dan implikasinya pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya perhatikan daripada detik-detik akibat peristiwa Memali ini, banyak pandangan-pandangan yang sebaliknya diutarakan dan disampaikan seakan-akan menyalahkan Islam sebagai agama yang tidak toleransi, fanatik dan berbagai-bagai tuduhan. Saya berharap supaya kita dapat mengawal perasaan dan diri masing-masing demi kepentingan dan memelihara kesejahteraan yang wujud berabad-abad di negara ini kerana soal agama Islam sebagai "addin"—"way of life", dengan izin, adalah satu perkara yang berlainan kesuciannya. Tetapi jikalau kita melemparkan kata-kata yang tidak diperhatikan dan tidak tepat, mungkin akibat-akibatnya akan berlainan.

Umpamanya, ada seorang Ahli Dewan kita ini yang mempersoalkan kenapa seorang guru Islam ditempatkan sebagai Pengetua di sekolah yang ramai murid beragama

Kristian? Ini saya kira tidak timbul kerana kita semua telah menerima undang-undang dengan patuhnya akan Dasar Pelajaran Kebangsaan di mana semua sekolah itu telah mengikuti Dasar Pelajaran Kebangsaan. Kalau inilah contradictory, dengan izin, maka saya mempersoalkan balik akan kewibawaan serta kematangan kita berfikir untuk memberi hujah-hujah di dalam mempersoalkan agama Islam itu.

Satu bahaya yang besar lagi, di saat-saat ini telah timbul pula satu angkatan di dalam masyarakat cerdik pandai di negara kita ini mempersoalkan Hadis Nabi Muhammad s.a.w. sebagai teori. Ini datangnya daripada orang Islam sendiri, kononnya barangkali berhajat untuk memukul Islam dari segi ilmiah. Ini sudah terbalik. Kenapakah beliau sanggup mengatakan bahawa Hadis itu teori? Sedarkah beliau di dalam Al-Quran mengatakan, dengan maksudnya, "tidak berkata Rasul itu, melainkan wahyu". Siapakah yang menurunkan wahyu? Dengan izin, "the divine God"—Allah Yang Maha Kuasa Yang Maha Suci, yang Maha, Maha, beratus-ratus MahaNya. Saya terpaksa mengucapkan "subhanallah"—Maha Suci Allah, buka mahasiswa Allah. Kita menganggap kita sudah mahasiswa, maka kita sudah berani dengan lantang untuk mengadakan perjumpaan diskusi ceramah untuk membentangkan teori Hadis. Ini satu yang tidak wajar dilakukan oleh seorang yang menggelarkan dirinya professor ataupun telah mendapat pangkat Ph. D dalam sastera dan berbagai-bagai lagi. Apatah lagi kalau kita selidiki, beliau ini pernah menganut satu politik yang dipimpinya 23 tahun atau lebih iaitu Parti Sosialis yang sangat bertentangan dengan keadaan dan latar hidup negara Malaysia ini. Apakah kita sedar?

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak Jabatan Agama Islam Selangor yang telah berani menegakkan hukum syarak untuk menegah beliau daripada meracuni fikiran mahasiswa-mahasiswa yang beribu-ribu orang akan keluar daripada universiti. Ini wajar. Sekiranya akal, lidah dan hati sudah diterbalikkan melalui teori-teori kotor dan hitam, mendakwa berselindung di sebalik ilmiah yang kadang-kadang Kerajaan dan pemimpin-pemimpin kita tidak sedar, asal ilmiah atau akademik saja, kita memberi kebenaran. Nasib baik, Jabatan Agama Islam Selangor dapat membendung perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah beliau itu hadir atau dapat suara ini disampaikan ke telinga, kita berharap kepada cerdik-pandai yang demikian dapat meneliti sebaris sahaja daripada ayat Al-Quran tentang Nabi Muhammad s.a.w. sempena bulan Rejab ini, yang bermaksud, Maha suci Allah yang telah menjalankan hambaNya di waktu malam yang singkat, tidak tergambar singkatnya, daripada Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa di Palestin, Tuhan telah membahasakan Nabi Muhammad s.a.w. itu "biabdih"—hambaNya. Setiap yang dibangsakan kepada Allah adalah suci dan mulia. Tidak ada manusia sampai ke hari kiamat, bukan tidak dibenarkan untuk mentalaah ataupun menyiasat akan segala pengaruhNya tetapi sudah lengkap akan kesuciannya. Kenapa kita sebut Baitullah, rumah Allah, hanya, satu sahaja di dalam alam ini? Kerana suciNya, walaupun tidak bertiang emas, walaupun tidak bertingkat, bermosaic, dengan segala keindahan, tidak dapat keindahannya, tetapi Allah mengakui itulah Baitullah. Maka Nabi dan Rasul ini, janganlah dipertikaikan oleh manusia, kerana ini sudah lengkap daripada pengaruh-pengaruh yang kotor daripada angkatan-angkatan perang

yang berabad-abad seperti angkatan perang Solibiah yang telah meneruskan peperangan untuk menghancurkan fikiran terhadap umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa kepada pihak Kerajaan dan alim ulama serta pemimpin-pemimpin kita agar dapat menutup perkara ini kerana lebih merbahaya daripada Memali jika perkara ini berkembang menghina akan kemuliaan, kesucian Hadis dan kata-kata Nabi, kerana itu adalah satu wahyu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini juga telah bangkit di akhir-akhir ini, ialah akibat dari Memali itu juga telah terdengar suara-suara mengutuk orang-orang yang berpengetahuan dengan perkataan bahasa Arab. Ini pernah timbul di dalam tahun 1956 ketika Kongres Bahasa Malaysia di Johor yang dihadiri oleh negara-negara kepulauan Melayu, Indonesia yang memakai bahasa Melayu di mana datang suara-suara cadangan komunis yang dipimpin oleh Aidid, yang dipimpin melalui kesusasteraan hendak menghancurkan pengaruh Arab dan bahasa Arab di dalam bahasa Melayu. Inilah yang kita sanggup satu peperangan fikiran yang lanjut daripada abad-abad dahulu berlaku dan dijadikan gelanggang di negara kita ini.

Awas pihak Kerajaan. Yang anih, sebagai satu perkara kecil sahaja, ahli-ahli bahasa dalam persidangan kongres itu beria-ia sangat daripada Indonesia, Pendita-pendita bahasa Indonesia untuk menghapuskan ejaan "ain", bunyi "ain" atau "a" yang bertanda koma kepada lafaz bahasa Melayu. Nasib baiklah Pendita kita yang cerdik dan pandai, dalam pemikirannya, sejuk dan jauh pandangannya, Allahyarham Pendita Za'ba, telah memperjuangkan dengan kata-kata yang ringkas, iaitu

perkataan huruf "ain" itu sebenarnya bukan datang daripada Arab tetapi memang ada pengaruh di dalam tekak dan lidah orang Melayu. Contohnya, kata beliau, bila seseorang itu terkejut kepada satu berita yang mendadak, yang datang dengan tiba-tiba, orang itu akan tanya "ah!", maka di situlah lafaz "ain" telah timbul dengan tabii yang ada kepada huruf-huruf Melayu itu. Di sinilah, pengaruh serta influence, dengan izin, daripada negara-negara jiran yang menyusupkan secara halus akan anti, anti dan berbagai-bagai lagi. Kita amat bimbang perkara ini akan dianggap semuanya hujah-hujah yang ilmiah.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin masuk ke satu perkara yang sangat ditakuti oleh Kerajaan kita, iaitu penyakit AIDS telah mula menyerang. Mengikut kenyataan Ketua Pengarah Perubatan Malaysia, kalau tidak silap saya dalam sebuah akhbar satu masa dahulu, beliau merasa optimis Malaysia bertuah kerana rakyat negara ini taat kepada agama, dengan sebab itu penyakit jilik AIDS ini tidak menular begitu ketara. Sungguhpun begitu, Tuan Yang di-Pertua, agama dapat membendung tetapi sebagai pemerintah, wajiblah sebagai pemerintah dan Kerajaan untuk mengetahui bagaimana penyakit-penyakit ini dan jalan-jalan yang menuju kepada AIDS itu akan datang.

Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini di bandar-bandar besar seperti Taiping, Ipoh, Kuala Lumpur, Johor Bahru yang saya sempat lihat, pondan-pondan berkeliaran di tepi-tepi hotel, di tempat-tempat yang gelap, separuh gelap, di lorong-lorong bandaraya mencari pelanggan-pelanggan, pelanggan apa yang dicari? Semua ini tidak nampak dibanteras begitu hebat sebagaimana kita membanteras kejadian di Memali. Penyakit ini sudah tersebut di dalam Al-Quran, sudah pernah Allah Ta'ala menenggelamkan, menghancurkan

sebuah negeri yang bernama Sodom and Gomorrah kaum Nabi Lut kerana perbuatan ini yang sangat keji dan hina. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sedarkah kita pemerintah kita seolah-olah membiarkan jalan-jalan yang menuju kepada penyakit AIDS ini akan datang, iaitu kita tengok di dalam TV penyanyi-penyanyi perempuan diiringi oleh penari-penari lelaki. Maksudnya secara tidak langsung kita akan mula-mula mempondankan lelaki itu, akhirnya kita akan membetinasikan lelaki itu. Ini patut diambil perhatian kerana mass media adalah suatu tayangan yang sangat digemari oleh rakyat kita.

Kemudian di dalam latihan-latihan di tempat tentera TUDM dan sebagainya. Seperti di Ipoh, apa yang saya perhatikan wanita-wanita muda ini diberi latihan jasmani di tengah-tengah panas terik di waktu bulan puasa, pukul 1.00 tengahari di atas batu tar, di tengah-tengah berapa puluh darjah Celsius—hebat, Tuan Yang di-Pertua, latihan-latihannya itu tetap dilalui—lari, panjat tembok 20 kaki, lompat 20 kaki, wanita buat. Kata pemimpin wanita kita, syabas! Tidakkah ini kita persoalkan bahawa itu juga akan mengkeraskan dan lebih melelakikan wanita itu.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah telah membuktikan, bukan suatu sejarah yang silam, sejarah di abad 1920 kejatuhan pemerintahan penjajah Belanda di Indonesia. Setelah dikaji oleh ahli-ahli sejarah daripada segenap sudut, kejadian homoseks dengan kelab-kelabnya telah berleluasa di antara pegawai-pegawai penjajah Belanda yang telah dapat dikorek dan dipaparkan oleh rakyat dan pejuang-pejuang kemerdekaan Indonesia. Dengan ini penjajah Belanda yang berakar-umbi ratusan tahun di bumi Indonesia telah tamat akibat daripada perbuatan-perbuatan homoseks yang menimbulkan AIDS itu.

Maka sebagai penutup, Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil pandangan daripada Lokmanil-Hakim. Ada dua benda dalam daging manusia ini yang menjadikan manusia itu baik dan boleh menjadikan manusia itu jahat. Apabila ditanya oleh seorang murid, "Potongkan saya daging dan berikan saya dua ketul daging yang baik." Lokmanil-Hakim telah memberikan daging itu kepada sipenyual—lidah dan hati. Satu masa ditanya oleh seorang lagi, "Berikan aku daging yang paling jahat." Maka Lokmanil-Hakim memberikan lidah dan hati. Orang itu bertanya, "Kenapa ini yang jahat dan ini juga yang baik?" Awas, pesanan ini untuk seluruh manusia hingga tamat riwayat dunia ini, Tuan Yang di-Pertua, iaitu memelihara lidah dan hati. Itulah puncanya segala kezaliman, kejahatan, merosak, menghasut, Memali, BMF dan berbagai-bagai lagi.

Kita menggesa kepada pihak Kerajaan, sesuai dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, apakah program yang "global" yang diaturkan oleh Kerajaan, Dasar Pelajaran, Pertanian, Ekonomi, Agama dan berbagai-bagai lagi untuk menentukan kesejahteraan lidah dan hati rakyat Malaysia ini dapat diadakan untuk kesejahteraan. Inilah yang akan kita fikirkan.

Saya menyokong di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini dan mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya minta Kementerian Luar Negeri memberi jawapan.

3.56 ptg.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato Abdul Kadir bin Haji Sheikh

Fadzir): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Sebenarnya saya inginlah terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Ahli-ahli Dewan yang saya rasa mungkin begitu menyokong dasar luar negeri kita dan juga cara pelaksanaannya kerana tidak siapapun menyentuh soal-soal yang berkaitan dengan luar negeri. Hanya seorang sahaja iaitu Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin yang telah pun menyatakan kebimbangannya tentang pendudukan Vietnam di Kampuchea yang mana sudah tentu merupakan satu ancaman kepada negeri Thai dan oleh sebab negara Thai adalah sahabat baik Malaysia dan juga sebuah negara anggota ASEAN, maka kita harus mempertingkatkan sokongan kepada pihak Kerajaan Thai.

Saya dengan ringkasnya ingin menyatakan bahawa sememangnya kita tahu bahawa di dalam isu sengkita Kampuchea itu bahawa negara yang paling teruk menanggung bebannya adalah negara Thai, sebagaimana kita bayangkan beratus-ratus ribu pelarian-pelarian di Kampuchea menduduki Thailand. Ini kita boleh membayangkan kesusahannya sedangkan kita hanya menghadapi lebih kurang 6,000-8,000 sahaja di Pulau Bidong, itupun kita rasa begitu membimbangkan. Begitu juga kadangkalanya dengan berbagai-bagai alasan kononnya tidak faham tentang sempadan sebenarnya di antara Kampuchea dan Thailand dan sebagainya, maka terdapat tentera-tentera Vietnam terus mencero bohi negara dan bumi Thailand juga. Tetapi oleh sebab di atas kesedaran inilah maka pihak ASEAN sepanjang masa di atas soal Kampuchea ini kita sebulat kata dan sedikit sebanyak memandag Thailand yang kita banyak menghormati oleh sebab Thailandlah yang banyak sekali menanggung bebanan dari masalah tersebut.

Ada juga kadangkalanya anasir-anasir yang cuba memecah belahkan perpaduan, pendapat di kalangan negara-negara ASEAN di atas isu ini tetapi saya rasa segala niat buruk itu tidak akan berhasil dan setakat ini tidak juga berhasil. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, di samping kita menyokong dengan sebulat-bulatnya terhadap keputusan bersama ASEAN mengenai soal Kampuchea dan juga terhadap sokongan negara-negara ASEAN kepada anggotanya iaitu Thailand di atas bebanan mereka itu maka saya tertarik hati dengan satu kenyataan yang dibuat pada hari ini oleh Pak Mochtar Kusumaatmadja iaitu Menteri Luar Indonesia yang telah pun disiarkan dalam akhbar pada hari ini iaitu yang meminta supaya Thailand mengadakan satu rundingan secara terus menerus dengan Vietnam supaya segala kegelisahan di antara kedua buah negara itu khususnya mengenai masalah-masalah yang sering timbul di sempadan Kampuchea dan Thailand itu dapat diatasi. Saya inginlah menyambut baik saranan Pak Mochtar Kusumaatmadja Menteri Luar Negeri Indonesia ini. Saya rasa kalaulah Vietnam dan Thailand sering bertukar-tukar pendapat, sering mengadakan perundingan secara terus maka sudah tentu ini sedikit sebanyak dapat memperbaiki the atmospherics, dengan izin, untuk kita meneruskan apa juga rancangan-rancangan yang kita akan utarakan dari masa ke semasa untuk menyelesaikan masalah Kampuchea itu.

Di samping itu pula, kita tahu bahawa ada suatu psychological barrier di antara Vietnam dan Thailand iaitu sebagai warisan sejarah di mana perasaan syak wasangka antara kedua buah negara ini begitu mendalam maka sudah tentulah dengan adanya bertukar-tukar pendapat dan rundingan secara terus di antara kedua buah negara ini maka sedikit sebanyak perasaan syak wasangka dan juga soal-soal

keselamatan ataupun ancaman yang dirasakan oleh kedua-dua buah negara itu dapat sedikit sebanyak diperbetulkan dan ini sudah tentu akan memberi satu sumbangan yang cukup membina dari segi menyelesaikan soal Kampuchea ini.

Baru-baru ini Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea telah pun mengutarakan satu pelan baru iaitu the 8-point plan yang saya rasa satu langkah yang begitu serius, satu pengorbanan di pihak Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea yang sudah tentu saya rasa akan membawa kepada kebaikan. Sungguhpun rancangan itu telah pun ditolak dengan begitu mudahnya oleh pihak Vietnam, tetapi kita penuh yakin bahawa perkara ini akan diperbincangkan dalam masa-masa hadapan, dan sudah tentulah rundingan secara langsung di antara Thailand dan Vietnam sebagaimana yang telah diutarakan oleh Menteri Luar Indonesia akan membawa kepada kebaikan ke arah itu.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja sedikit sebanyak pandangan—satu pandangan sahaja yang telah pun dibangkitkan semasa perdebatan di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

4.04 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan atas Titah Di Raja dan seterusnya memberi pandangan, teguran dan syor-syor yang membina terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri.

Dalam tempoh perbahasan atas Titah Di Raja selama 3 hari dan termasuk hari ini juga, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan berbagai-bagai perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri terutamanya mengenai pencapaian dan perlanjutan tempoh Dasar Ekonomi Baru, penyalahgunaan agama, masalah polarisasi kaum, di samping soal tuntutan gaji dan sikap kakitangan dan para pegawai Perkhidmatan Awam serta mutu perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan-jabatan Kerajaan. Kelewatan mendapat lesen juga telah dibangkitkan.

Saya tidak bercadang hendak menjawab semua perkara yang telah dibangkitkan kerana ada di antaranya telah dijelaskan dalam masa Soal Jawab Mulut beberapa hari yang lalu. Walaupun demikian, segala pandangan, teguran dan syor-syor yang membina yang diberikan dengan ikhlas adalah dihargai dan diambil perhatian yang serius oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, perkara mengenai pencapaian Dasar Ekonomi Baru telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ng Ah Poi, Senator Dato' Kamarulzaman bin Ahmad dan Senator M. G. Pandithan. Dalam hal ini, suka saya menjelaskan bahawa kajian semula terhadap hasil pencapaian Dasar Ekonomi Baru melalui matlamat serampang dua mata telah pun dibuat dan dinyatakan dengan jelas di dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelima. Di Semenanjung Malaysia, kadar kemiskinan telah berkurang dengan banyaknya dalam tempoh 1970-1984, iaitu daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 18.4 peratus pada tahun 1984. Pada umumnya, berdasarkan keadaan ekonomi dan tahap pembangunan yang dijangkakan, matlamat rangka rancangan jangka panjang untuk

mengurangkan kadar kemiskinan ke paras 17 peratus menjelang tahun 1990 boleh dicapai. Perkhidmatan-perkhidmatan awam telah berkembang dengan pesat dan meluas dan mutu hidup rakyat telah pun bertambah baik.

Kemajuan ke arah matlamat penyusunan semula masyarakat juga telah dicapai sejak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan. Kajian semasa mengenai prestasi penyusunan semula masyarakat dalam tempoh 1981-1985 menunjukkan bahawa, secara amnya, kemajuan telah terus dicapai walaupun pada kadar yang lebih perlahan daripada yang diperolehi dalam dekad pertama pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Pendapatan purata rakyat Malaysia telah bertambah daripada \$693 sebulan pada tahun 1979 kepada \$1,095 sebulan pada tahun 1984. Penyusunan semula corak gunatena dan hakmilik harta telah mencapai kejayaan yang memuaskan. Masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera telah bertambah besar dan penglibatan mereka dalam berbagai kegiatan ekonomi juga telah meningkat. Pada keseluruhannya, walaupun pencapaian bumiputera tidak memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru, asas untuk pertumbuhan seterusnya telah dapat disediakan.

Memang benar bahawa kemiskinan dihadapi oleh semua kaum. Ini telah lama disedari oleh Kerajaan dan Dasar Ekonomi melalui matlamat pertamanya telah pun menetapkan dari awal-awal pelancarannya lagi untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. Dalam pelaksanaan strategi, program dan projek bagi mencapai matlamat tersebut, semua kumpulan ethnic telah diberi peluang menyertainya. Kemudahan-kemudahan asas yang disediakan dan bantuan-bantuan yang diberikan juga

meliputi dan memberi faedah kepada semua kumpulan ethnik.

Dalam usaha menyusun semula masyarakat, Kerajaan telah menetapkan matlamat sekurang-kurangnya 30 peratus dan 40 peratus penyertaan bumiputera dan rakyat Malaysia yang lain dalam kegiatan ekonomi negara khususnya dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Prestasi penyertaan dan pencapaian Bumiputera dalam tempoh Dasar Ekonomi Baru dalam beberapa bidang dan kegiatan ekonomi negara sehingga sekarang adalah memuaskan. Misalnya, pencapaian Bumiputera dari segi hakmilik dalam sektor syarikat ialah kira-kira 18 peratus pada tahun 1985.

Sungguhpun hakmilik dan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian masih lagi rendah berbanding dengan bukan Bumiputera, namun penyertaan Bumiputera dalam beberapa kegiatan bukan syarikat, terutamanya dalam sektor perniagaan dan perkhidmatan kecil, telah mencapai kemajuan yang baik, khasnya melalui perniagaan-perniagaan perseorangan dan perkongsian yang merupakan asas penting kepada peningkatan seterusnya. Hakmilik dan penyertaan Bumiputera yang masih rendah dalam bidang perdagangan dan perindustrian adalah disebabkan oleh masalah-masalah yang dihadapi oleh usahawan-usahawan Bumiputera dari segi stok hakmilik, sumber-sumber dan kemahiran pengurusan dan perniagaan.

Kerajaan, terutamanya melalui agensi-agensi amanah, akan terus memberi bantuan yang diperlukan oleh usahawan-usahawan Bumiputera sama ada dari segi kewangan, pengurusan, latihan atau khidmat nasihat. Bantuan-bantuan yang diberikan adalah sebagai asas kepada

usahawan-usahawan Bumiputera untuk memperkukuhkan lagi kedudukan mereka supaya pada suatu masa nanti mereka akan berupaya meneruskan perniagaan mereka dan seterusnya bersaing dengan rakyat Malaysia yang lain, yang pada amnya lebih maju dan stabil dalam bidang perniagaan. Keadaan akan lebih mencabar lagi berikutan dari kemelesetan ekonomi dunia dan kekurangan sumber-sumber kewangan negara. Usahawan-usahawan Bumiputera diharap akan dapat berusaha dengan gigih dan mempunyai inisiatif untuk bersaing dalam kegiatan ekonomi sekarang.

Adalah sukar untuk mengukur penyertaan dan pencapaian sebenar kaum bumiputera dalam kegiatan-kegiatan ekonomi negara. Namun demikian, beberapa petunjuk utama yang digunakan telah menunjukkan pencapaian dan penglibatan bumiputera sehingga sekarang adalah menggalakkan. Misalnya, penyertaan bumiputera dalam bidang perladangan, kewangan dan perlombongan adalah cemerlang. Ini adalah ekoran daripada usaha-usaha penyusunan semula dan pengambilan alih beberapa kepentingan asing dalam syarikat-syarikat perladangan dan perlombongan di negara ini oleh Kerajaan melalui agensi-agensi amanah tertentu. Faktor ini telah menyumbangkan peningkatan kepada hakmilik bumiputera dalam sektor-sektor tersebut.

Dalam sektor perladangan, bumiputera telah memiliki dan menguasai beberapa syarikat besar, seperti Harrisons Malaysia Plantation Berhad, Kumpulan Guthrie Sendirian Berhad dan United Plantation Berhad dan syarikat-syarikat perladangan utama yang lain. Kepentingan bumiputera, termasuk agensi-agensi amanah dari segi pemilikan modal saham dalam bank-bank tempatan dan

syarikat-syarikat kewangan keseluruhannya mencapai kira-kira hampir 70% sehingga bulan Jun, 1985. Permodalan Nasional Berhad (PNB) sebagai salah sebuah agensi amanah yang utama mewakili kepentingan bumiputera telah menguasai sebahagian besar kepentingan Malaysia Mining Corporation (MMC). MMC merupakan sebuah syarikat perlombongan terbesar dan menguasai serta memiliki kepentingan dalam 11 buah syarikat perlombongan timah yang lain yang disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Memandangkan Dasar Ekonomi Baru dirangka untuk mempercepatkan pencapaian perpaduan negara dan perpaduan negara adalah penting untuk kehidupan dan kesejahteraan negara, usaha-usaha Kerajaan akan terus dilaksanakan untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Di samping itu, Kerajaan akan berusaha memastikan penyelewengan dalam pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan tidak berlaku.

Strategi rancangan dan dasar-dasar ekonomi yang baru akan dirangka untuk meneruskan lagi usaha-usaha menghapuskan kemiskinan dan mengatasi ketidakseimbangan serta menghapuskan polarisasi kaum yang wujud dan seterusnya mencapai matlamat perpaduan negara seluruhnya. Kerajaan memberi jaminan bahawa kumpulan-kumpulan rakyat Malaysia yang lain tidak akan kehilangan hak-hak dan kepentingan mereka kerana mereka juga akan diberi perhatian yang sama tanpa sebarang diskriminasi. Usaha dan langkah-langkah Kerajaan ini adalah bertujuan memberi keseimbangan dalam pembangunan negara dan adalah diharapkan rakyat dari berbagai kaum dan keturunan di negara ini dapat memberi sokongan dan kerjasama sepenuhnya terhadap usaha-usaha Kerajaan yang murni.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai penyalahgunaan agama untuk kepentingan peribadi dan politik beberapa golongan. Yang Berhormat Senator Haji Hussein bin Ahmad berpendapat bahawa Kerajaan bersikap terlalu liberal dan ini menyebabkan timbulnya golongan agama yang berfahaman sempit dan menentang pembangunan Kerajaan yang mana boleh menimbulkan keadaan tidak tenteram dalam masyarakat. Dalam hal ini, ingin saya jelaskan timbulnya golongan yang berfahaman sempit dalam agama adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor utama ialah kerana ceteknya pengetahuan golongan ini mengenai agama Islam, oleh itu mereka mempunyai tanggapan dan fahaman bahawa agama Islam itu adalah hanya sepertimana yang mereka fahaman sahaja. Tanggapan lain termasuk dari ulama-ulama yang tidak sehaluan politik dengan mereka tidak mahu diterima, bahkan pandangan dari ulama-ulama negara Islam lain yang dari masa ke semasa memberi nasihat kepada Kerajaan juga tidak mendapat perakuan daripada kalangan ini. Bagi mengatasi masalah ini, Kerajaan telah dan akan terus mengambil tindakan yang suci bagi menyebarkan seluas-luasnya pengetahuan mengenai agama Islam yang suci secara mendalam kepada seluruh masyarakat Islam. Penyebaran ajaran Islam kepada kanak-kanak sekolah telah berjalan sejak selepas merdeka bagi seluruh sekolah rendah dan sekolah menengah. Pelajaran mengenai Tamaddun Islam telah dijadikan satu mata pelajaran wajib di pusat-pusat pengajian tinggi dan maktab-maktab perguruan mulai tahun 1983. Bagi masyarakat umum, program dakwah telah dipergiatkan oleh Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri dan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.

Satu lagi program yang baru dilancarkan ialah rancangan Tahmir

Masjid dan Surau yang mana merupakan program dakwah yang dijalankan secara bersepadu antara Bahagian Hal Ehwal Islam dengan Pihak-pihak Berkuasa Agama Islam Kerajaan Negeri. Rancangan ini mula dilaksanakan dalam bulan Julai, 1985 dan akan diperluaskan ke seluruh negara. Di bawah rancangan ini semua masjid dan surau di negara ini akan disediakan guru yang berkebolehan dan berpengetahuan yang luas dalam bidang agama Islam untuk mengajar ilmu agama kepada masyarakat awam setempat.

Ingin juga saya nyatakan, pihak Kerajaan telah menubuhkan satu Majlis Syura yang dianggotai oleh ulama-ulama mewakili beberapa golongan politik dan mewakili golongan yang lain untuk memberi cadangan kepada pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah-masalah yang telah timbul ekoran daripada pergeseran politik yang berpunca kerana tohmah-tohmah yang timbul kerana menggunakan agama.

Yang Berhormat Senator Haji Hussein bin Ahmad, Senator Tan Chang Soong, Senator Rajoo, Senator Dato G. Pasamanickam, Senator Dato Kamaruzaman bin Ahmad, Senator Ainon binti Ariffin, Senator D. P. Vijandran, Senator Chan Choong Tak dan Senator Fadzil bin Mahmood telah menyarankan wujudnya golongan pelampau agama Islam untuk tujuan-tujuan politik dan mengancam keselamatan negara. Oleh itu, Kerajaan hendakkan tindakan yang tegas bagi membendung dan mencegah gejala-gejala yang merosakkan ini supaya dengan itu kejadian seperti peristiwa Memali tidak berulang lagi.

Saya ingin menyatakan di sini untuk Ahli-ahli Yang Berhormat itu sekalian, Kerajaan sentiasa menyedari akan tanggungjawab terhadap ketenteraman negara dan keselamatan

rakyat dan oleh itu tidak akan teragak-agak untuk mengambil apa-apa sahaja tindakan yang sesuai bagi membanteras apa sahaja bentuk anasir jahat yang mengancam keselamatan negara, sama ada mereka itu terdiri daripada golongan agama, orang-orang politik atau sebagainya. Sekiranya Kerajaan tidak bersikap tegas, maka telah berlaku lebih banyak lagi kejadian-kejadian seperti peristiwa Memali dan mungkin lebih dahsyat lagi daripada itu. Langkah-langkah telah diambil oleh Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri bagi melipatgandakan kerjasama antara Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri dan Majlis-majlis Agama Islam Negeri dalam bidang dakwah Islamiah untuk menyebarkan pengetahuan dan ajaran agama Islam kepada masyarakat dan mendedahkan apa-apa penyelewengan dalam penaksiran ajaran-ajaran agama dengan tujuan untuk membendung dari merebaknya ajaran-ajaran agama yang salah dan yang menyeleweng, termasuk ajaran-ajaran dari golongan-golongan yang menggunakan agama untuk tujuan-tujuan politik.

Di samping itu, usaha-usaha sedang dibuat ke arah menonjolkan Jabatan Agama Islam Negeri sebagai Pihak Berkuasa Agama Islam yang berkewibawaan dengan tujuan untuk mengukuhkan dan memperluaskan fahaman dan kepercayaan masyarakat Islam bahawa Jabatan-jabatan Agama adalah satu-satunya sahaja Pihak Berkuasa Agama Islam di tiap-tiap Negeri yang mana ajaran serta fatwa-fatwa yang dikeluarkan adalah sah, muktamad dan mesti dipatuhi.

Yang Berhormat Senator Fadzil bin Mahmood juga menyarankan supaya Kerajaan mengawal kemasukan pendakwah-pendakwah dari luar negeri kerana selama ini pendakwah-pendakwah dari luar negeri boleh memasuki negara ini tanpa sekatan

dan mengikutnya, mereka ini telah membawa ajaran-ajaran yang boleh memesongkan akidah rakyat. Sebenarnya ajaran-ajaran sesat dan ajaran-ajaran agama yang menyeleweng yang bersebar di negara ini di beberapa tempat bukan sahaja disebar oleh orang-orang dari luar negeri, tetapi juga oleh warganegaranya sendiri, mungkin yang bertemu dengan pihak-pihak ini di luar negeri ataupun diilhamkan sendiri di dalam negeri. Kemasukan pendakwah-pendakwah dari luar negeri tidaklah dapat dikawal oleh sebab mereka ini memasuki negara ini bukan sebagai pendakwah. Walaupun demikian, Pihak-pihak Berkuasa Agama Islam, Kerajaan Negeri dan Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri setiap masa mengawasi dan membuat penyiasatan mengenai ajaran-ajaran yang dianggap salah. Mereka yang didapati bersalah akan diambil tindakan di bawah Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak oleh Pihak-pihak Berkuasa Agama Islam Kerajaan Negeri.

Yang Berhormat Senator Haji Shuaib bin Lazim juga menyarankan supaya Kerajaan melalui Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam menjalankan usaha-usaha bagi meningkatkan kemampuan Imam-imam dan Guru-guru Agama dalam menyampaikan ajaran agama supaya mereka dapat memberi kekuatan akidah kepada masyarakat Islam sebagai benteng bagi ajaran-ajaran salah dan ajaran-ajaran yang menyeleweng.

Sesungguhnya, mengadakan latihan bagi imam-imam dan pendakwah-pendakwah adalah salah satu usaha yang sedang dijalankan oleh Kerajaan sebagai satu langkah untuk membanteras ajaran salah dan yang menyeleweng. Latihan ini dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia

dalam bentuk kursus-kursus dan seminar-seminar.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai polarisasi kaum dan ada di antaranya telah mengutarakan beberapa syor bagi mengatasi masalah polarisasi kaum ini di negara kita. Berhubungan dengan masalah kecurigaan masyarakat Cina terhadap dasar-dasar Kerajaan dan pelaksanaannya seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ng Ah Poi, suka saya menegaskan bahawa dasar-dasar Kerajaan adalah digubal dan dilaksanakan dengan mengambil kira kepentingan semua kaum supaya hasrat untuk mewujudkan negara yang adil, makmur dan bersatu padu akan tercapai. Kerajaan juga sentiasa memastikan pelaksanaan sesuatu dasar Kerajaan tidak menyeleweng daripada matlamat yang ditetapkan. Oleh itu, kecurigaan tidak harus wujud di kalangan mana-mana pihak.

Mengenai pembahagian rakyat negara ini kepada golongan bumiputera dan bukan bumiputera seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tan Chang Soong, suka saya menjelaskan bahawa pembahagian tersebut digunakan hanya dalam konteks melaksanakan usaha penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru. Adalah diakui bahawa kemiskinan wujud di kalangan semua kaum. Tetapi pada amya, tidak dapat dinafikan bahawa taraf sosio-ekonomi golongan bumiputera adalah jauh ketinggalan berbanding dengan golongan bukan Bumiputera. Keadaan ini tidak menggalakkan kepada perpaduan dan dengan itu penyusunan semula masyarakat adalah bertujuan membantu golongan bumiputera. Pada hakikatnya, golongan bukan Bumiputera juga telah mendapat faedah daripada proses penyusunan semula masyarakat.

Yang Berhormat Senator M. G. Pandithan telah membangkitkan mengenai adanya kakitangan Kerajaan, termasuk pegawai-pegawai tingginya, berlagak sebagai tuan-tuan dan untuk berkhidmat kepada orang ramai. Beliau mencadangkan supaya Kerajaan memperkenalkan peti pengaduan di semua Jabatan Kerajaan supaya orang ramai boleh membuat aduan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan itu, saya suka meminta kerjasama Yang Berhormat Senator supaya dapat melaporkan kepada saya ataupun kepada mana-mana pihak nama-nama pegawai Kerajaan yang didapati tidak menjalankan tugas dan tidak memberi layanan yang sewajarnya kepada orang ramai, daripada Yang Berhormat itu membuat kata-kata seperti yang tadi kerana ini tidak akan membina dan oleh kerana ianya dibuat secara umum sahaja maka tidaklah dapat pihak-pihak tertentu, khususnya pihak saya mengambil tindakan yang tertentu untuk menyelesaikan masalah, dan anggapan secara umum ini sebenarnya tidak boleh membina untuk kita memperbaiki perkhidmatan pegawai-pegawai kita. Saya boleh berjanji bahawa Jabatan Perdana Menteri akan menyiasat dan seterusnya mengambil tindakan tatatertib, jika perlu, terhadap kakitangan berkenaan jika sabit kesalahan yang mereka lakukan itu dapat dibuktikan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator supaya Kerajaan memperkenalkan peti pengaduan di semua Jabatan Kerajaan bagi membolehkan orang ramai membuat aduan, sebenarnya amalan ini telah pun berjalan, terutamanya di jabatan-jabatan yang mempunyai hubungan yang terus dengan orang ramai.

Ahli Yang Berhormat berkenaan juga telah membangkitkan mengenai adanya Jabatan-jabatan Kerajaan

yang tidak mengemukakan akuan penerimaan surat-surat yang dihantar oleh orang ramai. Saya sedar bahawa ada surat-surat yang dihantar ke pejabat-pejabat Kerajaan telah tidak diakui penerimaannya, ini adalah kerana peraturan yang ada sekarang ini tidak memerlukan pejabat-pejabat berbuat demikian bagi semua surat yang diterima oleh kerana jumlahnya terlalu banyak. Walau bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawab pejabat-pejabat Kerajaan untuk memberikan perhatian segera kepada semua surat-surat yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat Senator Fadzil bin Mahmood, Yang Berhormat Senator Aion Ariffin dan Senator Hassan Nam telah menyentuh mengenai tuntutan gaji oleh CUEPACS dan Majlis Bersama Kebangsaan dan menyokong pendirian Kerajaan dalam masalah ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah menyokong pendirian Kerajaan seperti yang telah diumumkan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak CUEPACS telah pun mengemukakan notis kepada Kerajaan mengisytiharkan wujudnya pertikaian antara pihaknya dengan Kerajaan dan mendesak supaya pihak Kerajaan mengambil langkah-langkah segera untuk menyelesaikan tuntutan-tuntutan gaji mereka.

Saya ingin mengambil kesempatan di hari ini untuk menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa tindakan terakhir oleh pihak CUEPACS ini tidak akan mengubah pendirian Kerajaan iaitu Kerajaan tidak mampu untuk menimbang dan melaksanakan tuntutan pelarasan gaji para pekerja sektor awam pada masa

ini disebabkan oleh kedudukan ekonomi dan kewangan negara sekarang. Pada masa ini, terdapat seramai 896,016 orang pekerja-pekerja dalam perkhidmatan awam. Jumlah emolumen yang ditanggung oleh Kerajaan ialah sebanyak \$7,652 juta setahun. Selain daripada tanggungan pencen sebanyak \$808 juta setahun. Ini bermakna bahawa jumlah tanggungan Kerajaan bagi emolumen dan pencen sahaja ialah sebanyak \$8,460 juta, iaitu merupakan 38.6% daripada jumlah Belanja Mengurus ataupun kira-kira 11% daripada jumlah Keluaran Negara Kasar. Sekiranya tuntutan pelarasan gaji oleh pihak CUEPACS dipersetujui sepenuhnya oleh Kerajaan, ini bermakna bahawa Kerajaan perlu menanggung perbelanjaan tambahan sebanyak \$3,019.2 juta lagi setahun. Ini bermakna bahawa jumlah perbelanjaan Kerajaan bagi emolumen dan pencen sektor awam sahaja akan meningkat menjadi \$11,479.2 juta setahun, iaitu 46.1% daripada Belanja Mengurus atau 14.94% daripada KNK.

Dalam keadaan di mana ekonomi negara tumbuh pada kadar kira-kira 3% sahaja sekarang, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan sama sekali tidak mampu untuk melaksanakan tuntutan gaji kakitangan awam buat masa ini. Kerajaan juga tidak dapat menetapkan bila pelarasan gaji dapat dilaksanakan. Oleh kerana ini amatlah bergantung kepada keadaan pemulihan sebenarnya ekonomi negara. Walau bagaimanapun, dari semasa ke semasa Kerajaan akan menjelaskan akan keadaan ekonomi sebenarnya kepada pihak CUEPACS dan Kesatuan-kesatuan Sekerja yang lain melalui mesyuarat Jawatankuasa Bersama yang telah ditubuhkan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun termaklum, Jawatankuasa Bersama itu sebenarnya

merupakan satu jentera yang diwujudkan atas persetujuan bersama antara Kerajaan dan pihak Pekerja. Salah satu daripada yang dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Bersama itu ialah mengenai kedudukan ekonomi yang mana butir-butir mengenai kedudukan kewangan Kerajaan dijelaskan kepada pihak pekerja. Pertimbangan sama ada tuntutan pelarasan gaji ini boleh dibuat adalah berpandu kepada keadaan semasa ekonomi dan kewangan negara sebagaimana saya jelaskan tadi. Segala tindakan yang diambil oleh pihak pekerja seharusnya selaras dengan pertimbangan terhadap kemampuan Kerajaan. Sekiranya ia lari daripada landasan ini dan tanpa menepati hakikat ini, maka ini akan mengakibatkan kerugian bukan sahaja kepada pihak Kerajaan bahkan juga kepada pihak pekerja sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menegaskan di sini bahawa dari segi jangka panjang, Kerajaan sedang mengkaji semula kedudukan bilangan kakitangan awam untuk mengecilkkan saiz perkhidmatan awam, di samping meningkatkan produktiviti. Antara langkah-langkah yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan dengan giatnya ialah penswastan agensi-agensi Kerajaan yang terpilih dan juga projek-projek yang tertentu. Ini bermakna bahawa apabila saiz perkhidmatan awam dapat dkecilkan, maka tentulah Kerajaan mempunyai kemampuan yang lebih untuk memberi pertimbangan kepada tuntutan pelarasan gaji. Para pekerja sektor awam sepatutnya bersyukur bahawa dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang yang mengakibatkan pengangguran dan pembuangan kerja yang besar di kalangan pekerja sektor swasta, Kerajaan telah memberi jaminan bahawa tidak seorang pun pekerja sektor awam akan kehilangan mata pencarian dengan dibuang kerja.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian termaklum sendiri, dalam tahun lalu seramai 43,844 orang pekerja daripada 550 syarikat/kilang dalam sektor swasta telah kehilangan mata pencarian mereka. Dengan menyedari hakikat ini, saya rasa wajar sangatlah para pekerja sektor awam baiknya merenung akan kedudukan mereka yang boleh dikatakan jauh lebih baik daripada apa yang dialami oleh para pekerja di sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai politik di Negeri Sabah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Ainon Ariffin dan Yang Berhormat Senator R. M. Jasni, kedudukan isu yang berkaitan pada masa ini adalah seperti yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Perdana Menteri di sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi Barisan Nasional pada petang Rabu (semalam) 9hb April, 1986.

Seperti termaklum, Kerajaan Barisan Nasional telah berusaha sedaya upaya untuk mengatasi masalah politik di Negeri Sabah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah mengambil daya utama untuk pergi ke Sabah dan berbincang dengan semua pihak yang berkenaan serta melihat sendiri akan keadaan sebenarnya yang berlaku di sana. Hasil perbincangan tersebut telah melahirkan apa yang dinamakan "Formula Sabah". Tetapi malangnya "Formula Sabah" yang dipersetujui pada awalnya itu telah tidak dimeteraikan. Sebaliknya beberapa cadangan balik ataupun "counter proposals" telah diutarakan oleh pihak PBS yang mana seperti termaklum tidak dapat diterima oleh pihak Barisan Nasional.

Kini seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, pilihanraya di Sabah akan diadakan pada 5hb dan 6hb Mei, 1986

ini. Dengan itu terpulanglah kepada pengundi-pengundi di Negeri Sabah untuk menentukan pembentukan Kerajaan yang akan datang mengikut pilihan sendiri. Kerajaan Persekutuan akan mengambil tindakan supaya semua urusan pilihanraya ini dapat berjalan dengan baik dan teratur dan menentukan keadaan keselamatan terus terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan serta syor-syor menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri. Saya memohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat saya sebut atau mengenai perkara-perkara yang tidak saya sentuh dalam jawapan saya tadi. Sebagaimana termaklum, segala teguran dan pandangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat adalah dalam perhatian Jabatan Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk memberi jawapan.

4.35 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan syor-syor membina terhadap perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin, dalam ucapannya telah

membangkitkan soal jenayah dan telah menggesa pihak Polis bertindak tegas ke atas penjenayah-penjenayah supaya kegiatan merompak, peras ugut, samun, colek dan sebagainya dapat dibanteras. Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa pihak Polis memangnya sentiasa bertindak tegas ke atas penjenayah-penjenayah dan pihak Polis juga telah mengambil beberapa langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mencegah dan membanteras kejadian jenayah di negara ini. Di antara langkah-langkah jangka pendek ialah:

- (i) menambah bilangan anggota Polis di tempat-tempat yang tertentu;
- (ii) mengetatkan kawalan di sempadan dan perairan bagi mencegah penyeludupan masuk senjata; dan
- (iii) melancarkan operasi-operasi dari masa ke semasa di tempat-tempat yang tertentu.

Sebagai langkah jangka panjang pula pihak Polis mengadakan dialog dengan syarikat-syarikat swasta terutama institusi-intituti kewangan bagi mewujudkan kesedaran tentang menjaga keselamatan harta benda dan diri mereka serta memberi nasihat pencegahan. Di samping itu kesedaran dipupuk di kalangan belia-belia bagi menjauhkan mereka dari gejala anti sosial yang boleh mendorong mereka melakukan jenayah.

Selain daripada itu, alat-alat perhubungan dan kenderaan untuk meningkatkan kawalan juga telah ditambah. Di samping itu pihak Polis juga mengambil beberapa langkah tambahan yang bertujuan untuk mencegah jenayah iaitu:

- (i) pihak Polis sentiasa mengadakan kajian dan perancangan mengenai pencegahan jenayah;

- (ii) mengadakan kerjasama yang lebih erat dengan orang awam dan juga pertubuhan-pertubuhan seperti Rukun Tetangga, RELA dan sebagainya untuk mendapatkan kerjasama dalam usaha membanteras jenayah; dan
- (iii) mengambil tindakan keras terhadap pengedar-pengedar dadah yang diketahui bahawa sama ada secara langsung atau tidak langsung adalah terlibat dalam jenayah terutamanya jenayah harta benda.

Semua langkah yang telah disebutkan tadi adalah dirancang sebegitu rupa untuk memastikan kejadian jenayah di negara ini berkurangan seberapa yang boleh kerana jenayah memang sukar dihapuskan sama sekali. Jenayah sebagai satu perbuatan manusia banyak bergantung kepada sikap seseorang itu sendiri. Kejadian jenayah yang tertentu seperti bunuh, cuba membunuh, merogol dan mencederakan manusia dengan sengaja adalah disifatkan sebagai jenayah yang tidak boleh dihapuskan. Kejadian jenayah jenis ini banyak bergantung kepada tabiat hawa nafsu, hasad dengki, perselisihan faham dan perasaan marah yang tidak dapat dikawal. Mengenai syor Ahli Yang Berhormat itu supaya teknik dan cara-cara moden seperti yang ditayangkan dalam filem di dalam Televisyen digunakan oleh Polis untuk memerangi jenayah, sukalah dinyatakan di sini bahawa pihak Polis Di Raja Malaysia adalah sentiasa menggunakan teknik dan cara yang moden dalam operasi-operasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gesaan Yang Berhormat Senator Chan Choon Tak supaya Kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang terlibat dalam kejadian

mengebom di Sabah baru-baru ini, suka dinyatakan di sini bahawa pihak Polis sedang menjalankan penyiasatan dan segala usaha dibuat untuk mengenalpasti serta memberkas mereka yang terlibat. Jika terdapat bukti-bukti yang mencukupi ke atas penglibatan mereka itu tindakan sewajarnya akan diambil mengikut peruntukan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai peristiwa di Memali. Segala pandangan serta cadangan yang telah dikemukakan adalah di dalam perhatian Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, peristiwa di Kampung Memali ini adalah angkara tindak-tanduk golongan pelampau agama yang menjalankan kegiatan mereka tanpa memperhitungkan akibatnya terhadap perpaduan rakyat, ketenteraan awam dan keselamatan negara. Golongan pelampau agama ini tidak menghiraukan amaran Kerajaan sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Kertas Putih bertajuk "Ancaman Terhadap Perpaduan Umat Islam dan Keselamatan Negara" yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 8hb November, 1984 yang lalu. Sebagai sebuah Kerajaan yang dipilih oleh rakyat, ia bertanggungjawab memelihara kesucian Islam, perpaduan rakyat, ketenteraman awam dan keselamatan negara. Dalam hal ini Kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana puak yang cuma menggunakan kekerasan, menimbulkan huru-hara atau memecah belah perpaduan umat Islam di negara ini dan tidak akan membiarkan keamanan, perpaduan, kesejahteraan rakyat dan keselamatan negara diancam.

Kerajaan sentiasa bersikap tegas serta adil dan tidak akan tunduk kepada mana-mana pihak yang mengganggu-gugat keamanan dan

mengancam keselamatan negara serta perpaduan rakyat.

Biarlah peristiwa di Kampung Memali menjadi satu pengajaran kepada kita semua dan rakyat betapa padahnya akibat kegiatan golongan pelampau yang memperalatkan agama. Rakyat hendaklah berwaspada terhadap tindak-tanduk puak-puak seperti ini agar peristiwa di Kampung Memali tidak akan berulang lagi.

Ada Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan supaya Kerajaan mengkaji semula sikap liberal yang diamalkan sekarang agar puak dan golongan serta orang tertentu tidak mengambil kesempatan untuk menghasut rakyat supaya membenci puak atau golongan atau orang-orang tertentu. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia mengamalkan sistem pemerintahan secara demokrasi yang membenarkan setiap warganegara mengeluarkan pendapat mereka selaras dengan sistem tersebut. Bagi menjaga kepentingan rakyat dan negara. Dari segi anasir-anasir yang boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat dan keselamatan negara, Kerajaan telah mengadakan undang-undang tertentu. Sekiranya tindakan pihak golongan atau orang tertentu bercanggah dengan mana-mana undang-undang dan peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa, maka Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas ke atas mereka dan tidak akan tunduk kepada mana-mana pihak yang mengganggu-gugat keamanan dan mengancam keselamatan negara serta perpaduan rakyat. Pihak rakyat jelata pula hendaklah sentiasa berwaspada dan jangan mudah terpengaruh dengan golongan yang sentiasa mencari peluang menggunakan rakyat untuk kepentingan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, taraf kewarganegaraan Malaysia seperti yang disentuh oleh Ahli Yang

Berhormat Senator M. G. Pandithan ialah anugerah tertinggi negara yang diberikan kepada seseorang yang sebelumnya adalah seorang penduduk tetap sahaja. Taraf ini hanya dianugerahkan kepada pemohon-pemohon setelah Kerajaan berpuas hati bahawa mereka benar-benar memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah perkara-perkara tertentu dalam Perlembagaan Malaysia.

Kelulusan dalam Ujian Bahasa Malaysia bukanlah merupakan syarat mutlak bagi seseorang itu mendapatkan taraf kewarganegaraan. Sebaliknya, ianya menjadi salah satu daripada beberapa syarat yang termaktub dalam perlembagaan. Seseorang pemohon taraf kewarganegaraan Malaysia juga dikehendaki mencukupi tempoh pemastautinan di Malaysia seperti yang disyaratkan dalam Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, peng-anugerahan taraf kewarganegaraan Malaysia merupakan satu hak Kerajaan yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia. Bagi pemohon pula penganugerahan ini merupakan satu keistimewaan yang tidak ternilai mutu atau harganya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan teguran, pandangan dan syor-syor yang menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri.

Di mana saya tidak dapat menjawab ataupun menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memohon maaf. Walau bagaimanapun, segala perkara yang ditimbulkan itu akan diberi perhatian yang sewajarnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah saya bertanya. Adakah Yang Berhormat hendak menjawab bagi Kementerian yang lain? Kalau ada, bolehkah diteruskan.

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Noor: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri Kerjaraya untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

4.44 ptg.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat pandangan dan komen mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya semasa membahaskan Titah Ucapan Di Raja di Dewan yang mulia ini pada 10hb April, 1986.

Adalah saya sekarang dengan hormat dan sukacitanya menjawab ke atas pandangan dan komen-komen yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu satu persatu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Senator Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar telah membuat teguran mengenai gangguan bekalan air yang sering berlaku, khususnya di waktu pagi apabila orang ramai hendak menggunakan air. Dalam keadaan demikian terdapat pihak Jabatan Bekalan Air mengambil masa yang lama untuk membetul atau membaiki paip-paip yang rosak atau bocor. Untuk mengatasi masalah ini, Ahli Yang Berhormat itu telah mencadangkan supaya satu pusat 24 jam diadakan untuk melayani semua aduan tentang bekalan air.

Beliau juga seterusnya membangkitkan mengenai gangguan

bekalan air yang sedia ada apabila paip baru dipasang di kawasan-kawasan baru terutama di kem-kem tentera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat gangguan ke atas bekalan air yang disentuh itu sememangnya berlaku dan apabila berlaku sememangnya telah memberi kesulitan kepada pengguna-pengguna, sementara menunggu bekalan air itu disambung semula.

Di antara sebab-sebab mengapa gangguan tersebut berlaku adalah kerosakan pam yang mana jika berlaku kerosakan akan menjejaskan kuantiti air yang disalurkan ke kolam-kolam air (reservoir) di kawasan-kawasan yang tertinggi. Kebocoran paip retikulasi yang membekalkan air ke rumah-rumah yang mana paip tersebut bocor ataupun pecah adalah kerana paip-paip itu lama atau pecah akibat dari kerja-kerja pembinaan dan juga akibat dari hujan lebat yang mengganggu keadaan tanah yang boleh juga menyebabkan paip-paip tersebut pecah.

Saya telah difahamkan bahawa pekerja-pekerja Jabatan Bekalan Air di negeri-negeri lazimnya mengambil sekurang-kurangnya satu hari untuk membetulkan gangguan air yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Kelewatan membetulkan paip-paip yang pecah mungkin akan mengambil masa lebih daripada satu hari jika terdapat kebocoran dan kerosakan paip itu di beberapa kawasan dengan serentak yang mana jarak di antara satu dengan lain adalah agak jauh.

Jika keadaan begitu berlaku, maka pekerja-pekerja yang sedia ada akan mengambil masa untuk membaiki keadaan di semua kawasan-kawasan yang terlibat itu. Dalam keadaan yang tersebut, saya menyeru kepada Ahli Yang Berhormat dan juga pengguna-pengguna yang mengalami gangguan itu supaya bersabar dan memahami

kesulitan yang dihadapi oleh pekerja-pekerja Jabatan Bekalan Air untuk menyambung semula mana-mana gangguan air di kawasan-kawasan yang tertentu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, di kawasan saya sendiri di Sungai Siput lebih kurang dua minggu tidak ada air. Walaupun kawasan itu dipunyai oleh Ahli Yang Berhormat Menteri Kerjaraya, rakyat jelata di kawasan itu telah bersabar dan sanggup menunggu sehingga satu masa mereka dapat menyambung balik air ke kawasan situ. Saya harap di kawasan-kawasan lain pun Ahli-ahli Yang Berhormat pun boleh mengambil perhatian.

Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat itu, satu pusat 24 jam diadakan bagi melayani semua aduan-aduan bekalan air, saya anggap adalah satu cadangan yang baik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah sedemikian itu telah pun diambil tindakan oleh Kementerian saya baru-baru ini dengan menulis surat kepada semua Jabatan Bekalan Air di negeri-negeri yang belum ada pusat sedemikian.

Saya juga telah difahamkan bahawa cadangan tersebut telah disambut baik oleh beberapa negeri dan Kementerian saya sekarang sedang mengesan perkembangan di atas cadangan ini. Sama-samalah kita menunggu perkembangannya dalam sedikit masa lagi. Mengenai gangguan air di kawasan perumahan apabila paip baru dipasang, khususnya di kem-kem, sukalah saya menyatakan bahawa gangguan tersebut adalah kerana apabila paip-paip baru itu dipasang, pembekalan air itu adalah diambil melalui penyambungan daripada paip-paip yang sedia ada. Ini akan menyebabkan pengurangan air kepada paip yang lama yang membekalkan air ke kawasan perumahan yang sedia ada.

Masalah ini adalah satu masalah yang sering dihadapi oleh Kementerian ini, oleh kerana rancangan-rancangan perumahan yang sedang didirikan dengan pesat, maka pembekalan air untuk kawasan itu telah diambil daripada paip retikulasi yang sedia ada. Sukalah saya menyatakan bahawa keadaan tersebut adalah satu perkara yang sementara sahaja sambil menunggu rancangan membaiki sistem bekalan air di seluruh kawasan tersebut dilaksanakan. Pada lazimnya, Tuan Yang di-Pertua, ini akan mengambil jangka masa satu atau dua tahun mengikut peruntukan yang disediakan kepada kawasan tersebut daripada negeri-negeri yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat Senator R. M. Jasni dalam ucapannya semasa membahaskan Titah Ucapan Di Raja telah meminta Kerajaan supaya membaiki jalan-jalan raya di negeri Sabah, khususnya jalan-jalan utama yang menghubungkan pekan-pekan dengan kawasan pedalaman Sabah. Beliau juga mengatakan bahawa mutu pembinaan jalan di Sabah tidak setaraf dengan yang dapat di Semenanjung Malaysia. Sukalah saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa semenjak negeri Sabah memasuki Malaysia, banyak jalan-jalan raya yang telah dibina dan dinaikkan tarafnya jika dibandingkan dengan jalan-jalan yang terdapat semasa penjajahan British. Buat masa sekarang jalan-jalan yang telah dibina adalah jalan-jalan yang telah dapat menghubungkan pekan-pekan di Pantai Barat Sabah dan pekan-pekan di Pantai Timur, termasuk juga dari timur ke barat yang mana tidak dapat dihubungi sebelum negeri Sabah memasuki Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, saya sendiri telah melawat beberapa kawasan di dalam negeri Sabah dan saya sendiri tahu apakah keadaan jalan. Mengikut

sejarah apa yang kita tahu, jalan yang sedia ada sekarang ialah lebih baik daripada jalan-jalan yang ada dalam masa British. Jalan-jalan tersebut akan terus diperbaiki dan peruntukan untuk membaiki jalan-jalanraya itu disediakan.

Bagi tahun 1986 peruntukan sebanyak \$146.6 juta telah pun diluluskan untuk membina, membaiki dan menaikkan taraf beberapa jalan-jalanraya bagi negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bagi jalanraya Sandakan ke Telupid dan Sandakan ke Lahad Datu yang mana tiap-tiap kos pembinaannya berjumlah \$122 juta dan \$95 juta peruntukan masing-masing untuk tahun ini adalah \$25 juta. Selain daripada itu peruntukan bagi beberapa jalanraya lain bagi tahun ini ialah jalan dari Tambunan ke Apin-apin \$7 juta dan jalan dari Keningau ke Tanom \$44.5 juta. Jalanraya Lahad Datu ke Bekapit ialah \$5 juta dan dari Tawau ke Meratai \$6 juta dan jalan dari Sapi ke Nangok \$3 juta. Peruntukan-peruntukan yang terbesar di atas adalah sebahagian dibekal melalui pinjaman Bank Dunia, boleh dikatakan satu peruntukan yang terbesar dalam sejarah negeri Sabah.

Saya harap rakyat jelata di negeri Sabah akan mengambil perhatian apakah tujuan Kerajaan Persekutuan dan juga tujuan Kerajaan Barisan Nasional untuk memberi satu peruntukan yang terbesar itu untuk membaiki keadaan jalan mereka di negeri Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga di dalam Rancangan Malaysia Kelima, peruntukan sebanyak 4.8 juta telah pun dipohon, yang mana akan dipertimbangkan oleh Dewan Negara ini. Peruntukan tersebut adalah bagi membina jalan-jalan baru dan menaikkan taraf jalan-jalan yang sedia ada seluruh negeri Sabah.

Saya yakin dengan adanya peruntukan yang begitu besar bagi negeri Sabah, maka jalan-jalan tersebut akan dapat menjadi setaraf dengan jalanraya yang terdapat di Semenanjung Malaysia atau kita boleh katakan lebih baik daripada apa yang kita sedia ada di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah yang dapat saya jawab ke atas pandangan daripada kedua-dua orang Ahli Yang Berhormat. Tidak ramai Ahli-ahli yang sentuh atau berucap dalam Kementerian saya, ini berertinya mereka berpuas hati dengan Kementerian saya.

Kepada pandangan dan komen yang tidak sempat saya jawab, saya mengambil perhatian ke atasnya dan yang mana didapati perlu tindakan sewajarnya akan diambil. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

4.54 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ng Ah Poi, Yang Berhormat Tuan Haji Husein Ahmad, Yang Berhormat Senator Tuan Fadzil Mahmood dan Yang Berhormat Senator Puan Rokiah Zainuddin kerana telah menyarankan berbagai perkara yang menyentuh berkenaan Kementerian saya semasa membahaskan Titah Ucapan Di Raja di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Husein Ahmad tatkala menyentuh mengenai perkembangan industri kecil menyarankan agar Kementerian

mengkaji semula prosedur-prosedur permohonan untuk mendapatkan kelulusan penubuhan industri tersebut. Ini ialah kerana prosedur-prosedur untuk mendapatkan kelulusan penubuhannya, kadangkala lebih susah daripada mendapatkan kelulusan untuk industri berat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat perniagaan kecil dan perusahaan kecil tidak memerlukan apa-apa lesen mengilang atau permit khusus daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Walau bagaimanapun, usahawan-usahawan adalah tertakluk kepada peraturan biasa sebelum memulakan perniagaan iaitu:

- (i) membuat pendaftaran organisasi sama ada melalui Pendaftaran Perniagaan ataupun Pendaftaran Syarikat; dan
- (ii) sekiranya pengusaha berminat untuk membuat perniagaan barangan kawalan, ianya hendaklah membuat permohonan bagi mendapatkan kebenaran di bawah Akta Kawalan Bekalan.

Kedua-dua peraturan di atas adalah bukan semata-mata dikhaskan kepada usahawan kecil tetapi merangkumi kesemua bentuk perniagaan.

Sungguhpun tidak memerlukan apa-apa lesen khusus di bawah Kementerian ini, perniagaan dan perusahaan kecil mestilah mendapatkan kebenaran daripada pihak Pengusaha Tempatan di bawah Akta Kerajaan Tempatan terlebih dahulu sebelum memulakan sebarang kegiatan perniagaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, lesen pengilang yang dikeluarkan oleh Kementerian ini di bawah Akta

Penyelarasan Perindustrian adalah bagi syarikat ataupun pengilang yang mempunyai modal berbayar pemegang sahamnya \$1 juta ke atas dan pekerja tidak kurang daripada 50 orang. Bagi syarikat yang tidak memenuhi syarat ini, ianya adalah dikecualikan daripada Akta tersebut.

Oleh itu persoalan dari segi perjalanan untuk mendapatkan permit, lesen dan kelulusannya serta syarat-syarat yang diperlukan adalah tidak timbul kerana tidak ada apa-apa syarat yang dikenakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian kepada peniaga dan pengusaha kecil kecuali masalah-masalah tersebut adalah berhubung kait dengan bidangkuasa Kerajaan Negeri ataupun Penguasa Tempatan.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Ng Ah Poi, agar industri-industri ringan perlu diwujudkan di pinggir-pinggir kampung-kampung baru, agar dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk desa yang mana dengan cara ini, mereka tidak akan diketepikan dari arus pembangunan negara, ingin saya maklumkan bahawa cadangan Yang Berhormat itu telah pun dilaksanakan bersesuaian dengan usaha Kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan yang kurang maju. Walau bagaimanapun, tidaklah semua jenis industri kecil boleh ditempatkan di kawasan luar bandar. Sebahagian daripada projek industri kecil patut juga dibangunkan di kawasan bandar untuk menampung keperluan sosio-ekonomi penduduk-penduduk bandar di samping memenuhi keperluan asas industri-industri itu sendiri. Selain dari itu, Kerajaan adalah sememangnya sentiasa cuba menyediakan kilang-kilang khas untuk pengusaha-pengusaha kecil dari semasa ke semasa bagi menempatkan dan memudahkan mereka menjalankan perusahaan mereka itu. Dengan secara tidak

langsung juga peluang-peluang pekerjaan di mana penempatan kilang-kilang khas ini dibuat, peluang-peluang pekerjaan akan juga wujud.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Husein Ahmad mengenai industri pelancongan, supaya Kerajaan bersikap tegas untuk menghilangkan keraguan dan kesangsian para perwakilan dan pelancong-pelancong terhadap kestabilan politik dan ekonomi negara adalah dialu-alukan. Walau bagaimanapun, dari segi penggalakan pelancongan, Kerajaan telah pun mengambil tindakan yang memuaskan. Kempen penggalakkan pelancongan bagi menarik para pelancong ke Malaysia diteruskan dengan hebatnya. Umpamanya, Kerajaan telah berjaya menarik bilangan peserta yang terbesar sekali dalam sejarah PATA ke persidangan yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur sekarang ini. Ini adalah hasil kempen yang sungguh berkesan. Selain daripada itu, Kerajaan melalui agensinya iaitu Perbadanan Kemajuan Pelancongan sedang pun menjalankan kempen yang agresif di pasaran-pasaran yang tertentu di luar negeri.

Selepas Persidangan PATA Kerajaan akan melancarkan beberapa lagi kempen penggalakan dan promosi di Amerika Syarikat, Jepun dan Australia. Persiapan juga akan dibuat tidak berapa lama lagi sebagai persediaan supaya Malaysia menjadi tuan rumah sekali lagi kepada satu lagi persidangan yang paling istimewa di rantau ini iaitu ASEAN Tourism Forum. Kerajaan juga merancang melalui TDC supaya segala langkah-langkah yang telah dijalankan untuk mengindahkan negara kita sempena Persidangan PATA akan diteruskan, dan tiap-tiap tahun kita akan mengadakan satu minggu Pesta Pelancongan Kebangsaan di mana berbagai acara yang menarik akan diadakan.

Mengenai saranan Yang Berhormat supaya Kerajaan mengkaji semula Dasar Pelaburan yang liberal dan mengadakan kawalan untuk menghadkan pelabur-pelabur tempatan dari melabur ke luar negeri di samping menggalakkan pelabur-pelabur asing melabur ke negara kita, suka saya maklumkan bahawa Kerajaan telah mengambil beberapa langkah. Untuk menarik pelaburan asing, galakan-galakan pelaburan dan kemudahan-kemudahan infrastruktur diadakan dan beberapa misi penggalakan pelaburan juga dianjurkan ke negara-negara maju untuk menarik pelabur-pelabur mereka melabur di sektor-sektor industri yang digalakkan, seperti industri-industri yang berasaskan sumber dan berorientasikan eksport. Di samping itu, kemudahan-kemudahan lain yang diadakan termasuklah peraturan kawalan asing yang liberal, garis panduan-garis panduan ekuiti yang menarik, kadar-kadar utiliti yang rendah dan lain-lain lagi. Walaupun segala-gala ini disediakan oleh Kerajaan untuk menarik pelabur asing melabur di Malaysia, tidak disediakan pula apa-apa galakan untuk pelabur-pelabur kita melabur di negara lain. Jika pelabur kita melabur juga, ini sudah tentu bukan sahaja menguntungkan pelabur itu, bahkan negara itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood supaya satu peraturan yang tegas haruslah dilaksanakan untuk memastikan pelabur-pelabur asing tidak menutup kilang-kilang mereka dengan sewenang-wenangnya dalam keadaan kemelesetan ekonomi, untuk mengelakkan dari berlakunya pengangguran di kalangan pekerja-pekerja, suka saya memaklumkan bahawa Kerajaan memang sentiasa mengawasi kilang-kilang yang menghadapi masalah yang mungkin

boleh menyebabkan ianya ditutup. Rundingan akan diadakan dengan mereka untuk menyelesaikan apa-apa masalah yang mereka hadapi dan jika perlu, bantuan yang sewajarnya akan dipertimbangkan untuk membolehkan mereka terus beroperasi. Walau bagaimanapun, jika penutupan tidak dapat dielakkan, maka Kerajaan akan menentukan supaya pemberhentian pekerja-pekerja akan dibuat mengikut Undang-undang Buruh yang ada dan bayaran yang sewajarnya dibuat kepada pekerja-pekerja tersebut.

Kerajaan juga akan mendapat persetujuan daripada kilang-kilang yang berkenaan supaya jika mereka memulakan semula operasi maka pekerja-pekerja yang telah diberhentikan itu mestilah diberi keutamaan untuk bekerja semula dengan syarikat-syarikat tersebut. Kerajaan berpendapat bahawa keadaan kemelesetan sekarang adalah satu masalah yang tidak dapat dielakkan oleh kerana ianya di luar kebolehan syarikat-syarikat dan Kerajaan untuk mengatasinya oleh kerana ianya mengakibatkan seluruh dunia. Kerajaan hanya boleh membantu untuk meringankan akibat kemelesetan tersebut di antara pihak swasta dan juga kepada pekerja-pekerja melalui perundingan dengan kedua-dua pihak. Kerajaan juga akan memberi latihan kepada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan seberapa yang boleh supaya mereka dapat menjalankan pekerjaan yang lain.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Rokiah Zainuddin supaya Kerajaan lebih berhati-hati dalam memberikan taraf perintis kepada syarikat-syarikat asing yang melabur di Malaysia, Kerajaan telah pun mengadakan garis panduan yang tertentu sebelum memberitahu apa-apa galakan seperti Taraf Perintis kepada syarikat-syarikat asing. Garis panduan ini adalah untuk

menentukan supaya hanya syarikat-syarikat tertentu sahaja yang projek mereka memenuhi kehendak-kehendak dasar ekonomi negara akan diberikan kelulusan Taraf Perintis. Perkara-perkara seperti jenis keluaran, jumlah pelaburan, bilangan pekerja, tingkat eksport dan tahap teknologi adalah di antara faktor-faktor yang diambilkira di dalam menimbangkan sama ada untuk memberikan Taraf Perintis kepada sesuatu syarikat itu ataupun tidak. Selain daripada itu struktur ekuiti juga akan diambil kira di dalam memberi kelulusan Taraf Perintis kepada sesuatu syarikat itu.

Kerajaan juga telah mengenakan beberapa syarat tertentu kepada tiap-tiap kelulusan Taraf Perintis yang telah diberikan. Syarat-syarat ini adalah untuk menentukan supaya syarikat berkenaan mematuhi segala peraturan dan dasar-dasar Kerajaan yang telah ditetapkan. Kerajaan adalah berpuas hati bahawa setakat ini peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang telah dikenakan adalah cukup untuk melindungi pekerja-pekerja dan juga kepentingan pelabur-pelabur tempatan di dalam syarikat-syarikat asing yang telah pun diberikan Taraf Perintis.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan-jawapan yang sempat saya sampaikan pada petang ini kepada beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan yang ada hubungannya dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Bagi syor-syor yang tidak dapat disebutkan di dalam jawapan ini, Kementerian saya telah pun mengambil makluman mengenainya. Sekali lagi saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Menteri Perusahaan Utama untuk memberi jawabannya. Tidak hadir. Sekarang

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar atau wakilnya. Dipersilakan.

5.05 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan atas Titah Ucapan Di Raja yang telah menyentuh bidang kuasa beberapa Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sejak beberapa hari yang lalu. Kepada saranan dan teguran serta cadangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan akan diambil perhatian serta tindakan yang bersesuaian oleh Jabatan dan juga Agensi berkenaan serta juga Kementerian ini.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Rogayah binti Che Mat telah membangkitkan dua perkara di mana Ahli Yang Berhormat berkenaan telah mencadangkan supaya diperluaskan lagi skop kawalan ke atas penuntut-penuntut luar negeri supaya tidak terdedah serta terlibat dengan anasir-anasir luar dan biasiswa kepada penuntut-penuntut yang berkahwin di luar negeri tidak ditarik balik oleh MARA.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan pertama oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan, inginlah saya nyatakan di sini pihak Kerajaan memang sentiasa mengambil perhatian bagi memastikan kesempurnaan pelajar-pelajar di luar negeri dengan mewujudkan Jabatan Penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri atau MSD. Di samping itu bagi memastikan urusan-urusan pelajar benar-benar sempurna dan tidak terkeluar dari dasar-dasar yang telah

dirancang oleh Kementerian saya, seperti program Sekolah Sebagai Insituti Masyarakat dan Kurikulum Baru Sekolah Rendah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai soal kegiatan menyeleweng yang dilakukan oleh setengah-setengah Taman Asuhan Pendidikan Kanak-kanak Islam, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Fadzil Mahmood, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan sedang memberi perhatian kepada perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajjah Rogayah binti Che Mat telah mencadangkan supaya pelajar-pelajar kita di luar negeri yang menentang Kerajaan diberi bimbingan. Dalam soal ini, saya suka menjelaskan, bahawa Kementerian saya memang telah mengambil beberapa langkah untuk membimbing pelajar-pelajar ini dan memastikan mereka mengetahui perkembangan-perkembangan yang baru dan yang benar mengenai tanahair. Langkah-langkah ini termasuklah:

- (i) mengadakan kursus orientasi dan reorientasi bagi semua pelajar;
- (ii) membekalkan berita dan maklumat dalam negeri kepada pelajar-pelajar;
- (iii) mengadakan pemimpin-pemimpin tanahair untuk berjumpa dan berdialog dengan pelajar-pelajar;
- (iv) menubuhkan Jawatankuasa Hal Ehwal Pelajar Luar Negeri di peringkat kebangsaan; dan
- (v) memperkemas dan memperkukuhkan jentera pentadbiran Jabatan Penuntut Malaysia untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, soal perpaduan dan soal polarisasi kaum di kalangan pelajar-pelajar telah disentuh oleh Yang Berhormat Senator Tiong Hiew King, Yang Berhormat Senator D. Rajoo, Yang Berhormat Senator Dato G. Pasamanickam dan Yang Berhormat Senator Chan Choong Tak. Soal polarisasi kaum adalah satu fenomena yang wujud di mana-mana masyarakat khususnya dalam masyarakat yang berbilang kaum. Masalah ini tidak dapat diselesaikan dengan serta-merta tetapi memakan masa. Dasar Pelajaran Kebangsaan kita merupakan satu strategi bagi kita hendak mengatasi masalah ini. Dengan mengadakan sistem persekolahan yang sama, satu bahasa yang dipelajari oleh semua iaitu Bahasa Kebangsaan dan dengan mengadakan kurikulum dan peperiksaan yang kandungannya sama bagi semua pelajar, Dasar Pelajaran kita memupuk persefahaman dan perpaduan di kalangan pelajar-pelajar.

Selain daripada itu, Kementerian Pelajaran telah juga mengadakan beberapa program melalui pengajaran dan pembelajaran dalam matapelajaran kewarganegaraan, pendidikan moral dan tamaddun Islam yang memberi juga penekanan kepada nilai-nilai persefahaman, toleransi dan perpaduan. Di samping itu aktiviti-aktiviti kokurikulum seperti kegiatan-kegiatan pasukan beruniform, sukan, permainan, kalab dan persatuan juga dijalankan dengan lebih giat lagi dan ini memberi peluang kepada penuntut-penuntut dari semua kaum untuk berinteraksi antara satu sama lain bagi memupuk perasaan saling mengerti serta persahabatan.

Baru-baru ini Kementerian Pelajaran juga telah memperkenalkan rancangan integrasi murid-murid untuk perpaduan di mana murid-murid berbagai kaum dapat bergaul, berinteraksi dan memupuk semangat

persefahaman, kerjasama dan bersatupadu. Saya ingin menyatakan di sini bahawa soal mengatasi polarisasi kaum tidak semata-mata merupakan tanggungjawab sekolah atau institusi pengajian tinggi sahaja, tetapi merupakan juga tanggungjawab semua pihak di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja ulasan saya mengenai perkara-perkara pelajaran yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja di Dewan yang mulia ini. Saya ingin menyatakan bahawa perkara-perkara lain yang tidak sempat saya sentuh dalam ucapan saya tadi akan juga diberi perhatian oleh Kementerian Pelajaran.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk memberi jawapan. Dipersilakan, Yang Berhormat.

5.20 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi jawapan kepada beberapa teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan di atas Usul ini.

Yang Berhormat Senator Dato' G. Pasamanickam telah mencadangkan supaya hospital awam dipajak kepada sektor swasta dan membenarkan doktor swasta berkhidmat di hospital awam menurut jadual yang tertentu. Bagi menjawab teguran ini, saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian tidak ada cadangan untuk memajak sebahagian atau keseluruhan hospital awam di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima ini kepada pihak swasta. Walau bagaimanapun, buat masa ini pengamal-pengamal perubatan di sektor swasta telah ditawarkan untuk menggunakan

kemudahan-kemudahan di hospital di bawah jagaan Kementerian Kesihatan yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang tidak digunakan sepenuhnya dengan mengenakan bayaran yang telah pun ditetapkan. Pegawai-pegawai pakar seperti Pakar Bius telah dibenarkan berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan mengikut jadual-jadual tertentu untuk membantu mengatasi kekurangan pakar-pakar dalam bidang-bidang yang berkenaan.

Mengenai perkhidmatan kesihatan pula, Kementerian Kesihatan memang sentiasa memperbaiki perkhidmatan kesihatan di luar bandar dengan menyediakan lebih banyak lagi pusat kesihatan dan klinik bidan untuk memberi kemudahan rawatan asas.

Berkenaan dengan memperluaskan program Amalan Makanan dan Pemakanan kepada penduduk-penduduk pendalaman, sukacita saya memberitahu bahawa program tersebut merupakan satu rancangan bersepadu yang melibatkan beberapa agensi Kerajaan seperti Kementerian Pertanian, Kementerian Pelajaran, Kementerian Penerangan dan juga Kementerian Kesihatan. Program ini adalah diselaraskan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Peranan utama Kementerian Kesihatan dalam program ini ialah untuk memberi pelajaran makanan dan pemakanan kepada semua penduduk di luar bandar yang datang ke pusat-pusat kesihatan ataupun klinik-klinik bidan. Di bawah rancangan ini juga kanak-kanak dan ibu mengandung yang mengalami kekurangan zat makanan akan juga diberi rawatan serta tindak-susul oleh kakitangan Kementerian Kesihatan untuk meninggikan lagi taraf kesihatan dan pemakanan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin, Kementerian Kesihatan sedar akan

keadaan yang berlaku di Klinik Mengandung di Hospital-hospital Besar terutama sekali di Hospital Besar Kuala Lumpur seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Usaha-usaha kini sedang diambil untuk mengatasi keadaan tersebut termasuk menggalakkan orang-orang awam supaya menggunakan kemudahan-kemudahan yang terdapat di Hospital-hospital Daerah di kawasan masing-masing tanpa semuanya bertumpu di Hospital-hospital Besar sahaja. Dengan ini kesesakan di Hospital Besar akan dapat dikurangkan.

Beliau juga telah menarik perhatian Kementerian tentang keadaan Rumah Mayat di Hospital Besar Pulau Pinang. Sungguh pun Rumah Mayat di Hospital Besar Pulau Pinang ini terdiri dari sebuah bangunan yang lama, kemudahan-kemudahan yang disediakan di situ adalah dalam keadaan yang memuaskan dari segi keperluan penyampaian perkhidmatan ini. Kebersihan bangunan ini dan kawasan sekitarnya sentiasa dikawal, malahan baru-baru ini bangunan itu telah pun dicat dan jalan masuk pun ditarkan. Kementerian Kesihatan buat masa ini tidak mempunyai cadangan untuk membina Rumah Mayat yang baru. Walau bagaimanapun, keperluan untuk perkhidmatan ini dan kemudahan bagi perkhidmatan itu akan dikaji dari semasa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Tuan Wong Kie Yik meminta Kerajaan supaya mempercepatkan pembinaan hospital baru di Sibu. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital ini telah pun dirancang dalam Rancangan Malaysia Kelima dan rancangan ini mempunyai pembinaan sejumlah 844 katil maksima dan dibina dalam 3 fasa. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian telah mendapat kelulusan untuk membina fasa 1

projek ini dengan sejumlah bilangan 238 buah katil bagi bidang perubahan dan "medical paediatrics" lengkap dengan kemudahan-kemudahan sampingan yang lain untuk Hospital itu. Bidang-bidang lain akan dikekalkan di Hospital sekarang iaitu Hospital Low King Howe buat sementara ini. Dengan kelulusan yang diperolehi, kerja-kerja mereka-bentuk hospital baru ini akan dijalankan dan dijangka akan mengambil masa 2 tahun lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja jawapan saya bagi beberapa hujah yang ditimbulkan dan saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah untuk memberi jawapan. Persilakan Yang Berhormat.

5.25 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, cadangan serta teguran-teguran yang membina mengenai pelaksanaan program-program dan aktiviti-aktiviti di Kementerian saya di sepanjang perbincangan Titah Ucapan Di Raja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ng Ah Poi telah membangkitkan mengenai masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kampung baru yang tidak mempunyai tanah. Oleh itu beliau menyarankan agar Kerajaan Pusat menelaraskan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya membekalkan

tanah-tanah kepada mereka. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, ingin saya menyatakan bahawa sebahagian besar daripada lot-lot tanah tapak rumah dalam kampung-kampung baru di Semenanjung Malaysia telah diberi atau dikeluarkan hakmilik. Sebagai contoh, di Negeri Sembilan ada 44 buah kampung baru dan jumlah lot-lot tanah yang terdapat di dalamnya ialah 7,057 lot. Dari jumlah ini sebanyak 4,890 lot telah dikeluarkan hakmilik. Dalam negeri Selangor pula terdapat 41 buah kampung baru dan jumlah lot-lot tanah yang ada dalam semua kampung-kampung baru itu ialah 15,085 lot. Sebanyak 11,443 lot tanah itu telah dikeluarkan hakmilik. Lot-lot tanah yang belum dikeluarkan hakmilik telah dikeluarkan Lesen Tumpangan Sementara (TOL) dan permohonan-permohonan untuk Hakmilik Tetap sedang diproses untuk pertimbangan Pihak Yang Berkuasa di peringkat Negeri.

Pada masa ini, di bawah pengurusan dan pengawasan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, tiap-tiap kampung baru ini diletakkan di bawah jagaan seorang Pegawai Khas yang bertanggungjawab menyelaraskan segala rancangan pembangunan yang dijalankan bagi kampung baru itu dengan pegawai ini bekerjasama serta berhubung rapat dengan Pejabat-pejabat Tanah dalam hal-hal masalah tanah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung baru.

Yang Berhormat Senator Dato' G. Pasamanickam telah menyarankan supaya diwujudkan perladangan secara berkelompok berdasarkan kepada pelaksanaan Dasar Pertanian Negara. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi mencapai matlamat yang diharapkan oleh Kerajaan di bawah Dasar Pertanian Negara, iaitu memaksima pendapatan

dari sektor pertanian melalui peningkatan produktiviti program dan strategi yang sesuai telah diwujudkan. Pendekatan sekarang melalui pembukaan tanah baru, pembangunan in-situ, penyediaan khidmat sokongan dan galakan serta pembangunan sosial dan institusi akan diteruskan. Pembukaan tanah baru yang merupakan satu dari dua strategi asas yang sedang dilaksanakan akan dipergiatkan. Strategi ini bukan sahaja telah menyediakan peluang-peluang pekerjaan tetapi juga membolehkan penubuhan unit-unit kebun yang ekonomik, pengwujudan amalan-amalan pertanian yang cekap dan penanaman jenis tanaman baru. Strategi ini juga telah berjaya meningkatkan pendapatan peserta melebihi garis kemiskinan.

Di samping itu strategi ini juga dijangka dapat mengurangkan tekanan kependudukan di kawasan-kawasan kampung yang sedang diusahakan dan membolehkan mereka yang tidak menyertai rancangan tanah mengerjakan kebun di kawasan yang lebih besar yang ditinggalkan oleh peserta rancangan tanah. Di samping pembukaan tanah-tanah baru, pembangunan in-situ juga diberi perhatian yang sama. Penumpuan yang lebih akan diberi terhadap penyelesaian saiz kebun yang tidak ekonomik, tanaman-tanaman yang kurang menguntungkan dan tingkat daya pengeluaran yang rendah.

Untuk mengatasi masalah-masalah ini beberapa program akan disusun. Program-program itu adalah dalam bentuk penyatuan tanah dan galakan perladangan secara kumpulan di bawah satu pengurusan. Kaedah pelaksanaan program ini adalah melalui:

- (i) penyatuan pengurusan—di mana tuan-tuan tanah dikumpulkan dalam satu kumpulan untuk membangun

kawasan tertentu dan hakmilik individu dikekalkan;

- (ii) penyatuan tanah milik kampung dan tanah-tanah Kerajaan secara setempat penyatuan tanah-tanah kampung yang terbiar dengan tanah baru yang merangkumi penyusunan semula penggunaan tanah bagi meninggikan hasil keluaran; dan
- (iii) penyatuan tanah melalui perpindahan penduduk—melibatkan perpindahan semua atau sebahagian penduduk daripada kampung-kampung mundur ke kawasan baru. Kawasan yang ditinggalkan dimajukan oleh agensi awam bagi mewujudkan ladang yang produktif dan ekonomik.

Selanjutnya Yang Berhormat Senator juga telah membangkitkan mengenai usaha-usaha Kerajaan untuk memajukan tanah-tanah terbiar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian ini sememangnya memberikan perhatian yang berat untuk membangunkan tanah-tanah terbiar ini melalui agensi yang bertanggungjawab mengenainya iaitu FELCRA. Seluas lebih kurang 565,000 hektar tanah terbiar telah dikenalpasti untuk dimajukan bagi tempoh sehingga tahun 1995. Sehingga akhir tahun 1985 FELCRA telah dapat memajukan seluas 69,796 hektar. Program-program untuk memajukannya telah disusun secara terperinci dan teratur untuk menentukan bahawa tanah terbiar yang berpotensi ini akan digunakan sepenuhnya supaya ianya dapat memberikan faedah kepada pemilik-pemilik atau petani-petani sendiri di samping mempertingkatkan taraf hidup masyarakat desa.

Yang Berhormat Senator Aion Ariffin dan Yang Berhormat Senator M. G. Pandithan telah mencadangkan supaya bekas-bekas penagih dadah diambil untuk ditempatkan di rancangan-rancangan tanah seperti FELDA. Untuk makluman Yang Berhormat Senator-senator, memanglah menjadi hasrat Kementerian ini untuk mengambil bekas-bekas penagih dadah sebagai peneroka di rancangan-rancangan FELDA. Walau bagaimanapun, sebelum menjadi peneroka, mereka ini terlebih dahulu diambil bekerja di ladang-ladang FELDA untuk menyesuaikan mereka dengan kerja-kerja ladang. Semasa menjadi pekerja ladang ini sekiranya mereka dapat menunjukkan sikap baik dan fikirannya sesuai untuk dijadikan peneroka maka mereka akan dipertimbangkan untuk diserapkan sebagai peneroka FELDA. Walau bagaimanapun, kita sedia maklum bahawa sumbangan fizikal daripada peneroka itu adalah amat penting untuk menjayakan rancangan bahkan untuk menentukan taraf ekonomi peneroka itu sendiri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat hendak menjawab bagi pihak Kementerian yang lain, kerana mengikut Peraturan Mesyuarat seorang Menteri tidak boleh berdiri dua kali. Dipersilakan.

5.38 ptg.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada seorang sahaja Ahli Yang Berhormat yang berminat untuk memberi teguran serta cadangan mengenai perjalanan dan pentadbiran Kementerian saya dan jabatan-jabatan di bawahnya semasa perbincangan terhadap Titah Ucapan Di Raja di Dewan yang mulia ini. Saya

yakin Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sudah mempunyai fahaman yang jelas serta berpuas hati dengan prestasi Kementerian saya.

Yang Berhormat Tuan Wong Kie Yik telah meminta supaya Kerajaan mempercepatkan rancangan pembinaan lapangan terbang Sibul dan Bintulu bagi memudahkan penduduk-penduduk di Sarawak yang selalu menggunakan kemudahan lapangan terbang di tempat-tempat tersebut di dalam semua urusan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan khususnya Kementerian saya adalah senantiasa meneliti keadaan permintaan trafik udara serta mengawasi kemudahan-kemudahan lapangan terbang dalam negeri-negeri di Malaysia termasuk Sarawak untuk menentukan pembangunan lapangan terbang-lapangan terbang yang seimbang. Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk membina lapangan terbang-lapangan terbang baru di Sibul dan di Bintulu. Walau bagaimanapun, sebagaimana yang kita sedia maklum sesuatu rancangan adalah tertakluk kepada keadaan kewangan negara. Peruntukan telah pun diperakukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima bagi membina sebuah lapangan terbang baru di Sibul.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Wong Kie Yik yang telah menunjukkan minatnya dalam mengemukakan teguran dan pandangannya ke arah membina menambahkan lagi kekesanan tentang perjalanan dan pentadbiran di bawah kawalan Kementerian Pengangkutan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat

Menteri Wilayah Persekutuan untuk memberi jawapan.

(Tiada jawapan dari Menteri).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Pertanian untuk memberi jawapan.

(Tiada jawapan dari Menteri).

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat dijemput untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

5.40 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit penerangan mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat pada masa perbahasan atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Keenam.

Perkara yang pertama yang telah dibangkitkan ialah mengenai bantuan kewangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bantuan kewangan bulanan bagi orang-orang miskin dibiayai dari dua punca, iaitu daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan dan juga peruntukan Kerajaan-kerajaan Negeri. Kadar yang diberi adalah di antara \$30 hingga \$40 di peringkat kadar minimum, dan di antara \$50 hingga \$115 di peringkat kadar maksimum.

Mengikut peraturan-peraturan skim bantuan tersebut, jumlah bantuan yang sebenar yang diberi kepada seseorang yang miskin itu bergantung kepada penyiasatan yang dijalankan ke atas keadaan/kedudukan seseorang itu sendiri. Penyiasatan tersebut mengambilkira beberapa faktor

Berpandukan kepada dua matlamat yang tersebut di atas, usaha-usaha pembangunan Kerajaan akan ditumpukan ke arah pencapaian matlamat ini. Antara lain, Kementerian telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Kampung Baru yang dipengerusikan oleh Menteri Perumahan sendiri dengan ahli-ahlinya yang terdiri daripada ahli-ahli Exco negeri dan agensi-agensi pusat Kerajaan yang lain. Melalui Jawatankuasa ini, semua usaha pembangunan dalam Kampung-kampung Baru akan dapat diselarasikan supaya mencapai impact atau kesan yang lebih berkesan lagi. Jawatankuasa juga berperanan mencari penyelesaian kepada masalah berkaitan dengan urusan pembangunan kampung baru seperti tanah-tanah dan kesesakan di kampung-kampung baru. Seperti yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat melalui satu sistem penyelarasan yang lebih berkesan, Kampung-kampung Baru akan dibangunkan selaras dengan arus pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin juga menjelaskan bahawa peruntukan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan hanya merupakan salah satu daripada beberapa sumber peruntukan untuk pembangunan Kampung-kampung Baru. Terdapat beberapa agensi Kerajaan yang lain seperti JKR, JPT, LLN, Kerajaan-kerajaan Negeri dan lain-lain agensi yang juga melaksanakan projek-projek pembangunan dalam Kampung-kampung Baru. Walau bagaimanapun, seperti yang saya telah jelaskan, Kementerian akan memastikan dan mewujudkan satu sistem penyelarasan yang berkesan supaya semua usaha-usaha pembangunan Kerajaan mencapai impact dan kesan yang maksima.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menurunkan harga rumah kos rendah. Di antara langkah-langkah yang diambil ialah mengurangkan bayaran premium tambahan untuk tukar syarat tanah milik atau bayaran premium untuk pemberian milik tanah Kerajaan melalui program penswastaan, mempercepatkan proses-proses kelulusan tukar syarat serta pecah sempadan tanah dan kelulusan pelan-pelan bangunan, membenarkan pembangunan campuran atau, dengan izin, mixed development, dan melonggarkan piawaian-piawaian perancangan dan infrastruktur untuk kawasan-kawasan perumahan kos rendah.

Di samping itu Kerajaan juga sentiasa mengawasi harga bahan-bahan binaan utama seperti simen dan besi supaya ianya tidak menyebabkan kenaikan dalam kos pembinaan rumah-rumah awam.

Pemilihan pembeli-pembeli rumah awam kos rendah adalah dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri berdasarkan kepada syarat-syarat tertentu. Salah satu dari syarat itu ialah pemohon hendaklah terdiri daripada mereka yang belum mempunyai rumah. Di samping itu mereka juga perlu mempunyai pendapatan yang tidak melebihi \$750 sebulan. Syarat-syarat ini adalah juga terpakai kepada rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh pihak swasta.

Walaupun bagaimanapun, di beberapa negeri, had pendapatan dilonggarkan kepada \$1,000 sebulan bagi rumah-rumah yang dibina oleh sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembinaan 80,000 unit rumah kos rendah tiap-tiap tahun mulai tahun 1986 ini, di bawah program khas perumahan kos rendah akan dilaksanakan sepenuhnya oleh sektor swasta. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah pun mengambil

langkah-langkah yang perlu untuk membantu sektor swasta dalam melaksanakan program tersebut. Perbincangan dengan sektor swasta selalu diadakan di peringkat Persekutuan dan Negeri terutama dengan wakil-wakil Persatuan Pemaju Perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi memberi teguran dan cadangan kepada Kementerian dan segala teguran dan cadangan itu adalah sangat dihargai dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Buruh untuk memberi jawapan. Dipersilakan.

6.02 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan atas Titah Ucapan Di Raja dengan memberi pandangan dan teguran yang berkaitan dengan perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Buruh.

Semua pandangan, teguran dan syor-syor daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator itu sudah tentu akan mendapat perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya oleh Kementerian Buruh. Saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, oleh kerana banyak daripadanya telah pun diberi jawapan pada sepanjang sidang Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi sedikit penjelasan ke atas beberapa isu utama yang diperkatakan oleh Ahli Yang

Berhormat Senator Tuan D. Rajoo dan Yang Berhormat Senator Puan Ainon binti Ariffin yang telah menyentuh tentang kemudahan asas yang perlu diadakan dan faedah-faedah yang perlu diberi kepada pekerja-pekerja di sektor perladangan untuk menarik ramai tenaga kerja ke sektor tersebut.

Sukalah saya memberitahu bahawa keseluruhannya suasana pekerjaan di sektor perladangan adalah tidak begitu buruk seperti yang telah digambarkan oleh setengah-setengah pihak. Di ladang-ladang kepunyaan ahli-ahli MAPA, kadar gaji dan syarat-syarat pekerjaan adalah lebih menarik dan setanding dengan apa yang terdapat di sektor-sektor yang lain seperti sektor pembuatan. Rumah-rumah pekerja juga dibina mengikut piawaian minima yang tertakluk di bawah Akta Piawaian Minima Perumahan Pekerja 1966.

Dari segi kesihatan, kemudahan hospital juga dinikmati oleh pekerja-pekerja ladang dan estet-estet tempat mereka bekerja. Sekiranya tidak ada kemudahan hospital, majikan ladang berkenaan diwajibkan menyediakan pengangkutan ke hospital Kerajaan yang berhampiran bagi pekerja-pekerja yang sakit. Pada keseluruhannya pencapaian bekalan kemudahan asas seperti air, elektrik dan jalan raya adalah lebih baik di ladang-ladang jika dibandingkan dengan kemudahan yang terdapat di kawasan-kawasan luar bandar yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Buruh sentiasa berusaha menasihatkan majikan-majikan yang berkenaan supaya membaiki lagi kemudahan-kemudahan mereka termasuk kadar gaji dan syarat-syarat pekerjaan termasuklah, dengan izin, fringe benefit. Sebagai salah satu daripada langkah-langkah Kerajaan untuk menggalakkan lebih ramai pekerja-pekerja tempatan khususnya

para penganggur untuk mencari nafkah di estet-estet, sebuah jawatankuasa kecil di bawah jawatankuasa penyelarasan mengenai pemberhentian pekerja-pekerja akan mengawasi kemudahan asas di ladang-ladang dan memperakukan apa-apa yang perlu dan wajar untuk meningkatkan lagi taraf penghidupan para pekerja estet.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai syor jaminan pekerjaan dan pembayaran gaji yang lumayan untuk menarik lebih ramai pekerja-pekerja ke sektor pembinaan sebagaimana yang juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator D. Rajoo, saya ingin memaklumkan bahawa gaji yang dibayar kepada pekerja-pekerja pembinaan adalah di antara yang paling tinggi berbanding dengan pemberian gaji di sektor-sektor yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kerja di sektor pembinaan tidak menggalakkan penggajian pekerja secara tetap, lebih-lebih lagi dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang ini. Amalan biasa adalah untuk pekerja binaan berhijrah dari satu tapak binaan ke tapak yang lain untuk merebut peluang pekerjaan. Oleh itu, adalah tidak praktik dan ekonomik bagi mana-mana majikan untuk menggajikan pekerja binaan secara tetap seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator itu.

Menyentuh tentang syor yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Aion Ariffin untuk mengadakan "Youth Opportunity Scheme", bagi membantu siswazah dan profesional yang menganggur, adalah dimaklumkan bahawa seperti dirangka dalam Rancangan Malaysia Kelima, 1986 hingga 1990, Kerajaan akan menubuhkan satu pasukan sukarela yang terdiri daripada para iktisas dan siswazah untuk bekerja dalam projek-projek tertentu. Selain

daripada itu, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk menyediakan pekerjaan sementara kepada siswazah-siswazah yang menganggur dengan menempatkan mereka di agensi-agensi atau projek-projek Kerajaan. Mereka ini akan dibayar elaun dan pada masa yang sama akan bepeluang mendapat kemahiran dan pengalaman dalam pekerjaan-pekerjaan berkaitan. Rancangan sebagaimana yang dirangkakan oleh Kerajaan untuk membantu siswazah dan profesional yang menganggur adalah difikirkan memadai buat sementara waktu.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah bangun membahas dengan menyentuh perkara-perkara mengenai Kementerian saya dan mana-mana perkara yang tidak saya beri jawapan di sini akan diberi perhatian yang sewajarnya dan mana-mana cadangan yang sesuai akan dilaksanakan untuk kebaikan semua pihak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk memberi jawapan bagi pihak Kementeriannya. Dipersilakan.

6.08 ptg.

Dato' Sabbarudin Chik: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan juga sokongan-sokongan serta syor-syor yang membina sewaktu membahas mengenai Titah Di Raja yang telah berlangsung beberapa hari yang lepas. Saya mengambil kesempatan di sini untuk memberi penerangan-penerangan terhadap beberapa perkara-perkara yang dibangkitkan

oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai perkara-perkara yang ada kaitannya dengan Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya sentiasa sedar bahawa pertumbuhan ekonomi negara sekarang adalah agak lebih perlahan dari jangka masa tahun-tahun 60an dan 70an. Keadaan ini tidaklah dapat dielakkan kerana semua negara-negara di dalam dunia ini sama ada negara-negara maju ataupun negara-negara yang sedang membangun seperti negara kita, Malaysia juga mengalami masalah-masalah yang timbul dari kemelesetan ekonomi dunia yang bermula pada awal tahun 80an.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, keadaan ekonomi negara-negara perindustrian sudah mula menunjukkan pemulihan walaupun masih lagi pada kadar yang agak perlahan dan mengikut laporan terbaru daripada Tabung Antarabangsa, dengan izin, International Monetary Fund (IMF), negara-negara perindustrian akan mengalami pertumbuhan ekonomi yang agak sederhana pada kadar 3% dalam tahun 1986 ini berbanding dengan 2.8% dalam tahun yang lepas dan bagi seluruh dunia pertumbuhan ekonomi pada tahun 1986 ini adalah pada kadar 3.1% berbanding dengan 2.9% pada tahun yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan ini sangatlah menggalakkan pada keseluruhannya tetapi kita perlu juga berhati-hati dan berwaspada kerana ekonomi sesebuah negara yang banyak bergantung kepada pendapatan eksport barangan utama seperti negara kita Malaysia masih lagi menghadapi keadaan pasaran barangan utama yang lembab oleh kerana harga yang rendah dan juga bekalan dunia barangan utama yang

boleh dikatakan berlebihan pada ketika ini.

Kerajaan sentiasa mengikuti perkembangan ekonomi antarabangsa untuk membolehkan Malaysia menyesuaikan Dasar Ekonomi Negara dan tindakan-tindakan penyesuaian akan diambil bagi menentukan kekukuhan kedudukan kewangan Kerajaan dan mengukuhkan keutuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh soal kedudukan kewangan negara terutamanya keupayaan membayar balik pinjaman. Kerajaan adalah sentiasa sedar akan betapa pentingnya mengawasi segala perbelanjaan untuk menentukan perbelanjaan yang dibuat adalah di dalam keupayaan dan kemampuan ekonomi negara. Oleh kerana inilah Kerajaan sentiasa mengawasi segala pinjaman-pinjaman yang dibuat dengan berhati-hati dan menentukan penggunaan pinjaman itu akan membawa faedah kepada negara kita baik dari segi jangka pendek mahu pun dari segi jangka panjang.

Sukalah saya memberi jaminan di sini bahawa Kerajaan sentiasa mengambil pertimbangan keupayaan dan kemampuan membayar balik pinjaman-pinjaman yang dibuat dan kita sentiasa berusaha untuk mengurangkan kos pembayaran balik pinjaman-pinjaman yang kita buat ini melalui pembiayaan semula, dengan izin, refinancing, dengan mengambil kesempatan sumber kewangan yang mempunyai bayaran faedah yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya sentiasa memberi keutamaan kepada usaha-usaha meningkatkan penyertaan sektor swasta di dalam usaha pembangunan ekonomi negara di bawah konsep Persyarikatan Malaysia dan juga Konsep Penswastaan. Berdasarkan

kepada hasrat inilah banyak galakan-galakan dan insentif-insentif diberi khususnya dari segi pengurangan cukai, mengadakan kemudahan-kemudahan tertentu dan melicinkan lagi pentadbiran dari segi memudahkan perhubungan antara sektor awam dan sektor swasta.

Kerajaan juga telah melonggarkan beberapa peraturan dan syarat-syarat tertentu untuk menggalakkan pelaburan baik dari segi pelabur-pelabur tempatan ataupun dari pelabur-pelabur asing.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menggalakkan lebih banyak penggunaan faktor pengeluaran tempatan seperti memberi pekerjaan kepada pakar dan juga pekerja mahir tempatan serta juga penggunaan bahan-bahan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan cadangan supaya pihak Kerajaan menggalakkan penanaman buah-buahan dan pengeluaran makanan tempatan. Ini dapat mengurangkan beban import bahan-bahan makanan dan juga buah-buahan dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan bahawa Kerajaan sememangnya memberi perhatian berat terhadap pengeluaran barang-barang makanan dan juga buah-buahan tempatan. Berasaskan kepada inilah Kerajaan mengadakan Tabung Pelaburan Baru, dengan izin, New Investment Fund (NIF) yang berjumlah \$1,000 juta, yang bertujuan untuk menggalakkan sektor swasta melabur dalam projek perkilangan, projek pertanian dan juga projek pelancongan.

Tabung Pelaburan Baru ini disalurkan melalui institusi-institusi

keuangan. Dengan ini pelabur-pelabur yang berminat dapatlah membuat permohonan melalui bank-bank masing-masing. Maka oleh itu, saya menggesalah pihak pelabur-pelabur untuk mengambil peluang ini dan melabur di dalam bidang-bidang yang saya sebutkan tadi yang diberi keutamaan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kertas Putih Laporan Akhir BMF Hong Kong, inginlah saya menyentuh tentang beberapa pandangan ataupun ulasan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini. Ada Ahli Yang Berhormat mengatakan bahawa Kerajaan terlalu bersikap liberal dan keterlaluan. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, keputusan yang diambil oleh Kerajaan untuk membentangkan Kertas Putih dan mengumumkan Laporan Akhir tersebut pada orang ramai bukanlah atas desakan mana-mana pihak terutamanya pihak Pembangkang, tetapi semata-mata menunaikan janji Kerajaan kepada rakyat untuk mendedahkan seluas-luasnya skandal BMF ini tentang bagaimana dan siapakah penjenayah-penjenayah yang terlibat.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Kertas Putih tidak perlu dikeluarkan, tetapi memandangkan Laporan Akhir Jawatankuasa Penyiasat itu telah menyentuh dan melibatkan nama beberapa Menteri Kabinet dan individu-individu serta firma-firma swasta tertentu, Kertas Putih terpaksa dikeluarkan untuk mengikis perasaan syak-wasangka di kalangan rakyat terhadap penglibatan mereka yang tersebut di dalam laporan itu.

Tuan Yang di-Pertua, media-massa ada membuat komen bahawa Laporan Akhir Jawatankuasa Penyiasat yang diketuai oleh Tan Sri Dato Ahmad Noordin adalah satu laporan yang lengkap dan kemaskini mengenai skandal BMF ini. Walau

bagaimanapun Kerajaan berpendapat laporan ini adalah tidak begitu lengkap dari fakta-fakta penyelidikannya. Umpamanya, apabila nama Menteri-menteri Kabinet dikaitkan dengan pembelian bangunan di Hong Kong oleh Kerajaan Malaysia, Jawatankuasa itu bergantung kepada fakta-fakta telex, surat-menyurat dari fail-fail BMF dan juga syarikat-syarikat Kumpulan Carrian sahaja. Jawatankuasa itu menyatakan Kerajaan telah melantik George Tan dan juga Carrian menjadi orang tengah mengenai pembelian itu. Tetapi Jawatankuasa itu walaupun diberi kebebasan penuh dalam menentukan cara-cara penyiasatnya tidak pula menyiasat fail-fail dan menemuduga pegawai-pegawai dari Kementerian Kewangan ataupun menemuduga Menteri-menteri Kabinet yang dimaksudkan. Inilah yang agak menghairankan.

Tuan Yang di-Pertua, fakta-fakta dalam fail dari Kementerian Kewangan jelas menunjukkan tatacara dalam urusan pembelian harta di Hong Kong itu. Jika Kerajaan memutuskan untuk mengemukakan Laporan Akhir itu sahaja kepada orang ramai sudah tentu rakyat jelata akan menganggap bahawa Kerajaan juga terlibat secara langsung dalam skandal berkenaan. Jadi untuk mengelakkan kemungkinan salah anggapan dan tandatanya mengenai kandungan Laporan Akhir tersebut Kerajaan memutuskan untuk mengeluarkan Kertas Putih mengenainya di mana Menteri-menteri Kabinet dan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan serta individu-individu tertentu dapat menjelaskan perkara-perkara yang tidak dijelaskan di dalam Laporan Akhir Jawatankuasa Penyiasat Tan Sri Ahmad Noordin itu.

Tuan Yang di-Pertua, ada Ahli Yang Berhormat menyarankan supaya Kerajaan seharusnya bertindak segera

mempastikan supaya skandal seperti skandal BMF ini tidak berulang lagi. Skandal ini berlaku kerana Lembaga Pengarah BMF menyalahgunakan kuasa, pecah amanah, menipu, menyeleweng dan memalsukan rekod-rekod BMF. Perkara ini akan terus berlaku di mana-mana institusi-institusi kewangan jika terdapat orang-orang yang bersikap tidak bersih, tidak cekap dan tidak amanah di dalam menjalankan tugas-tugas mereka dan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, integriti dan kejujuran pegawai-pegawai atasan baik di sektor awam mahupun di sektor swasta amatlah penting. Di sinilah Kerajaan sering menekankan konsep "Bersih, Cekap dan Amanah".

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, skandal BMF perlulah dijadikan satu pengajaran kepada kita semua, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat dan sesiapa sahaja yang belum membaca Laporan Akhir BMF itu saya menyeru agar mereka meneliti dan membacanya. Saya difahamkan mereka juga diberi percuma (free) laporan-laporan ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyarankan agar Kerajaan mengambil tindakan-tindakan tertentu bagi memastikan penjenayah-penjenayah dalam skandal BMF ini dihukum setimpalnya.

Melalui pembentangan Kertas Putih dan pengumuman Laporan Akhir Jawatankuasa Penyiasat kepada orang ramai ini tidaklah bermakna bahawa usaha-usaha dan tindakan-tindakan Kerajaan dalam isu mengenai skandal BMF Hong Kong ini akan berakhir begitu sahaja.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menegaskan sekali lagi di Dewan

yang mulia ini bahawa Kerajaan akan mengambil tindakan-tindakan susulan untuk memastikan Bank Bumiputera Malaysia Berhad mengkaji syor-syor Laporan Jawatankuasa Penyiasat itu dan mengambil tindakan undang-undang ke atas penjenayah-penjenayah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional akan sentiasa mengawasi kedudukan ekonomi negara untuk menentukan kekukuhan, keutuhan ekonomi dan Kerajaan akan sentiasa memberi perhatian berat terhadap usaha memperbaiki lagi taraf hidup dan kepentingan rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Di samping itu, Kerajaan akan terus meningkatkan usaha-usaha memperbaiki pentadbiran supaya lebih bersih, lebih cekap dan lebih beramanah. Insyallah, dengan kerjasama dan sokongan semua pihak cita-cita murni kita akan mencapai matlamatnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penerangan-penerangan dan juga penjelasan-penjelasan yang dapat saya beri, yang ada menyentuh Kementerian Kewangan. Kepada pandangan-pandangan yang mana tidak kita sentuh, percayalah Ahli-ahli Yang Berhormat, bukan kita menganggap ini sebagai tidak penting, tetapi semuanya telah dicatat dan kita percaya tindakan-tindakan juga akan diambil oleh pegawai-pegawai dari Kementerian. Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat, yang saya memberi pandangan dan teguran serta syor-syor yang berguna kepada Kementerian Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa Usul atas nama Tuan Hussein bin Ahmad iaitu:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku, Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam.”

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti yang dipersembahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku, Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, mohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada masa membuka Penggal Keempat Parlimen Yang Keenam.”

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli
Yang Berhormat, Dewan yang mulia
ini sekarang ditangguhkan sehingga

jam 3.00 petang hari esok, Jumaat,
11-4-1986.

*Dewan ditangguhkan pada pukul
6.30 petang.*